

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Selasa, 9 Mei 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan N. Marimuthu [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah kerajaan bermatlamat untuk menentukan keselamatan makanan (food security) dan jika ia, apakah program untuk mencapai matlamat itu dan bila.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada objektif utama yang terdapat dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga ialah untuk meningkatkan sekuriti makanan melalui penggunaan sumber secara optimum ke arah memaksimumkan pengeluaran serta pendapatan pengeluar dan negara. Walaupun demikian, kerajaan tidak berhasrat untuk mengeluarkan seratus peratus semua makanan yang diperlukan dalam negara.

Untuk mencapai sekuriti makanan yang dirancangan, Dasar Pertanian Negara Ketiga telah menetapkan tahap sara diri yang tertentu bagi komoditi-komoditi yang berkenaan, misalnya tahap sara diri bagi beras ialah 70%, sayur-sayuran 90%, daging lembu 24%, telur 114% dan ikan 94% pada tahun 2010. Untuk mencapai matlamat dalam tempoh masa tersebut arah haluan dasar kerajaan akan menjurus kepada;

- (i) meningkatkan pengeluaran barangan makanan tempatan;
- (ii) perolehan sumber secara strategik bagi produk makanan yang berkualiti serta bahan mentah untuk industri pemprosesan makanan dari sumber yang terjamin; dan
- (iii) memastikan makanan yang berkualiti tinggi selamat dimakan, berkhasiat dan boleh diperolehi pada harga yang berpatutan.

Dato' Charern Intachat: [*Bangun*]

Datuk Tee Thiong Hock: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya nampak sebelah kanan dahulu.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah jenis makanan yang dikatakan genetically modified, dengan izin, selamat dimakan kerana ada pihak-pihak di kalangan ahli sains yang menyatakan ianya tidak selamat dimakan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan tadi kementerian menentukan dengan kerjasama Kementerian Pertanian bahawa bahan-bahan makanan yang dimakan oleh rakyat kita adalah yang terdiri daripada makanan yang terselamat yang mempunyai kandungan baki sisa toksik pada tahap yang dibenarkan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: *[Bangun]*

Datuk Tee Thiong Hock: *[Bangun]*

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan....

Tuan Yang di-Pertua: Saya pandang kanan sahaja ini, tak pandang kiri lagi.
[Ketawa]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Walau bagaimanapun, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah kawasan sawah padi baru di mana kita dapati sekarang ini kawasan-kawasan sawah yang berdekatan dengan bandar sudah pun semakin pupus kerana ditukar kepada kawasan perumahan seperti di Melaka misalnya. Jadi, kita tahu bahawa padi merupakan makanan utama kita dan berapa peratuskah di antaranya kita sudah mencapai pada tahap mencukupi untuk rakyat kita ini.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai lahan kawasan jelapang padi. Tumpuan kementerian ialah untuk menumpukan pengeluaran padi di kawasan lahan jelapang padi yang utama di dalam negara kita. Usaha untuk hendak memperluaskan kawasan tanaman padi ini memerlukan kerjasama pihak kerajaan negeri. Dalam masa yang sama juga kita mengharapkan kerjasama daripada kerajaan negeri supaya tidak menukarkan kawasan-kawasan tanah pertanian, kawasan-kawasan jelapang padi ini ditukar kegunaannya yang pada masa sekarang kawasan tanaman padi yang baik ditukar jenis kegunaannya untuk tujuan-tujuan skim perumahan, perkilangan dan sebagainya. Dalam usaha untuk hendak tambah kawasan jelapang padi Kerajaan Pusat

memerlukan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri kerana urusan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing.

Datuk Tee Thiong Hock: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila negara kita dilanda dengan kemerosotan ekonomi mahupun tahun 1970-an, 1980-an dan kali ini kita kata kita balik ke pertanian kerana itu adalah asas ekonomi, tiap-tiap kali. Dan bila ekonomi bertambah baik asas dan strategi itu telah dilupakan. Saya berani katalah, ataupun emphasis sudah kurang. Di sini saya mahu tanya adakah ini benar dan apakah strategi kerajaan untuk menentukan emphasis di bidang pertanian itu tidak ubah tidak kira perkembangan ekonomi khususnya dari kadar pengeluaran tambahan. Adakah itu boleh ikut GDP increase, dengan izin, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara Ketiga yang saya sebutkan tadi memberi penekanan yang cukup penting pada pembangunan di sektor pertanian. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, wawasan kerajaan yang terkini ialah untuk membangunkan sektor pertanian. Jadi, jelas sektor pertanian ini bukan sahaja semasa gawat diberi perhatian, tetapi dalam masa sekarang sektor pertanian diberi perhatian yang serius dan kementerian bercadang untuk membuat satu transformasi di kementerian dan dalam pembangunan sektor pertanian dalam negara kita. Itu hasrat Kementerian Pertanian di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang baru dari Sarawak.

2. **Datuk Norjan binti Khan Bahadar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk melarang kemasukan para wartawan asing dan media-media asing yang sering melaporkan perkara-perkara buruk dan palsu mengenai Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan tidak bercadang melarang kemasukan para wartawan dan media-media asing ke negara kita kerana sebagai wartawan yang jujur, ikhlas dan bertanggungjawab seharusnya mereka membuat laporan objektif mengenai negara kita untuk menjaga kredibiliti ke taraf profesionalisme mereka.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhbar asing masih tetap terus dengan usaha-usaha mereka untuk

menjatuhkan imej Malaysia walau bagaimanapun cemerlang prestasi kita. Jadi, adakah pihak kementerian, pihak kerajaan mempunyai strategi tertentu untuk menawan hati mereka ini dengan langkah-langkah strategik umpamanya menganjurkan forum, seminar dan sebagainya, sebenarnya menarik mereka datang ke Malaysia, melawat tempat, bermesra dan mengetahui kita. Saya percaya sebab tak kenal kerana itu tak cinta, setelah berkenal kasih menjelma.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negara kita tidak mempunyai masalah dengan peratusan besar penduduk-penduduk di negara asing khususnya negara-negara Barat yang maju. Hanya segelintir pemimpin-pemimpin kerajaan di negara-negara tertentu hanya mempunyai masalah dengan kita. Mereka ini memang merasa iri hati, dengki sebab mereka melihat pencapaian Malaysia di rantau ini. Walau bagaimanapun, sudah banyak forum dan lawatan-lawatan dibuat, dipelawa kepada mereka khususnya golongan perniagaan dan juga pelancong-pelancong yang datang ke negara ini. Memang betul selepas mereka melancong ataupun melawat ataupun menghadiri forum di negara kita mereka dapat bertambah dari segi kesedaran macam mana Malaysia sebagai sebuah negara dan apakah bentuk kerajaan di sini.

Walaupun bagaimanapun, bila kita sentuh dengan soalan wartawan asing memang kita juga mempunyai peruntukan-peruntukan di bawah akta-akta, bidang kuasa di mana pihak-pihak berkuasa dapat juga mengambil tindakan terhadap mereka. Umpamanya, jika seseorang wartawan asing selepas dia meninggalkan negara ini, balik ke negara asal membuat laporan yang tidak sebenar ataupun penuh dengan tohmahan, fitnah maka mereka ini akan disenaraihitamkan oleh pihak berkuasa dan bila mereka lain kali hendak pohon masuk ke negara kita, memang kita tidak bersetujulah. Pihak imigresen juga berhak untuk mengambil tindakan untuk halau mereka keluar kalau perlulah. Selama ini memang kerajaan masih mempunyai sikap terbuka di mana kita tidak suka untuk menghalau wartawan-wartawan asing walaupun mereka bertindak tidak bertanggungjawab semasa berada di negara kita. Kita tidak suka, tetapi jika perlu memang kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang sudah banyak forum dianjurkan di negara kita dan pemimpin negara kita pun semasa melawat ke negara lain mempelawa supaya lebih ramai mereka ini datang. Cuma seperti saya katakan hanya segelintir pemimpin-pemimpin negara maju di Barat mempunyai sedikit

perasaan tidak senang hati terhadap Malaysia memandangkan Malaysia begitu banyak telah membuat pencapaian. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah berguna kalau Kerajaan Malaysia itu mendapatkan bantuan daripada media massa kita sendiri untuk mempererat lagi perhubungan di antara kita dengan media massa dari luar negara.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah salah satu jalan, salah satu channel yang munasabah. Saya percaya usaha-usaha ke langkah ini telah pun dibuat. Kemungkinan kita akan memperhebatkan lagi jika perlu. Sekian.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa media-media asing dan wartawan mereka ini kemungkinan mempunyai agenda mereka tersendiri, mungkin juga mengikut aliran political masters mereka. Soalan saya, adakah dari segi kita wartawan dan media kita cukup mendapat pendedahan, maklumat-maklumat supaya mereka ini dilengkapkan untuk mempertahankan jika diserang dan sekali-sekala kena serang mereka untuk menegakkan kebenaran.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang benar ada setengah media-media asing kemungkinan akan mengikut telunjuk pemimpin-pemimpin politik ataupun pemimpin-pemimpin negara di mana mereka berasal. Dalam perkara ini memang kerajaan sentiasa menggalak supaya media-media tempatan bersiap sedia dan sentiasa mengenal pasti sama ada media-media asing semasa mereka berada di sini macam mana mereka bertindak supaya mereka lebih berwaspada dan membuat persiapan jika kerajaan kita kena serang tanpa 'tiada pasal', maka media tempatan kemungkinan akan tampil ke hadapan untuk menjaga mempertahankan imej negara kita.

3. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa pihak kerajaan akan 'write-off' sebanyak 700,000 kes jenayah dan sivil yang belum selesai di Mahkamah Majistret.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Disember 1999 jumlah kes-kes yang belum dibicarakan di peringkat Mahkamah Majistret di seluruh negara ialah 664,212, iaitu 490,594 kes jenayah dan 173,618 kes sivil. Dari jumlah 490,594 kes jenayah

sebanyak 439,226 kes adalah merupakan kes saman trafik dan saman jabatan-jabatan yang lain. Manakala kes jenayah sebenar ataupun kes tangkap ialah sebanyak 51,368 kes.

Bagi kes-kes sivil 50% daripadanya adalah kes-kes di mana saman belum diserahkan kepada defendan dan tarikh sebutan ditetapkan dalam tempoh dua atau tiga bulan. Sekiranya saman tidak diserahkan selepas dua bulan ianya akan luput dan kes boleh dibatalkan. Kira-kira 25% daripada kes-kes sivil tersebut, saman telah diserahkan tetapi kes masih berada di pelbagai peringkat permohonan interlokutari. Hanya 25% sahaja merupakan kes-kes yang telah siap untuk dibicarakan sepenuhnya.

Kebiasaannya kes-kes jenayah ataupun kes tangkap yang tertangguh sebanyak tiga kali akan dibatalkan melalui perintah 'dilepaskan tanpa dibebaskan' atau 'discharge not amounting to acquittal' (DNAA).

Bagi kes-kes saman trafik pula, pihak pendakwa biasanya diberi tiga kali percubaan untuk menyerahkan saman, jika gagal berbuat demikian, kes tersebut akan dibatalkan atau struck off.

Bilangan saman trafik yang tidak diserahkan oleh polis adalah sangat tinggi dan ini menyebabkan ribuan kes sedemikian dibatalkan setiap hari oleh mahkamah sejak dahulu lagi. Begitu juga bagi kes-kes sivil, tindakan tunjuk sebab akan diambil terhadap plantif atau peguamnya sekiranya tiada tindakan susulan diambil ke atas sesuatu kes dalam tempoh enam bulan. Kes-kes akan dibatalkan (struck off) sekiranya tiada sebab yang munasabah diterima.

Selain dari itu, mahkamah juga mengadakan operasi kemas kini fail setiap hujung tahun untuk menangani masalah yang sama. Oleh itu, soal pembatalan kes write-off ataupun struck off bukanlah merupakan suatu perkara baru, malahan ianya adalah merupakan amalan mahkamah sejak dari bermulanya sistem kehakiman di negara ini. Tindakan tersebut akan diteruskan berdasarkan prosedur dan juga alasan seperti di atas setelah mengambil kira kepentingan keadilan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah faktor penyebab banyak kes sivil dan jenayah ini tertangguh?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana kita sedia maklum, kes-kes di mahkamah ini bukan melibatkan dua pihak sahaja, ianya melibatkan banyak pihak. Di antara yang terlibat ialah mahkamah itu sendiri, hakimnya ataupun majistrenya, peguam bela dan juga

pendakwa. Oleh kerana ramai yang terlibat, sudah tentu jika ada salah seorang yang tidak dapat hadir ke mahkamah, maka kes ini terpaksa ditangguhkan.

Di samping itu juga, di dalam kes-kes sivil dan saman, kita juga ada proses atau prosedur untuk menghantar saman kepada pihak-pihak yang didakwa. Jika saman ini tidak dapat kita 'serve' ataupun tidak dapat kita sampaikan, kes tersebut juga boleh ditangguhkan.

Jadi, oleh itu, kita dapati apabila kes ini ditangguhkan pada hari yang telah ditetapkan, kes ini akan dibicarakan mulai tiga bulan ataupun empat bulan kemudiannya, kerana tiga bulan yang terdahulu itu hakim-hakim ini ataupun mahkamah tersebut telah pun menyenaraikan kes-kes yang akan dibicarakan. Sebab itu, kita dapati kes-kes ini tertunggak, kadang-kadang memakan masa yang lama, kerana kita dapati banyak kes-kes penangguhan ini berlaku melibatkan pelbagai pihak.

Oleh itu, pihak kerajaan telah pun bertegas supaya meminta mahkamah hanya boleh menangguhkan kes-kes tertentu jika alasan-alasan tertentu boleh kita terima. Terima kasih.

Datuk Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik kerana bilangan kes 664,000 dan tadi pun dikatakan bukan satu parti hanya terlibat, memang dua atau tiga parti, kalau kita gandakan tiga kali 1.8 juta. Jadi, kalau dikira orang dewasa di negara ini memang 10 juta sahaja, jadi 18% orang yang terlibat dalam kes-kes mahkamah. Nampaknya ini adalah satu bilangan yang dengan izin, keep we all very busy, may be we all like to go to court. Di sini saya mahu bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk mencari jalan macam mana boleh turunkan nombor kes ini kerana kes-kes ini nampak begitu banyak rakyat terlibat dalam kes-kes mahkamah ini, up to 18% kalau ikut kiraan saya, satu perangkaan yang begitu besar. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan tadi, kes yang terlibat memang banyak iaitu 664,212 tetapi daripada 664,212 ini ianya melibatkan 439,226 adalah kes saman trafik, hanya kes jenayah tangkap ini sebanyak 51,368 kes. Jadi, untuk kes saman ini, kita sedia maklum bahawa kerajaan telah pun menyediakan mahkamah khas untuk membicarakan kes-kes saman ini. Dan saya telah nyatakan tadi bahawa kes-kes saman ini sekiranya masa-masa tertentu seperti ia tidak boleh dilaksanakan saman ini sebanyak tiga kali maka selalunya mahkamah akan membatalkan saman trafik ini.

Bagi kes 51,398 ini, ini kes jenayah biasa dan di samping kita akan menambahkan kakitangan mahkamah dan arahan yang telah dikeluarkan supaya hanya kes-kes tertentu sahaja yang boleh kita tangguhkan, tadi saya telah nyatakan bahawa di dalam proses undang-undang biasa, ada masa-masa tertentu kita boleh membatalkan kes-kes tersebut seperti kes jenayah setelah tiga kali kes ini ditunda dan pihak pendakwa masih lagi tidak dapat meneruskan kes, maka mahkamah akan memberikan hukuman 'dilepaskan tanpa dibebaskan' ataupun DNAA.

Jadi, kita harap kes yang banyak ini akan dapat kita selesaikan dan semua parti yang terlibat menegakkan keadilan di negara ini harus memberikan kerjasama untuk menyelesaikan kes-kes tersebut. Terima kasih.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan....

Tuan Yang di-Pertua: Wah, ramai sangat ni. *[Ketawa]*

Dato' Poo Yew Choy: Di negara kita kes-kes jenayah dan kes-kes sivil ada begitu banyak yang tidak dapat diselesaikan pada masa sekarang. Adakah benar hakim-hakim di negara kita tidak mencukupi keperluan?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju pendapat Yang Berhormat, sekarang ini semakin bertambah banyak kes sama ada kes jenayah ataupun kes sivil. Sekarang ini saman malu pun banyak, bak kata orang sekarang ini kita dalam dunia moden dan ramai orang-orang bertambah cerdik pandai, pelbagai kes telah disaman di dalam mahkamah, tambah pula sekarang ini dalam kes-kes politik pun sama juga, kalau mana-mana pihak salah cakap disaman, fitnah (defamation) dan sebagainya.

Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah ini dan kita akan memenuhkan kekosongan jawatan yang masih terdapat di bahagian judiciary dan kita harap apabila jawatan ini dipenuhi, masalah tertangguh ini akan dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan, waima kita memenuhkan jawatan ini sekali pun, tetapi kalau masih tidak terdapat kerjasama daripada parti-parti yang terlibat di dalam mahkamah, sudah tentu kes ini masih lagi merupakan kes tertangguh dan sukar kita selesaikan dengan segera. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil yang telah dicapai oleh rombongan Saintis Negara ke Antartika dan nyatakan juga jumlah kos perbelanjaan bagi misi tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa misi pertama rombongan kajian saintis negara ke Antartika telah dilakukan pada bulan Oktober 1999. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara objektif penyelidikan oleh rombongan saintis negara ke Antartika adalah untuk mengkaji pencemaran udara oleh bahan-bahan organic primary udara dan bahan-bahan pencemaran secondary yang terbentuk melalui proses interaksi bahan-bahan tersebut dalam udara.

Maklumat yang diperolehi dari kawasan udara bersih di Antartika akan dapat memberi jawapan terhadap kejadian pencemaran udara di kawasan tropika seperti di Malaysia. Dengan maklumat-maklumat ini adalah diharap dapat memantapkan penyelidikan dalam bidang pencemaran udara di Malaysia dan seterusnya cara-cara untuk mengatasinya.

Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan bahawa buat masa ini adalah agak awal untuk menilai hasil dan sumbangan penyelidikan daripada misi ini kerana ia masih lagi dalam peringkat pelaksanaan. Walau bagaimanapun, projek ini telah dapat membuka lembaran baru dalam arena penyelidikan bagi saintis Malaysia di peringkat antarabangsa. Selain daripada mendapatkan pengetahuan baru tentang pencemaran udara yang boleh diguna pakai di Malaysia, ia juga dapat menyumbang kepada usaha mengatasi masalah ini di peringkat serantau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seterusnya kos perbelanjaan misi ini adalah sebanyak RM250,000 iaitu daripada dua projek penyelidikan Antartika yang dibiayai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang keseluruhannya berjumlah lebih kurang RM726,000. Projek-projek ini dilaksanakan oleh empat orang saintis daripada Universiti Malaya dengan kerjasama pihak Kerajaan New Zealand dan diselarasakan oleh Akademi Sains Malaysia. Terima kasih.

5. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah orang Islam yang pernah didakwa di bawah Akta Jenayah Syari'ah Wilayah Persekutuan sejak ianya dikuatkuasakan.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan telah dikuatkuasakan pada tahun 1997. Sejak tarikh tersebut sehingga Mac 2000 sebanyak 766 kes telah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah dan 787 kes pula difailkan di Mahkamah Rendah Syariah. Jumlah keseluruhan ialah sebanyak 1,533 kes. Kes-kes kesalahan jenayah syariah di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan daripada 766 kes yang didaftarkan, kita telah selesaikan sebanyak 509 kes dan masih lagi tertanggung sebanyak 257 kes. Terima kasih.

6. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mencungkil bakat di kalangan murid-murid sekolah dan anak-anak muda kita yang sudah bekerja dalam bidang sukan dan olahraga dan seterusnya memberi latihan kepada mereka sambil membantu mereka meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi dan tanpa menjejaskan pekerjaan mereka.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kaedah telah dilakukan dalam usaha untuk mencari bakat dalam bidang sukan. Kaedah mencari bakat di kalangan murid-murid yang benar-benar mempunyai potensi untuk maju dalam sukan, masing-masing dikenal pasti di samping menyediakan program latihan yang lebih tersusun untuk jangka masa yang lebih panjang. Kaedah ini dilaksanakan melalui satu program yang dinamakan Program Mengenal Pasti Bakat di mana beberapa ujian fizikal dilakukan untuk membolehkan setiap murid yang mengikuti program ini dikenal pasti potensi masing-masing.

Selain daripada program ini, pengenalan bakat juga dilakukan melalui pertandingan-pertandingan yang diadakan khususnya di peringkat umur yang rendah. Bagi mereka yang telah bekerja khususnya yang berada di dalam lingkungan umur 17 hingga 19 tahun, pemilihan atlet dibuat berasaskan kepada potensi yang dicapai dalam pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan. Namun demikian, pada masa ini tumpuan untuk mencari bakat banyak dilakukan di kalangan murid-murid sekolah oleh kerana umur yang masih muda dan tempoh untuk bergiat aktif dalam sukan adalah lebih lama.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara, telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk membolehkan atlet-atlet yang terpilih dan yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam sukan diberi perhatian khusus untuk membolehkan mereka mengikuti pendidikan yang lebih tinggi. Sebagai contoh, kerjasama yang khusus telah diadakan di antara Majlis Sukan Negara dengan Universiti Putra Malaysia di mana satu program untuk membolehkan atlet-atlet yang terpilih berlatih sambil mengikuti pendidikan di institut pengajian tinggi. Usaha yang sama juga akan diperluaskan dengan universiti-universiti yang lain.

Di samping itu juga, dua buah sekolah sukan telah pun dibina oleh Kementerian Pendidikan iaitu di Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan di bandar Penawar, Johor untuk menempatkan murid-murid sekolah yang cemerlang dalam sukan, sedangkan atlet-atlet yang bekerja, yang diperlukan khidmat mereka dalam sukan masing-masing biasanya diberi cuti untuk menjalani latihan masing-masing. Sekiranya pihak majikan tidak membayar gaji mereka sewaktu atlet berkenaan menjalani latihan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara, maka Majlis Sukan Negara akan menampung kehilangan pendapatan yang berkenaan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, daripada proses membantu murid-murid yang ada bakat dalam sukan itu memasuki universiti dan juga UPM, adakah prestasi mereka oleh kerana setahu saya mungkin mereka diberi kelonggaran untuk memasuki universiti dan IPT ini. Adakah prestasi mereka dari segi akademik itu dikaji dan dimantaukan dan adakah mereka ini berjaya dalam pelajaran mereka. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Kementerian Belia dan Sukan hanya mengenal pasti bakat yang terpendam dengan menerusi Majlis Sukan Negara sedangkan prestasi akademik bagi mereka yang terlibat khususnya murid-murid ataupun pelajar-pelajar sekolah yang terlibat itu, biasanya akan ditentukan oleh Kementerian Pendidikan sama ada seseorang itu berkelayakan untuk memasuki institut pengajian tinggi atau tidak.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat, tadi ada Yang Berhormat nyatakan bahawa Majlis Sukan Negara akan menampung kos bagi mereka yang bekerja untuk menjalani latihan. Bagaimana pula dengan pekerja-pekerja di peringkat negeri di mana mereka harus menjalani latihan, malahan terkada ngkala kita

ada pertandingan yang bertaraf peringkat kebangsaan, mereka terpaksa mengambil cuti mereka sendiri. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua ialah dalam sekolah-sekolah sukan tersebut, kenapa tidak ada kompleks khususnya di Bukit Jalil, kompleks untuk permainan sepak takraw. Apakah kerajaan tidak mengiktiraf permainan sepak takraw sebagai satu permainan sukan budaya bangsa? Sekian, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan soalan yang kedua tadi, sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa setiap acara sukan tetap diberi perhatian yang sama. Dan cadangan Yang Berhormat sebenarnya, pernah dibincang dan ianya akan diberi perhatian yang wajar dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Dan soalan yang pertama tadi itu, boleh Yang Berhormat ulangi sekali lagi?

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Pekerja-pekerja di peringkat negeri yang menjalani latihan.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, baik. Beralih kepada penampungan kehilangan pendapatan bagi atlet-atlet yang terlibat yang saya sebutkan tadi itu, sebenarnya itu khusus untuk mereka yang terlibat di peringkat kebangsaan dan bukannya di setiap peringkat. Kalau hendak kira setiap peringkat ini memang agak berat juga, peringkat negeri pun ada, di peringkat daerah mungkin pun ada, tetapi seseorang atlet ataupun sesiapa yang terlibat dalam latihan, misalnya latihan anjuran peringkat kebangsaan maka apa yang saya sebutkan tadi itu tetap boleh diterima pakai.

7. **Dato' Lee Pit Chern** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah berterusan yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan industri luar bandar terus beroperasi, mendapat pasaran tetap serta memberi pulangan kepada para pengusaha yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, matlamat Program Pembangunan Industri Luar Bandar (PILB) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berkualiti, berdaya tahan dan berdaya saing yang menjalankan perusahaan secara sepenuh masa dan komersial.

Kementerian sememangnya menyedari hakikat bahawa untuk melahirkan atau bagi merealisasikan matlamat PILB ini bukanlah satu usaha yang boleh dicapai dalam jangka masa yang pendek. Usaha ini memerlukan satu bentuk program pembangunan industri yang komprehensif dan menyeluruh bagi memastikan aktiviti-aktiviti perindustrian di kawasan luar bandar dapat terus beroperasi dan menjamin pasaran bagi produk-produk keluaran pengusaha-pengusaha luar bandar dan seterusnya dapat mendatangkan keuntungan atau pulangan yang memuaskan kepada mereka.

Menerusi program PILB usaha ini dilaksanakan dengan memfokuskan segala aktiviti di bawah program PILB kepada empat aktiviti seperti berikut:

- (i) latihan dan khidmat nasihat iaitu bertujuan memberi latihan keusahawanan dan kemahiran kepada pengusaha dan bakal pengusaha luar bandar;
- (ii) skim pinjaman mudah mesin atau peralatan. Ini bertujuan memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha memperoleh mesin atau peralatan bagi memula atau meningkatkan operasi;
- (iii) kemudahan premis industri. Ini bertujuan membina kilang atau bengkel di kawasan-kawasan luar bandar yang sesuai termasuk Pusat Pertumbuhan Desa (PPD); dan
- (iv) pemasaran dan promosi. Ini bertujuan mempromosi dan memasarkan produk industri luar bandar dan juga penubuhan Pusat Pameran Industri Luar Bandar.

Bagi memastikan kemantapan dan sustainability, dengan izin, industri luar bandar, keempat-empat aktiviti yang di bawah program PILB ini memberikan tumpuan dan penekanan kepada pendekatan baru untuk menjadikan kawasan luar bandar sebagai satu kawasan yang produktif melalui strategi pemasaran yang berlandaskan kajian terperinci mengenai permintaan pasaran dan sistem pemasaran. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa peratuskah penglibatan wanita dalam Program Pembangunan Industri Luar Bandar setakat ini?

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Setakat ini saya tidak ada angka terperinci tetapi eloklah saya cuba memberikan satu gambaran dari segi pencapaian Rancangan Malaysia Ketujuh

mengikut kelulusan pinjaman mulai tahun 1996 sehingga tahun 2000 bagi negeri-negeri:

Negeri	Pengusaha	Pinjaman (RM)
Selangor	154	21,576,440
Johor	66	12 juta
Kelantan	34	5 juta
Pahang	29	4 juta
Terengganu	27	4 juta
Kedah	26	4 juta
Perak	22	3 juta
Melaka	15	2 juta lebih
Negeri Sembilan	15	2 juta lebih
Sarawak	13	2 juta lebih
Perlis	14	1,390,000
Pulau Pinang	13	2.7 juta
Sabah	5	524,000
Wilayah Persekutuan	8	1.4 juta

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan sedar bahawa melalui rancangan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam membangunkan usahawan industri ini, walaupun kita dapat data-data yang agak memberangsangkan tetapi tidak berlaku pemantauan sehingga boleh dikatakan jumlah usahawan ini sekarang ini hanya meninggalkan mesin-mesin mereka di kilang-kilang mereka kerana pilihan kepada usahawan berkenaan pertamanya dari segi kebolehan mereka dan juga industri ataupun sektor yang diceburi tidak strategik ataupun banyak yang memberi pandangan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar banyak membangunkan usahawan ini dalam kaedah secara *ad-hoc* – tidak ada perancangan jangka panjang dari segi pemantauan dan sebagainya. Bolehkah kerajaan memberi sedikit penjelasan? Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai pemberian secara percuma mesin-mesin, saya rasa mulai daripada awal tahun 90-an. Oleh yang demikian, kerajaan telah memaklumkan bahawa *grant is the worst form of subsidy* dan dengan cara yang demikian banyak kita memerhatikan apa yang disebut

oleh Yang Berhormat, mesin-mesin yang tidak dipakai ataupun dapat tetapi tidak tahu bagaimana hendak menggunakannya. Oleh yang demikian, jawatankuasa atau arahan kerajaan pada September 1997 telah menyarankan bahawa bantuan geran digantikan dengan bantuan berbentuk pinjaman. Oleh yang demikian, diwujudkan skim pinjaman mudah mesin atau peralatan di mana ciri-cirinya adalah seperti berikut iaitu dengan menggunakan kaedah sewaan, taraf peminjam adalah sebagai penyewa, pengurus dana adalah diuruskan oleh Bank Pembangunan dan juga Bank Islam dan had pinjaman adalah minimum RM20,000 dan maksimum adalah RM500,000 dan ianya berbentuk 70% pinjaman dan geran 30%. Terima kasih.

8. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah aset Khazanah Nasional Berhad dan senaraikan 10 jenis pelaburan dengan menyatakan nama syarikat, jumlah ekuiti dan sektor yang diceburi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah aset Khazanah Nasional Berhad seperti pada 31 Disember 1999 ialah sebanyak RM18.05 bilion. Walau bagaimanapun, nilai aset bersih iaitu setelah ditolak tanggungan ialah sebanyak RM8.3%.

Senarai 10 jenis pelaburan ekuiti terbesar dari segi kos dan kedudukan pada 31 Disember 1999 adalah seperti berikut:

Pelaburan	Kos Pelaburan (RM)	Ekuiti (%)	Sektor
Malayan Banking Berhad	1,580,331,841	5	Perbankan
Commerce Asset Holdings Berhad	1,145,995,508	14.9	Perbankan
Tenaga Nasional Berhad	1,125,067,328	36.3	Tenaga
Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.	880,000,000	40	Hartanah
Measat Broadcasting Sdn. Bhd.	791,020,000	16.7	Penyiaran
Telekom Malaysia Berhad	739,944,271	36.7	Telekomunikasi
RHB Bank Berhad	725,394,783	30	Perbankan
Tanjong Pelepas Sdn. Bhd.	306,200,000	40	Pelaburan
Malaysian Airport Holdings Sdn. Bhd.	260,113,848	22.8	Lapangan Terbang
YTL Power International Berhad	208,436,302	3.2	Penjanaan Kuasa

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui mengikut keadaan sekarang ini yang terkini, apakah nilai ekuiti yang

sekarang ini wujud di kalangan Khazanah bukan sahaja berkenaan dengan 10 syarikat ini tadi tetapi ekuiti dari segi nilai terkini dan siapakah yang mewakili kerajaan kita di peringkat lembaga pengarah untuk menentukan dasar-dasar kerajaan dan kepentingan-kepentingan awam sentiasa terpelihara kerana saya rasa inilah matlamat mewujudkan Khazanah Nasional Berhad ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat data pada 13 April 2000, Malayan Banking Berhad tadi kita ada RM1,580,331,841, ekuiti kita saya katakan tadi 5%, harganya sekarang berbanding dengan dahulu ialah sebanyak RM1,976,322,840; jadi RM1.5 kepada RM1.9. Commerce Asset Holdings Berhad, saya katakan tadi RM1.1 bilion, 14.9 % tadi perbankan dan harganya daripada RM1.1 bilion kepada RM1.7 bilion pada 13 April. Tenaga Nasional RM1.1 bilion, 36.3% ekuiti dan sekarang ini RM14,772,823,396, jadi boleh dikatakan hampir RM15 bilion. Telekom Malaysia kos pelaburan ialah saya katakan tadi RM339,944,271, 36.7% sekarang ini daripada RM339 juta kepada RM14 bilion. Malaysian Airport Holdings Sdn. Bhd. daripada RM250 juta, 22.8% tadi sudah naik kepada RM868 juta dan akhir sekali YTL Power International Berhad daripada RM208 juta 3.2% sekarang ini harga nilai pasaran pada 13 April ialah sebanyak RM240,667,670. Nampaknya semuanya meningkat, Dato'. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya terlupa soalan kedua tadi. Mengenai komposisi tadi, Ahli Lembaga Penasihat Khazanah Nasional Berhad secara keseluruhan. Kalau saya hendak pergi satu persatu saya terpaksa mencari data-data ini tetapi yang ada untuk keseluruhannya komposisi Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad:

- (i) Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia - Pengerusi Lembaga Pengarah;
- (ii) Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ali Abul Hassan bin Sulaiman atas dasar Gabenor Bank Negara Malaysia tetapi telah meletak jawatan selaras dengan persaraan beliau pada 30 April 2000 dan ini akan diganti tidak lama lagi;
- (iii) Yang Berbahagia Dato' Othman bin Mohd Rijal, Ketua Setiausaha Perbendaharaan – Pengarah mewakili sektor awam;
- (iv) Yang Berbahagia Dato' Dr. Shamsudin Hitam, Pengarah Unit Perancang Ekonomi – Pengarah mewakili sektor awam;

- (v) Yang Berbahagia Tan Sri Lin Sii Yan – Pengarah mewakili sektor swasta;
- (vi) Yang Mulia Dato' Arshad bin Raja Tun Uda – Pengarah mewakili sektor swasta; dan
- (vii) Encik Khalid bin Mohd. Noh – Pengarah mewakili sektor swasta.

Kalau Yang Berhormat hendak tentang perwakilan ahli Lembaga Pengarah yang mewakili Perbendaharaan satu persatu yang 10 pelaburan tadi, saya akan beri secara bertulis.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, Khazanah Nasional Berhad memang amat strategik dan kita dengar penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengambil bahagian dalam pelbagai bidang yang agak luas dan pelaburannya pun besar dan ada di antaranya yang kita tahu mendatangkan hasil yang baik.

Yang kita ingin tanya ialah apakah dari wujudnya pada mulanya strategi dan pengkhususan bidang yang dimasuki dan dengan kedatangan ekonomi sekarang ini, ada atau tidak kerajaan sedang membuat ataupun Khazanah Nasional Berhad sedang membuat kaji semula bentuk pelaburan dan pengkhususan yang akan diambil pada masa hadapan dan apa yang akan mendatangkan faedah dari segi nasionalnya dan juga dari segi antarabangnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa Khazanah Nasional Berhad adalah sebuah syarikat pelaburan Kerajaan Malaysia yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan adalah bertanggungjawab, seperti mana kata Yang Berhormat tadi ialah untuk mengurus aset-aset kerajaan dan membuat pelaburan yang strategik khasnya dalam projek-projek berteknologi tinggi. Kalau kita harapkan semata-mata kepada pihak swasta kemungkinan agaknya ongkosnya tidak mencukupi untuk memulakan *start-off* ataupun *kick-off* projek-projek yang berteknologi tinggi dan strategik ini. Oleh kerana itu, kerajaan terpaksa masuk dalam bidang-bidang ini untuk memastikan bahawa kita seiringan dengan negeri-negeri yang lain.

Kalau kita lihat dari segi ekonomi, apa yang kita harapkan sekarang ini ekonomi merupakan gelombang yang ketiga. Gelombang pertama ialah revolusi pertanian di mana kita berpindah daripada 'makan untuk hidup' tetapi kita akan

pindah kepada industri menggunakan teknologi. Ini menggunakan juga pengetahuan. Selepas itu kita pindah kepada gelombang yang kedua iaitu revolusi industri (industrial revolution). Ini juga pada permulaannya dahulu kita hendakkan industri-industri ini datang ke mari untuk mengambil pekerja-pekerja kita supaya pengangguran kita berkurangan tetapi sekarang ini kita telah pergi ke satu peringkat di mana kita banyak melabur dan mengeksport komoditi-komoditi ataupun produk-produk ini.

Akhir sekali sekarang ini kita pergi kepada revolusi yang ketiga ataupun gelombang yang ketiga iaitu *knowledge economy* iaitu pengetahuan. Ini tidak bermakna bahawa kita berhenti kepada gelombang satu, masuk gelombang dua, kita tinggalkan gelombang satu dan sebagainya tetapi dasarnya ialah dari segi ilmu pengetahuan. Apa yang penting dari segi ilmu pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, ialah di mana kita mengharapkan seseorang itu mempunyai daya kreatifnya sendiri, dia mempunyai pemikiran yang terbuka, dia boleh dengan gaya kreatifnya akan menjadikan satu-satu produk itu sebagai ada nilai ditambah dan bermacam-macam lagi tentang pengetahuan ini yang perlu dibuat.

Jadi, daripada misalnya, pertanian kita tambah lagi kepada industri, industri kita tambah kepada ke-ekonomi dan kita memerlukan seseorang yang mempunyai daya kreatif, yang mempunyai fikiran terbuka, yang boleh membuat satu-satu produk itu dengan adanya nilai ditambah (added value) dan seorang yang educated, committed dan sebagainya. Kalau dari segi Islam kita katakan [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] – maknanya “Kalau kita hendak bahagia di dunia kita hendaklah berilmu, hendak bahagia di akhirat hendaklah kita berilmu, kalau kita hendak bahagia di dunia dan di akhirat kedua-duanya sekali hendaklah kita berilmu.” Terima kasih.

9. **Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah kerajaan terhadap pelajar-pelajar yang gagal memasuki IPTA/IPTS dalam mempersiapkan diri untuk bekerja di sektor swasta.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]:
Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang gagal memasuki IPTA atau IPTS boleh memohon mengikuti kursus-kursus peringkat sijil atau diploma di Politeknik. Semasa mereka di Politeknik, kalau mereka belajar

bersungguh-sungguh dan mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang, mereka pula boleh memohon hingga ke peringkat ijazah.

Pilihan lain bagi mereka ialah mengikuti kursus-kursus kemahiran di beberapa institusi latihan kemahiran yang dikendalikan oleh beberapa agensi kerajaan seperti berikut:

- (i) Institut Kemahiran MARA (IKM). Ini ialah daripada Kementerian Pembangunan Usahawan;
- (ii) Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Ini adalah sumber dari Kementerian Belia dan Sukan;
- (iii) Institut Latihan Perindustrian (ILP). Ini adalah daripada Kementerian Sumber Manusia.

Di kementerian ada juga menyediakan Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional. Dengan cara ini pelajar-pelajar boleh melengkapkan diri untuk menceburi kerjaya khususnya dalam bidang sektor perindustrian. Pelajar-pelajar juga boleh mengambil semula Peperiksaan SPM, SPMV atau STPM untuk memperbaiki keputusan peperiksaan dan seterusnya boleh memohon semula ke IPTA atau IPTS. Sekian, terima kasih.

10. **Dato' Tee Thiong Hock** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan lesen yang telah dikeluarkan untuk 'deep sea fishing'; dan
- (b) apakah nilai industri 'deep sea fishing' yang telah kita capai di tahun 1997, 1998 dan 1999.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Bilangan lesen perikanan laut dalam dengan izin, deep sea fishing yang telah dikeluarkan sehingga tahun 1999 adalah sebanyak 555.
- (b) Industri perikanan laut dalam telah menyumbangkan kira-kira 10% daripada jumlah pengeluaran ikan negara. Pada tahun 1997, nilai pendaratan ikan laut dalam adalah sebanyak

RM365.4 juta. Pada tahun 1998, sebanyak RM367.6 juta dan pada tahun 1999, sebanyak RM386.5 juta.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkah kerajaan menjelaskan kepada kita daripada jumlah lesen yang dikeluarkan itu didapati banyak mana yang masih beroperasi dan banyak dakwaan mengatakan usahawan yang menjalankan penangkapan ikan laut dalam ini banyak di Terengganu, payah hendak sebut.

Bolehkah kementerian menggariskan beberapa lekangan ataupun constraints dengan izin, berbanding dengan usahawan kita ataupun pekerja-pekerja laut dalam ini berbanding dengan negara Thailand yang lebih agresif, Jepun yang lebih tinggi teknologinya dan beberapa negara persekitaran kita ini dan bagaimanakah kedudukan kita sebenarnya? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, daripada sebanyak 555 buah permit yang dikeluarkan ada yang belum lagi beroperasi. Secara terperinci saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Sena tor Tuan Haji Rosli.

Mengenai dengan lekangan yang dihadapi oleh pengusaha ikan laut dalam ini, salah satunya Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan tenaga kerja, kebanyakan tenaga kerja yang bekerja di atas vessel-vessel ini terdiri daripada warganegara asing. Oleh kerana nelayan-nelayan kita ini dia tidak boleh tinggal lama-lama di laut, dia hendak balik rumah Biasanya kalau kita terlibat dalam industri perikanan laut dalam, bot-bot yang besar-besar ini perlu berada di kawasan pengairan yang jauh dan perlu berada di laut lebih lama atau dalam tempoh yang panjang. Kalau tidak, tidak ekonomik.

Selain daripada itu ialah masalah kemudahan-kemudahan tempat-tempat pendaratan. Dalam pada itu kerajaan sedang berusaha untuk memperbanyakkan lagi pusat-pusat pendaratan dengan pelbagai kemudahan supaya proses pemunggaan ikan ini, pembekalan air batu, minyak dan sebagainya dapat kita pertingkatkan bagi menjayakan industri perikanan laut dalam.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ini

Dato' Haji Mazlan bin Abu: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dahulu. [*Bercakap kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mazlan bin Abu*].

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah pihak kerajaan membuat pemantauan dari segi lesen-lesen yang dikeluarkan dan anggaran tangkapan ikan laut ini dengan pendaratannya kerana memang wujud dahulu-dahulu lagi hijacking, 'in the high sea' ini – mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dia hijack ikan-ikan kita di tengah-tengah laut dia bawa ke tempat lain, ke negara lain kerana ianya mengeluarkan pendapatan yang lebih tinggi dari segi penangkapan itu.

Jadi, adakah pihak kerajaan membuat pemantauan dari segi lesen yang dikeluarkan dan anggaran kita pendaratannya berapa dan kalau short, kalau sekiranya ia tidak sampai ke tahap itu, maknanya kita tahu yang ikan ini telah di hijack ke negara-negara jiran dan sebagainya.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar satu masalah besar di Perairan Sabah, di mana kepada Ahli-ahli Dewan yang ingin makan shellfish, ikan-ikan dan juga oyster dan sebagainya takut kerana wujudnya satu racun. Racun ini di Perairan Sabah iaitu fenomena 'red tied' yang meningkatkan 'harmful alga bloom' yang diakibatkan oleh plankton bernama 'Dinoflagellate'. [Ketawa]

Jadi, apakah sebabnya perkara ini berlaku kerana kalau ini berlaku di perairan kita, memanglah kita bimbang untuk hendak makan shellfish ini. Jadi, apakah sebabnya, adakah ianya terlalu ramai orang pergi mencari ikan di tengah-tengah laut atau apa dan bolehkah pihak kerajaan memberikan satu jaminan makanlah shellfish daripada Sabah kerana tidak memudaratkan kesihatan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tentang soal pemantauan bot-bot ikan laut dalam ini, kementerian telah memperkenalkan satu kaedah di mana tiaptiap bot ini kita lengkapkan dengan log book, di mana sebelum mereka keluar, mereka perlu isi log book ini kemudian pada waktu mereka pulang, log book ini akan diserahkan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Perikanan. Ini adalah kaedah pemantauan bagi kita menangani masalah di mana pendaratan tangkapan ini dilakukan di luar negara kita. Melalui kaedah buku log ini kita telah dapat menangani pendaratan ikan di negara lain.

Keduanya, kita telah meningkatkan prasarana di kompleks-kompleks perikanan kita yang dibuat oleh kerajaan, di Kompleks LKIM. Tidak ada sebab mengapa kita tidak mahu menggunakan kemudahan yang ada di negara kita. Satu

masa dahulu, alasannya kita tidak ada kemudahan, sekarang kita sudah pun ada kemudahan.

Jadi, ini adalah dua contoh yang saya terangkan dalam usaha kita menangani masalah pendaratan ikan. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan tentang ikan di negeri Sabah, fenomena 'red tied'. Saya suka beri jaminan di sini hasil daripada tindakan yang pantas oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perikanan dan Jabatan Kesihatan, tidak ada orang yang mati kerana makan seafood.

Jadi, pada masa fenomena 'red tied' ini kita telah mengambil langkah yang segera, kita kata jangan makan seafood ini sebelum kita pastikan bahawa seafood ini boleh dimakan ataupun tidak. Selepas kajian dibuat, tidak ada..., maknanya boleh dimakan.

Jadi, Dato' Abdul Aziz kalau pergi ke Kota Kinabalu ataupun di sebelah Tawau atau apa, Dato' Abdul Aziz makanlah makanan-makanan laut ini kerana ia tidak membahayakan.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Dato' Haji Mazlan.

Dato' Haji Mazlan bin Abu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Banyak bot deep sea fishing asing telah dirampas kerana melakukan pelbagai kesalahan. Apa yang terjadi kepada bot-bot ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ia bukan semua bot ini salah sahaja kita rampas. Ada jenis-jenis salahnya, kalau ia ada sebagai contoh, krew nya itu, kuota pekerja asing itu lebih sedikitkah, yang itu tidak boleh menyebabkan bot itu dirampas.

Kesalahan yang menyebabkan bot atau vessel itu dirampas apabila ia menceroboh masuk. Bot-bot yang menceroboh masuk dalam kawasan larangan, kawasan pesisiran pantai, bot-bot ini akan dirampas. Setelah selesai perbicaraan, mahkamah telah memutuskan bahawa dia melakukan kesalahan, bot ini diperintah dirampas, kita akan bawa pergi ke tempat-tempat tertentu, kita akan tenggelamkan, kita jadikan ia sebagai tukun tiruan, sebagai tempat untuk pembiakan hidupan laut, tempat pembesaran hidupan laut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 27 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [8 Mei, 2000]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang hendak sambung lagi? Semalam punya ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Semalam, err

Tuan Yang di-Pertua: Dato' bercakap semalam, yang akhir sekali.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya telah bercakap semalam tentang perkara ini dan selepas itu saya dapat sedikit jawapan daripada pihak kerajaan tentang komen-komen saya tetapi oleh kerana kesuntukan masa semalam, saya tidak dapat jawapan yang saya telah harap-harapkan itu dan mungkin saya boleh beri sedikit penjelasan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maafkan. Sekarang ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kewangan sambung menjawabkan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, saya, saya akan menyentuh tentang penjelasan. Semalam Kementerian Kewangan telah memberikan jawapan kepada komen-komen saya dan itu belum habis lagi tetapi saya hendak balas sedikit tentang beberapa komen yang diberikan

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Biasanya tidak boleh dibalas balikkah. [Disampuk] Sila, jawapan, biar dia jawab dahulu, akan datang boleh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bercakap tanpa pembesar suara] Boleh saya dapat sedikit penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam apa? Penjelasan tentang apa itu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bercakap tanpa pembesar suara] Minta sedikit laluan, mendapatkan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan apa itu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Daripada jawapan kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan apa?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Berkenaan dengan isu yang saya timbulkan iaitu berkenaan dengan tempoh masa untuk Ketua Pengarah menentukan sama ada sesuatu rayuan itu akan dilayan oleh beliau atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen beri laluanlah ini?

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sudah sentuh sedikit tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jawapan yang diberi kepada saya ialah tentang Pesuruhjaya Khas tetapi saya juga ada sentuh tentang Ketua Pengarah. Saya telah katakan, Ketua Pengarah mengambil masa satu tahun untuk memutuskan sama ada sesuatu rayuan itu harus diambil tindakan dan kalau tidak dapat menentukan dalam masa satu tahun itu, maka beliau akan minta lagi satu masa lanjutan sebanyak enam bulan daripada Menteri.

Itulah yang belum diberi jawapan kerana pada anggapan saya itu adalah sangat penting, oleh kerana sebelum sesuatu pihak itu dapat membuat rayuan, pihak ini kena menjelaskan, apakah hutang kepada pihak Lembaga. Apabila itu sudah diselesaikan baru boleh ditimbang rayuan. So kalau perkara itu akan mengambil masa begitu lama sehingga satu setengah tahun, saya berpendapat itu tidak adil kepada pihak yang membuat rayuan. So, itu tidak diberi penjelasan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya rasa saya sudah menggulung perbincangan kali kedua ini tetapi Yang Berhormat masih lagi ada perkara yang beliau ingin tahu tentang time frame untuk Ketua Pengarah, yang diperuntukkan dalam akta ini ialah 12 bulan kerana sebelum ini Yang Berhormat Dato' tidak ada suatu spesifik time frame diberikan kepada Ketua Pengarah untuk menyelesaikan sesuatu rayuan. Tetapi sekarang ini dengan adanya pindaan ini, maka Ketua Pengarah mestilah menghadkan masanya selama 12 bulan untuk menyelesaikan segala rayuan yang ditimbulkan oleh pihak-pihak pembayar cukai.

Seperti Yang Berhormat Dato' maklumkan tadi, jikalau dalam tempoh 12 bulan tidak dapat juga diselesaikan, maka beliau boleh meminta kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri untuk melanjutkan tempoh ini sehingga enam bulan lagi dan

Yang Berhormat Dato' katakan tadi, tempoh ini agak lama dan saya rasa untuk sekarang ini, saya bagi pihak kerajaan merasakan tempoh ini agak sesuai kerana 12 bulan bagi memberikan ruang masa kepada Ketua Pengarah untuk meneliti setiap rayuan itu dengan terperinci, dengan tepat dan meyakinkan.

Melainkan jikalau dalam tempoh itu, beliau tidak dapat menyelesaikannya barulah tempoh enam bulan lagi diminta daripada Yang Berhormat Menteri tetapi Yang Berhormat Dato' saya ingin menjelaskan bahawa Ketua Pengarah memangnya diperlukan supaya tidak lagi melengah-lengahkan ataupun kalau boleh dalam tempoh 12 bulan ini hendak kita selesaikan semua kes rayuan itu. Dan hanya kalau benar-benar perlu dan mendesak barulah tambahan enam bulan ini kita minta daripada Yang Berhormat Menteri tetapi seboleh-bolehnya Ketua Pengarah akan menyelesaikan setiap kes itu dalam tempoh 12 bulan dan saya rasa 12 bulan ini agak sesuai dan selesa untuk Ketua Pengarah menyelesaikan setiap kes rayuan supaya tidak ada sebarang pihak..., kalau dibuat secara tergesa-gesa Yang Berhormat Dato', kalau tempoh agak lebih singkat, maka penyelesaiannya mungkin tidak begitu baik dan tidak memuaskan bagi semua pihak.

Jadi, 12 bulan adalah tempoh yang paling sesuai difikirkan setakat ini supaya setiap pihak merasa puas hati dan selesa menerima keputusan yang diberikan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung jawabkah? Sambung jawapan semalam.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya rasa saya sudah habis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada 'Fasal 4', di mana, saya hendak baca sikit di sini. Di mana ia mengatakan, '*Fasal 4' Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 46, Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi pertambahan dalam pelepasan diri yang dibenarkan bagi seseorang individu atau keluarga sekutu Hindu.....*'. "

Apakah ertinya keluarga 'sekutu Hindu'. Kalau ianya berasaskan kepada, dengan izin, *extended family unit*, sekutu Hindu wujud, sekutu Cina wujud, sekutu Melayu wujud, Iban wujud, semuanya mempunyai sekutu. Kalau itu mentakrifkannya sebagai *extended family unit* kerana adalah menjadi budaya orang kita, emak, ayah, Pak Long, Mak Long, cucu, cicit, kadang-kadang duduk serumah dan *the main bread winner*, dengan izin, orang yang mendapatkan pendapatan utama itu membiayai hidupan harian dan sebagainya. Jadi saya hendak faham adakah sekutu Hindu ini bererti *extended family unit*, kepada Hindu dan kalau ianya dituju kepada Hindu kenapa ianya tidak ditujukan kepada bangsa-bangsa lain yang mengamalkan nilai budaya yang sama.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, sebenarnya pelepasan cukai sebanyak RM8,000, daripada RM5,000 kepada RM8,000 itu adalah mengambil kira semua tanggungan bagi famili untuk semua kaum. Cuma kita tidak mahu ada golongan yang tersisih daripada faedah pindaan ini iaitu golongan Hindu yang kita maksudkan itu, golongan minoriti, dengan sebab itu kita tekankan kepada golongan minoriti ini supaya golongan Hindu yang mengikut tradisi Hindu awal ini tidak tersisih daripada menikmati faedah pelepasan cukai sebanyak RM8,000 ini. Jadi, kerana itulah maka kita *stresskan* keluarga Hindu ini supaya mereka, golongan minoriti ini tidak tersisih daripada menikmati pelepasan cukai daripada RM5,000 sehingga ke RM8,000. Ertinya ia meliputi semua kaum, faedah ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah fasal yang sama, yang dinyatakan oleh Dato' Abdul Aziz tadi. Dalam fasal 5 ini tadi, tentang huraian, ada dinyatakan, di sebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen RM5,000 kepada RM8,000 tetapi dalam huraian ini dicatit RM4,000 kepada RM8,000, yang mana satu benar. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk. Yang benarnya ialah daripada RM5,000 kepada RM8,000 kerana dulu sebelum ini

RM4,000 itu adalah untuk pelepasan individu dan RM1,000 lagi untuk tanggungan. Dan, sekarang ini kita borongkan sahaja daripada RM5,000 kepada RM8,000, itu yang sebenarnya.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada 'Fasal 11'. Rang Undang-undang ini bertujuan terutama sekali dari segi untuk meminda perenggan 32A, Jadual 6 kepada Akta 53 untuk menambah, Pengecualian berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi oleh pengubah muzik dan penterjemah kepada RM20,000".

Saya hairan kenapa kita *single-up*, dengan izin, pengubah muzik, kalau kita hendak tujukan kepada mereka yang cinta kepada seni, saya rasa saya pun seorang pencinta seni. Kenapa ianya tidak ditujukan juga kepada pengubah drama ataupun karyawan drama, filem dan sebagainya. Jadi, kenapa muzik itu? Saya tidak faham. Dan penterjemah, mungkin ini *translation*, saya pun tidak tahu apa ertinya penterjemah. Adakah kita hendak *translate* muzik. Muzik itu universal, Tuan Pengerusi. Jadi, kalau Bach atau Beethoven, Simponi No. 5, La Pastoral, kita hendak tujukan kepada orang Melayu pun begitu juga. Ia tidak ada beza, ia tidak ada penterjemahan muzik. Saya tidak faham langsung perkara yang disebut di sini.

Jadi, kenapa hanya ditujukan kepada pengubah muzik dan tidak kepada semua ahli-ahli seni dan apa ertinya penterjemah.

Tuan Pengerusi: Fasal 11, ya!

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Fasal 11.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Aziz. Sebenarnya, kerajaan memang selama ini menghargai segala kerja-kerja kreatif, sama ada dalam bentuk sastera dan penterjemahan dan sebagainya. Cuma bagi mereka ini, pelepasan cukai diberikan kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi ialah RM20,000 sebelum ini. Golongan pengubah lagu dahulu kita beri RM15,000, jadi sekarang ini kita hendak samaratakan pemberian itu untuk pengubah lagu dan lain-lain golongan supaya dapat menikmati RM20,000. Bukan ertinya kita *single-out* golongan ini sahaja, kita hendak samakan supaya pengubah lagu juga sama dengan kategori kreativiti yang lain mendapat faedah RM20,000. Jadi, kita tidak *single-out* golongan ini, cuma kita hendak angkat mereka supaya sama dengan golongan yang lain.

Penterjemahan tadi, saya tidak begitu jelas dengan Yang Berhormat Dato' tadi. Saya pun tidak arif sangat tentang lagu-lagu ini Yang Berhormat Dato'. [Ketawa] Kalau dari segi *translator*, secara umum memang betul. Sebelum ini pun mereka menikmati RM20.000. Jadi, ertinya kita hendak angkat golongan ini sama dengan golongan-golongan yang lain. Maksud terjemah tadi, *translator* ataupun mereka yang menterjemah satu karya misalnya dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dan sebagainya untuk memberi galakan kepada orang ini supaya karya-karya dalam bahasa lain dapat dimanfaatkan oleh rakyat kita. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, berasaskan kepada keterangan tadi maknanya sasterawan negara seperti A. Samad Said, Tongkat Waran semuanya mendapat pelepasan RM20,000 ini, itu maksudnya. Itu saya amat berterima kasih kepada pihak kerajaan.

Selepas itu saya hendak pergi ke fasal 16, di mana saya tidak berapa faham kenapa fasal 16 ini bertujuan untuk meminda Jadual Kedua kepada Akta Setem 1949 untuk memperuntukkan bahawa seseorang pegawai imigresen dikehendaki mematikan setem hasil pada bon sekuriti bagi pemberian Pas Lawatan Profesional bagi artis, Pas Lawatan Sosial dan Pas Permit Kerja.....”.

Adakah pekerja-pekerja yang kita ambil daripada Indonesia ini mempunyai bon sekuriti, di mana bila masuk sahaja ke dalam negara kita ini imigresen pun cop mematikan setem kepada bon sekuriti itu dan kalau ada berapa bon sekuriti. Saya tidak pernah dengar lagi kita bon sekuriti. Jadi, kalau dapat penjelasan sedikit daripada pihak kerajaan berkenaan dengan bon sekuriti ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat Dato', ini adalah untuk memudahkan urusan *administrative*, pentadbiran supaya golongan-golongan ini yang datang ke Malaysia tidak lagi tertumpu kepada pejabat setem untuk mematikan setem dutinya. Jadi, untuk membantu melicinkan pentadbiran dan juga perjalanan masuk golongan-golongan ini maka pegawai imigresen diberikan kuasa untuk mematikan setem. Dari segi bon sekuriti, memang betul mereka ada. Terima kasih.

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI
(PINDAAN) 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua

11.34 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Proses pengumpulan modal merupakan satu aktiviti yang penting dalam pembangunan ekonomi negara kita, oleh itu adalah mustahak untuk mengadakan satu rangka kawal selia yang rasional bagi kegiatan kumpulan modal di Malaysia bagi memastikan pasaran modal yang lebih cekap dan berdaya saing. Pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000 bertujuan untuk memindahkan tanggungjawab menguruskan prospektus daripada Pendaftar Syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi aktiviti pengumpulan modal.

Pada masa ini tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti hanyalah mengawal selia prospektus bagi skim amanah saham dan skim-skim pelaburan kolektif. Manakala pihak Pendaftar Syarikat bertanggungjawab mengawal selia proses pendaftaran prospektus bagi semua tawaran saham *debenture* kepada orang-orang awam. Pada masa yang sama, pihak Suruhanjaya Sekuriti mengawal selia proses terbitan sekuriti di bawah seksyen 32 Akta Suruhanjaya Sekuriti. Pertindihan fungsi kawal selia ini tidak akan menggalakkan kewujudan satu prasarana modal yang cekap dan berdaya maju.

Pindaan-pindaan ini adalah selaras dengan syor pelan pemulihan ekonomi negara untuk menyeragamkan peraturan dan mengurangkan pertindihan fungsi mengawasi dan mengawal selia pasaran modal yang dijalankan oleh agensi-agensi kawalselia.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan menyediakan peruntukan bagi pengawalseliaan pasaran berteraskan penzahiran memandangkan keputusan muktamad berkenaan dengan sesuatu pelaburan akhirnya dibuat oleh pelabur sendiri. Dengan adanya satu pasaran yang cekap satu usaha menghapuskan halangan-halangan dalam pengumpulan modal adalah diharapkan bahawa pelaburan di pasaran modal tempatan dapat dipertingkatkan lagi.

Rang Undang-undang ini juga mengambil kira inovasi-inovasi yang sedang berlaku di pasaran-pasaran kewangan yang lebih maju. Pelbagai peruntukan telah dibuat untuk menentukan bahawa rangka kawal selia bagi pengumpulan modal menyediakan galakan bagi memperkenalkan teknologi, perkhidmatan dan instrumen yang baru di pasaran modal tempatan dan untuk memberikan perlindungan yang mencukupi kepada pelabur yang mengalami kerugian berpunca dari salah laku pihak-pihak terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pengumpulan modal.

Beberapa peruntukan telah digubal untuk menentukan bahawa pelabur-pelabur yang mengalami kerugian boleh membawa tindakan sivil ke atas mereka yang menyebabkan kerugian tersebut. Pihak Suruhanjaya Sekuriti juga di dalam beberapa keadaan boleh mengambil tindakan sivil bagi pihak pelabur yang terlibat untuk menuntut kembali kerugian yang dialami akibat daripada kelakuan yang melanggar peruntukan di Bahagian IV, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Pindaan-pindaan ini juga merupakan susulan daripada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara untuk membangunkan pasaran bon korporat serta keputusan kerajaan supaya Suruhanjaya Sekuriti jadi badan kawal selia tunggal bagi pemantauan dan pengawalseliaan pasaran bon korporat di Malaysia. Cadangan pindaan ini telah mengambil kira pandangan pihak-pihak yang terlibat dalam proses pengumpulan dana dan rundingan telah diadakan dengan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebutharga Otomasi Malaysia (MESDAQ), Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA), Institusi Akauntan Malaysia (MIA), Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB), Persatuan Syarikat Awam Terserai (FPLC), Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM), Persatuan Bank-bank Saudagar Malaysia (AMBM), Persatuan Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM), Persatuan Pengurus Aset Malaysia (MAAM), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Persatuan Syarikat-syarikat Amanah Rakyat (ATCM) dan Majlis Peguam Malaysia.

Pindaan-pindaan diperkenalkan dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000 mengandungi 46 fasal seperti berikut:

Suruhanjaya Sekuriti akan berfungsi sebagai pihak berkuasa yang meluluskan dan mendaftarkan prospektus berkenaan untuk semua sekuriti selain daripada saham-saham dan *debenture* yang diterbitkan oleh kelab-kelab rekreasi, tidak terserai. Manakala, pihak pendaftar syarikat menguruskan semua tanggungjawab berkenaan

dengan penyerahan simpanan prospektus. Suruhanjaya Sekuriti akan menjadi badan pengawal selia tunggal bagi semua terbitan bon korporat kecuali bon-bon yang diterbitkan oleh kelab rekreasi tidak tersenarai. Pendaftar Syarikat akan terus mengawal selia semua tawaran awam saham dan debenture oleh kelab rekreasi tidak tersenarai di bawah Penggal 4, Bahagian IV Akta Syarikat 1995. Dan, Suruhanjaya Sekuriti akan terus menjadi pengawal selia tunggal bagi semua aspek pengumpulan modal melalui skim amanah saham dan skim pelaburan yang ditetapkan dengan wujudnya penggal baru, Penggal 5, Bahagian IV, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Secara khususnya, pindaan-pindaan tersebut meliputi perkara-perkara berikut: Di bawah seksyen 2(b) yang dicadangkan Menteri Kewangan boleh menetapkan apa-apa surat cara sebagai sekuriti sama ada bagi maksud Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 atau Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau sebagai kontrak niaga hadapan bagi maksud Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

Seterusnya apabila suatu produk kacukan dikawalselia oleh kedua-dua Akta Syarikat 1965 dan Undang-undang Sekuriti, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna boleh menggunakan budibicaranya di bawah seksyen 96, Akta Syarikat 1965 untuk memberikan pengecualian kepada mana-mana golongan orang, syarikat atau kepentingan supaya peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 tidak terpakai.

Penggal 3, Bahagian IV, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang dicadangkan menyenaraikan peruntukan-peruntukan yang mengawal selia keperluan bagi prospektus berkaitan dengan mana-mana terbitan, tawaran untuk langganan atau pembelian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti.

Di bawah Akta Syarikat 1965, satu prospektus adalah dikehendaki apabila sesebuah perbadanan membuat satu tawaran kepada orang awam. Di bawah pindaan yang dicadangkan, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 akan berkuat kuasa apabila mana-mana perbadanan menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian atau mempelawa langganan atau membeli sekuriti. Walau bagaimanapun, terdapat berbagai urusan niaga komersial yang sah di mana terbitan tawaran atau pelawaan bagi sekuriti tidak seharusnya memerlukan satu prospektus.

Seksyen-seksyen baru 38 dan 39 dan Jadual-jadual 2 dan 3 menyatakan senarai terbitan terkecuali, tawaran terkecuali, dan pelawaan terkecuali yang mengecualikan seseorang daripada kehendak penerbitan prospektus. Seksyen 41 yang

dicadangkan menyatakan keperluan untuk mendaftar satu prospektus apabila seseorang menerbitkan, menawarkan bagi langganan atau pembelian atau membuat pelawaan untuk melanggan atau membeli mana-mana sekuriti. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini merupakan kesalahan jenayah yang boleh didenda tidak melebihi RM10 juta atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Keperluan untuk mendaftar prospektus ini tidak akan terpakai ke atas tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali untuk melanggan atau membeli sekuriti. Skim yang dicadangkan berkenaan dengan kandungan prospektus memperuntukkan beberapa keperluan minimum yang mesti dipatuhi oleh penerbit. Sebagai tambahan, Seksyen 45 mencadangkan satu ujian penzahiran am memerlukan semua penerbit untuk memasukkan dalam prospektus apa-apa maklumat difikirkan munasabah yang mungkin diperlukan oleh pelabur dan penasihat profesional mereka bagi maksud membuat keputusan pelaburan yang berdasarkan fakta.

Seksyen baru 50 akan melonggarkan sekatan sedia ada ke atas pengiklanan tawaran sekuriti yang terdapat di bawah Akta Syarikat 1965. Pindaan-pindaan yang dicadangkan membuat perbezaan di antara notis-notis praprospektus dan notis-notis selepas prospektus diterbitkan. Bagi membantu proses dengan izin, *book building*, Subseksyen baru 50(6) mengecualikan sekatan-sekatan pengiklanan ke atas prospektus permulaan.

Seksyen 65 menyatakan peruntukan liabiliti jenayah bagi pernyataan palsu atau mengelirukan dalam prospektus. Penalti bagi kesalahan ini ialah didenda RM3 juta atau penjara selama 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Berkenaan dengan liabiliti sivil, Seksyen 57 memperuntukkan hak mana-mana orang yang mengalami kerugian disebabkan pernyataan palsu atau mengelirukan dalam prospektus untuk mendapatkan ganti rugi. Seksyen-seksyen 59, 60 dan 61 menyediakan peruntukan 'pembelaan ketekunan waja' untuk membolehkan mereka yang bertanggungjawab ke atas pernyataan tersebut membebaskan diri daripada liabiliti sekiranya mereka telah mengambil langkah-langkah yang mencukupi untuk memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat-maklumat dalam prospektus itu.

Keperluan-keperluan Penggal 4 Bahagian IV akan berkuat kuasa apabila seseorang membuat satu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian ataupun

pelawaan untuk melanggan atau membeli *debentures* selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa.

Skim di bawah penggal baru ini memerlukan setiap terbitan, tawaran dan pelawaan untuk melanggan atau membeli debenture supaya tertakluk kepada keperluan mempunyai seorang pemegang amanah dan surat ikatan amanah kecuali bagi kategori yang terhad seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4. Rang undang-undang ini juga memperuntukkan keperluan kandungan dalam surat ikatan amanah dan keperluan minima dalam surat ikatan amanah akan dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti dalam bentuk garis panduan selepas rundingan dengan pihak industri.

Berbagai peruntukan mengenai kelayakan dan tanggungjawab pemegang amanah dinyatakan dalam rang undang-undang. Seorang pemegang *debenture* yang mengalami kerugian disebabkan pelanggaran tanggungjawab boleh mengambil tindakan sivil ke atas pemegang amanah kerana tanggungjawab ini tidak membawa kepada liabiliti jenayah.

Penggal 5 yang dicadangkan ialah untuk menggantikan peruntukan-peruntukan peraturan-peraturan Suruhanjaya Sekuriti, Skim Amanah Saham 1996 berkaitan dengan pengawalseliaan pemegang amanah, surat ikatan dan syarikat pengurusan.

Penggal ini juga akan mengawal selia skim pelaburan yang ditetapkan iaitu kepentingan yang termasuk dalam Seksyen 84, Akta Syarikat 1965 yang dikecualikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna daripada keperluan Akta Syarikat 1965 di bawah Seksyen 96, akta yang sama dan yang kemudiannya telah ditetapkan oleh Menteri Kewangan sebagai sekuriti yang akan dikawal selia oleh penggal ini.

Beberapa pindaan lain juga telah dicadangkan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 bagi menguatkuasakan beberapa kuasa penyiasatan Suruhanjaya Sekuriti dan bagi memastikan bahawa pindaan-pindaan tersebut tidak membawa kesan kepada mana-mana tindakan yang telah diambil di bawah rangka kawal selia terdahulu, Fasal 46, rang undang-undang memperkenalkan Seksyen baru 165 dan 166 bagi peruntukan simpanan dan perubahan serta peruntukan bagi mengelakkan anomali.

Usaha-usaha untuk mengatasi pertindihan fungsi di antara agensi-agensi kawal selia yang terlibat dan menyeragamkan peraturan mempunyai kebaikan dari segi menjimatkan masa dan kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penerbit sekuriti untuk membuat satu terbitan atau tawaran sekuriti. Rangka kawal selia yang dicadangkan ini akan meningkatkan lagi ketelusan dalam aktiviti pengumpulan modal serta meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti pengumpulan modal. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Datuk Nor Azah binti Awin: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Nor Azah.

11.47 pagi.

Datuk Nor Azah binti Awin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyertai perbahasan meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 ini. Tujuan pindaan tersebut untuk mewujudkan satu rangka kawal selia yang teratur dan berkesan sepenuhnya bagi pengumpulan modal di Malaysia adalah langkah yang paling tepat dan perlu pada masanya memandangkan negara kita melangkah ke alaf baru dan juga pasaran sekuriti di BSKL kita telah tercatat sebagai salah satu pasaran yang aktif di rantau ini. Paling ketara ialah sebelum kita mengalami krisis ekonomi dalam tahun 1997.

Dengan pindaan tersebut, Suruhanjaya Sekuriti akan menjadi badan kawal selia tunggal bagi pemantauan dan pengawalseliaan pasaran bon korporat di negara ini. Kepekaan pihak kerajaan amnya dan Suruhanjaya Sekuriti khususnya dalam menyelaraskan kelulusan pengawalseliaan dan pemantauan ke atas bon korporat adalah sangat-sangat dialukan oleh pihak korporat, pihak institusi kewangan dan juga tidak ketinggalan pihak-pihak pelabur. Pengalaman dari krisis ekonomi yang masih belum dapat kita lupai telah menyedarkan kita bahawa kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pembiayaan tradisional seperti pinjaman bank sahaja.

Juga pengalaman kita sebelum krisis tersebut adalah kelalaian kita dalam menjual dan menerbitkan bon-bon korporat kepada pihak-pihak asing di luar negara yang ketika itu bersedia dengan selera mereka yang besar kepada pelaburan di negara-negara membangun di rantau ini. Kepahitan yang kita alami setelah mereka memanipulasikan mata wang kita tidak payah saya ceritakan. Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya sedia maklum.

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan pihak kerajaan, Kementerian Kewangan, MTEN dan semua badan yang bertanggungjawab ke atas menangani krisis tersebut telah membuktikan ubat atau *diagnosis*, dengan izin, yang telah dilaksanakan dan telah berjaya. Selain dari usaha-usaha 'mengamalkemasikan' institusi perbankan, broker saham dan syarikat insurans negara kita telah juga memperketatkan infrastruktur kewangan dengan reka bentuk atau *architecture*, dengan izin, kita sendiri. Salah satu yang ketara sekali adalah rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang di mana dengan izin, *corporate governance* dan ketelusan telah diselaraskan bersama dengan tanggungjawab atau dengan izin, *accountability* pihak korporat berjalan seiring. Untuk mencapai matlamat tersebut, beberapa perubahan terpaksa dibuat agar semua langkah akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu bon secara menyeluruh. Adalah lumrahnya apabila sesuatu ekonomi mengalami krisis ekonomi, reaksi yang paling ketara ialah keengganan institusi kewangan meluluskan pinjaman dan jika boleh mereka akan menarik balik pinjaman yang telah mereka berikan. Jika saya bawa Ahli-ahli Yang Berhormat kepada tahap negara pula, reaksi yang sama juga akan dialami. Negara-negara yang mengalami krisis ekonomi akan terus menerus dipencilkan dan diputuskan bantuan kredit serta merta oleh negara-negara luar. Negara-negara tersebut yang juga ketandusan simpanan dalam negeri atau dengan izin, *domestic savings* akan mengalami masalah membayar pinjaman luar negara. Senario beginilah yang akan memburukkan lagi keadaan kewangan yang telah runcing. Institusi kewangan dan infrastruktur kewangan akan goncang dan ini akan meruntuhkan sesuatu ekonomi. Kenapa ini berlaku, tidak lain dan tidak bukan ialah struktur pinjaman atau hutang yang tidak fleksibel, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, struktur yang tegang atau rigid, dengan izin, ini tidak dapat membolehkan sesuatu pinjaman dijual beli kepada beberapa bilangan pihak peminjam yang berkemampuan memegang portfolio tersebut dan mempunyai

keyakinan kepada masa hadapan sesuatu syarikat atau sesuatu negara. Mereka melabur dengan keyakinan akan menimba keuntungan apabila keadaan ekonomi negara tersebut telah stabil dengan kumpulan dana yang lumayan. Dengan cara ini risiko hutang atau pinjaman tersebut dapat dipelbagaikan.

Di negara kita, isu negara tidak menjadi masalah seperti yang kita lihat di Mexico dalam tahun 1982 dan juga 1994. Di sebaliknya di Malaysia sektor korporatlah yang masih terbelenggu dengan bon-bon yang mana sebahagian besar masih dipegang oleh pihak asing. Apa yang membuatkan keadaan lebih mudarat ialah bon tersebut disenaraikan dalam mata wang asing yang mana nilainya bertambah dengan berlipat ganda dengan penurunan nilai mata wang kita bersama dengan bebanan kadar faedah sekali. Langkah Suruhanjaya Sekuriti mengemaskinikan, penyeliaan dan pemantauan bon-bon korporat membuktikan iltizam pihak kerajaan membantu sektor tersebut secara menyeluruh dan akan membantu, dengan izin, recovery dalam sektor swasta. Negara kita yang dengan izin, private sector driven selama ini tidak harus melupakan perimustahaknya sektor tersebut yang akan memanfaatkan negara dari segi pungutan cukai terus, cukai tidak terus selain daripada memberikan pekerjaan kepada rakyat di samping sumbangan ekonomi yang pelbagai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam alaf baru ini dengan saingan yang kuat dari semua aspek perdagangan, saingan mendapatkan pelabur-pelabur untuk saham dan bon juga tidak berbeza, maka itu terbitan bon haruslah diteliti dan dikaji asas atau dengan izin, fundamentals dan pindaan berkaitan adalah sangat dia lukan. Juga accountability atau pertanggungjawaban sesebuah syarikat dan ahli-ahli pengarah mereka harus diperketatkan. Prospektus sesuatu terbitan hendaklah telus dan lengkap dari segi semua maklumat yang diperlukan untuk meyakinkan pelabur, baik dari dalam atau luar negara. Kalau dilihat dari pengalaman Mexico, krisis yang dilalui dalam tahun 1982 memakan masa beberapa tahun untuk masuknya dana luar negara berbanding dengan hanya 5 bulan apabila mereka menukar hutang luar mereka kepada bon dalam krisis 1994.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita haruslah berwaspa dan mengambil iktibar dari negara-negara yang mengalami krisis pasaran bon. Di Amerika Syarikat umpamanya mengalami kegawatan pasaran bon mereka yang paling teruk pada permulaan tahun 80-an. Hampir 70% dari sektor korporat

meminjam menerusi pasaran bon, sementara yang 30% lagi dari institusi perbankan. Di sebaliknya 70% di Eropah adalah bergantung kepada pinjaman bank dan 30% pasaran bon. Oleh kerana pasaran bon pada ketika itu tidak menyediakan pengawalan, penyediaan, penyeliaan dan pemantauan yang rapi seperti yang kita bahaskan pagi ini, mereka telah menyenaraikan bon yang dipanggil dengan izin, junk bonds untuk syarikat yang kurang berprestasi yang mana pulangan ke atas bon tersebut tinggi untuk memberi comfort, dengan izin, atau pemanis atas risiko pelaburan tersebut. Ini dapat dilihat apabila Dragsell Bernham Lambert, bank yang khusus dalam pasaran bon di Amerika Syarikat telah mengalami krisis dengan kadar yang terkandas atau default dengan izin, sebanyak 10% daripada portfolio bon mereka dalam tahun awal 90-an berjumlah US\$20 bilion. Di Eropah pula pihak swasta mengalami kos yang tinggi dalam meminjam dari institusi perbankan Oleh kerana dana perbankan yang semakin berkurangan, jangka masa pinjaman semakin dipendekkan dan ini merumitkan lagi perusahaan atau perdagangan. Dengan ini sektor swasta terpaksa memasuki pasaran bon seperti yang kita alami di negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Suruhanjaya Sekuriti dalam meluluskan electronic stock broking, dengan izin baru -baru ini atau pembelian dan penjualan saham melalui internet adalah sangat dialu-alukan dan ini akan mengurangkan kos dari segi komisen secara kompetitif yang dibayar kepada broker saham dan meringankan beban kepada pelabur yang terdiri daripada orang awam.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Aziz.

11.55 pagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi oleh Timbalan Menteri Kewangan iaitu Rang Undang-undang berkenaan dengan Akta Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, pemindaan yang dibuat ke atas Akta ini semata-mata nak menunjukkan bahawa kerajaan kita memang serius dari segi nak menentukan peranan swasta dapat ditonjolkan untuk membangunkan ekonomi negara. Kalau kita kaji dari segi pendirian Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir sendiri terang-

terang lagi sewaktu kita dilanda krisis kewangan, apabila Soros mengutarakan satu konsep kepada dunia bahawa Mahathir merupakan a menace to his country, apa dah jadi pada Soros sekarang? Soros sekarang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, merupakan seorang yang telah melarikan diri daripada penglibatan dalam bidang hedge funds. Saya dengar baru-baru ini Soros quantum fund dia dah rugi, quantum fund pun dah rugi berbilion-bilion dan mengakui bahawa dana lindung nilai hedge fund memang tidak dapat memberikan keuntungan. Dua pegawai kanannya telah pun meletakkan jawatan dan juga tiger fund pun rugi, satu lagi fund, yang ruginya bukan sikit, berbilion-bilion, US\$5 bilion.

Pengurus Kanan pada Soros, Stanley Draken Miller dan Nicholas Rodoty yang sejak tahun 80-an memainkan peranan memberikan keuntungan kepada Soros. Soros sekarang surrender dan Soros pada saya a menace to the nation and to the world dari segi kewangan. Tapi Dr. Mahathir sendiri pada waktu itu mengutarakan perlunya kita wujudkan kerangka kewangan antarabangsa, international financial architecture pada tahun 1998 di Hong Kong. 2 Julai 1997 atau 1998 di Hong Kong dan kini setakat ini masih lagi G7, sekarang G8 menarik kaki untuk nak mewujudkan kerangka kewangan antarabangsa, tak buat lagi, sehinggakan Soros pun dah surrender, Soros sendiri pun dah surrender yang dia dulu menerusi hedge fund dia boleh buli negara-negara membangun seperti kita, Thailand, Malaysia, Indonesia. Kini pun dah cabut lari tapi kerangka kewangan antarabangsa masih belum wujud.

Saya dengar cerita, G20 di mana Malaysia pun tak terlibat, saya pun hairan. Kita sekarang ini nak menggunakan Jepun sebagai sahabat kita kerana Jepun sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, memang banyak membantu kita. Jadi waktu itu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir telah pun mengutarakan ideanya di peringkat antarabangsa nak mewujudkan international financial architecture. Kini sebelum kita wujudkan peringkat antarabangsa, kita tengok dari segi negara kita.

Akta ini sebenarnya amat perlu sekarang dalam kita menghadapi globalisasi di mana kerajaan sekarang ini nak mempertahankan dari segi persaingan umum menggabungkan bank mula-mulanya. Daripada beberapa buah bank nak jadikan 10, mula-mula jadi 6, lepas itu kita tengok ramai bumiputera dah hebat-hebat, termasuk RHB, Arab Malaysia, berican jadi 10, 10 bank, insurans pun nak digabungkan.

Lepas itu broker saham, syarikat broker saham pun nak digabungkan daripada 63 nak jadi 15, saya akan komen sikit karang. Semuanya supaya ianya dapat memberi

ketahanan. Memang kalau kita gabung pun tak besar sangat kalau dibandingkan dengan bank-bank antarabangsa ini kerana mereka bergabung. Bank antarabangsa bergabung, Citibank dengan Travel Group dia, Dosh Bank, di Jepun pun bergabung, semua bank besar-besar di dunia bergabung, di Amerika, di UK, di Eropah dan juga di Jepun bergabung dan kita turut mengikut trend untuk menggabungkan dan kita mengharapkan dengan penggabungan ini ianya lebih market driven kerana kita tak mahu, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Suruhanjaya Sekuriti mewujudkan satu pasaran kewangan yang utuh, yang mantap, tetapi sistem tradisional, sistem perbankan yang ada pada hari ini tidak proaktif, dia duduk saja jadi tauke, lepas tu tunggu orang minta sedekah, minta duit.

Sebab itu baru-baru ini saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tun Daim kerana mengadakan dari segi senarai, menyenaraikan syarat-syarat kenapa pinjaman sentiasa ditolak begitu, kita nakkan syarat-syarat yang positif dipamerkan di luar-luar bank supaya kita tengok adakah kita menepati syarat atau tidak kerana dulunya dia sebagai ikut dia saja, ikut 'dan' kalau ikut cakap Terengganu sahabat saya, ikut 'dang', dia masuk saja, tengok muka tak berapa baik sangat tak lulus, tidak mengikut syarat-syarat yang termaktub di dalam sistem perbankan yang mempunyai ketelusan. Sistem perbankan terpaksa diubahsuai kerana ianya merupakan paksi, masih lagi merupakan paksi dari segi dana kewangan untuk membangunkan negara.

Tetapi kini, tahniah kerana rang undang-undang baru Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang akan mengurangkan pertindihan dari segi tanggungjawab kerana kita ada Akta Syarikat 1965 pun dipinda. Kita ada pendaftaran syarikat yang mempunyai tanggungjawab dari segi prospektus. Kita wujudkan BSKL dan sebagainya. Tetapi sekarang kita ini hendak berikan Bank Negara Malaysia misalnya, mempunyai tanggungjawab yang sekarang kita hendak pindahkan juga kepada Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission). Kita hendakkan Suruhanjaya Sekuriti setelah mendapat input daripada Pertubuhan-pertubuhan Akauntan tadi saya dengar, Pertubuhan Peguam Negara, Pertubuhan Amanah Unit Trust, Amanah Saham, lepas itu kita dapat juga kerjasama dari Majlis Peguam Malaysia, semuanya akan memberikan input, syukur alhamdulillah. Suruhanjaya Sekuriti merupakan tunggak untuk mengawal selia kedudukan kewangan swasta di negara kita. Kita ucapkan tahniah.

Setakat ini saya diberitahu dari segi aduan yang diterima pada tahun 1999 menunjukkan bahawasanya Securities Commission sudah ready, sudah sedia untuk menjalankan tugas. Pada tahun 1999 sahaja, 151 aduan diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pada masa itu kes-kes yang disiasat mengikut pelbagai seksyen - 54 kes yang disiasat oleh Suruhanjaya Sekuriti. Baru-baru ini kita baca surat khabar, bekas Wakil Rakyat pun ada, kena bayar cash RM400,000 kerana melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Saya hendakkan ketelusan ini yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti berjalan tanpa segan silu, langgar syarat, ambil tindakan, hukum. Tetapi ada juga yang tidak dapat tangkap lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tahu sekarang ini daripada Suruhanjaya Sekuriti daripada pihak kerajaan, berapa ramai tokoh-tokoh korporat yang melanggar syarat sewaktu saham kita melambung tinggi lepas itu menjunam, selepas krisis cabut lari, tidak dapat dikesan. Siapa dia, berapa ramai, apakah kesalahan dan kesilapan, tolong beritahu Dewan yang mulia ini, kita hendak tahu, di mana mereka? Saya dengar ada sahabat saya pergi ke Amerika, dia ternampak, ternampak di Amerika dua, tiga orang member lamanya, di sana. Kenapa kerajaan tidak nampak, saya tidak tahu. Kita ada connection, kita mempunyai talian rangkaian networking kita menerusi pelbagai jaringan persahabatan, ada yang nampak.

Jadi, saya minta pihak kerajaan beritahu Dewan yang mulia ini, berapa ramaikah tokoh-tokoh korporat yang terlibat dari segi pelanggaran syarat-syarat ataupun seksyen-seksyen yang termaktub di dalam Akta Suruhanjayakah atau apa sahaja akta bersangkutan-paut dengan apa yang kita bincangkan pada hari ini dan apakah kedudukan masing-masing? Saya ucap tahniah kerana 54 kes ini yang terbanyak sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah pelanggaran syarat-syarat lesen mengikut seksyen 18, Securities Act 1993 (SIA) - 10 kes. Dari segi kenyataan palsu atau mengelirukan tidak berapa banyak tetapi perdagangan dalaman (insider trading) yang banyak sekali ini - 12 kes, 7 kes - perdagangan dalam, seksyen 89 dan 90 dan 12 kes - penggunaan alat manipulatif dan memperdaya - ini hendak menipulah ini. Jadi, 54 kes ini ada 6 kes berkenaan dengan kenyataan palsu atau mengelirukan berkaitan dengan sesuatu cadangan, ada pula mengelirukan.

Jadi, saya hendak tanya juga pihak kerajaan, yang kita bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, kepada mereka yang mengikuti rombongan Perdana Menteri, rombongan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sign persefahaman MoU

ini. Saya nyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini adalah tokoh-tokoh korporat yang mempunyai syarikat-syarikat di mana sahamnya diniagakan menerusi BSKL. Apabila ia tandatangan Memorandum of Understanding (MoU) di UKkah, Chilekah, Argentinakah, Afrikakah, ianya akan mengusik harga saham di negara ini, sebulan, dua bulan, tiga bulan kita tunggu, entah apa jadi pada MoU ini.

Harga saham sudah naik, pada waktu dia sign dahulu kerana projek-projek besar, ini sign bukan projek kecil, depan Perdana Menteri projek besar, depan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri projek besar sign, melintang sign masuk televisyen, oh! korporat, kita bangga. Di sini, kita pun belilah saham, oh! saham pun naik, tetapi tidak ada apa, kosong, tandatangan yang kosong, projek tidak jalan, apa sudah jadi pada mereka.

Saya tanya, dalam soalan-soalan di dalam Dewan yang mulia ini, apa sudah jadi kepada tokoh korporat yang telah pun menandatangani MoU dengan rakan-rakan dan sahabat seperjuangan mereka di luar negara depan Perdana Menteri dan sebagainya tetapi tidak menunaikan janji - ini kalau cakap sahabat saya di Terengganu, “bedaaah” macam semua ‘Pahang’ kah itu?

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: “Bedaah lalu”.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: “Bedaah lalu”, tidak betul langsung, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, harga saham sudah naik, lepas itu turunlah menjunam pasal tidak ada benda berjalan. Siapa mereka, apa tindakan yang diambil? Saya hendak tahu berapa ramai yang sudah sign MoU ini - tokoh-tokoh korporat yang mempunyai syarikat-syarikat berdaftar di BSKL, yang lain tidak payahlah sebab ia akan menentukan arah turun-naiknya harga sahamnya, siapa dia dan apa tindakan yang diambil kerana

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada.....

Dato’ Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya hendak tanya sahabat saya ini, setujukah? Mungkinkah mereka ini sign MoU tetapi bukan Memorandum of Understanding, yang mereka sign ialah Memorandum of Uncertainty? [Ketawa] Itu sahaja.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Bijak sahabat saya dari seberang ini. Mungkin itu Memorandum of Uncertainty, saya pun tidak tahu. Kalau sekiranya banyak sangat yang tandatangan lepas itu tidak berjalan, itu memang Memorandum of Uncertainty bukan Memorandum of Understanding, tidak wujud understanding.

Understanding - persefahaman. Jadi ini mengelirukan pelabur -pelabur dan adakah ini mempunyai nilai-nilai penipuan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Nor Azah binti Awin: Minta laluan, Yang Berhormat Dato' Aziz. Saya rasa kalau membuat statement, dengan izin, secara menyeluruh mungkin tidak adil. Ada juga memorandum ataupun perjanjian yang dimeteraikan di hadapan pemimpin-pemimpin negara kita yang mana secara legitimate, dengan izin, tidak dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab tertentu.

Saya ingin syorkan kepada Kementerian Kewangankah atau MITI yang harus mengadakan satu *stock taking* ataupun analisa atas apa terjadinya kepada semua pelaburan luar negara yang telah dibuat dan masihkah oleh kerana kita sekarang our economy has recovered, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, satu cara di mana dapat kita memulakan semula atau meneruskan - saya mewakili sektor korporat dari segi ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Memanglah benar, kadang-kadang ada legitimasinya. Ini terserahlah kepada Suruhanjaya Sekuriti dan apa sahaja badan yang bertanggungjawab untuk menentukan. Memang benar ada kadangkala MoU tidak boleh dilaksanakan dengan sebab-sebab yang amat munasabah. Tetapi adakalanya kalau selalu sangat buat Tuan Yang di-Pertua, pergi kali pertama di Chile, sain lepas itu tidak jalan. Pergi ke Budapest tidak jalan, pergi ke Argentina tidak jalan. Ini MoU tidak jalan ini MoU – Memorandum of Uncertainty, yang disebutkan oleh sahabat saya tadi. Itu yang kita hendak dipertanggungjawabkan. Yang lain itu okay.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Dato' kerana memberikan laluan ya Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan beberapa penjelasan Yang Berhormat Dato'. Bolehkah Yang Berhormat Dato' memberi..., supaya kita tidak rambang dengan..., orang Terengganu kata, bahasa baku pun kata rambang. Bolehkah Dato' memberi beberapa contoh nama ataupun syarikat berkenaan mengikut pemerhatian Dato' kerana kadang-kadang secara keseluruhannya adalah tidak baik dari pengamalan kita memberi tuduhan tanpa beberapa contoh yang konkrit. Jadi kalau bolehlah Dato' memberi beberapa contoh yang memang sudah konkrit tetapi tidak diambil tindakan ataupun menjadi masalah kepada pelabur-pelabur. Saya rasa Dato' bersedia menjawab.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tidak saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini perkara umum ini. Biarlah pihak kerajaan yang bertanggungjawab. Kita bukannya penyelidik. Kita hanya pemerhati (observer). Jadi Dewan yang mulia ini saya hendak serahkan pihak kerajaanlah. Pihak kerajaan lebih arif daripada kita. Sebab itulah pada satu ketika Yang Berhormat Tun Daim pun ada menyebut yang pergi ke Indonesia misalnya lebih berkaraoke dan bergolf dari menyertai perundingan dua hala untuk membangunkan perniagaan. Jadi perkara semacam ini tidak manis.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan Suruhanjaya Sekuriti sudah ada taring-taringnya. Sudah ada dan diperkuatkan lagi dengan wujudnya pindaan-pindaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menguatkan lagi penguasaannya (empowerment) dengan izin, kepada Suruhanjaya Sekuriti menjalankan tugas-tugasnya. Soalnya sekarang dengan 'pemiakan' pihak swasta dari segi pasaran modalnya, adakah mereka ini mencukupi dari segi tenaga-tenaga pekerja yang mahir untuk menguatkuasakan, untuk menyelia tugas-tugas baru yang besar ini.

Jadi kalau sekiranya mereka diberi kuasa tetapi tidak cukup 'gigi' dan tidak cukup tenaga saya takut banyak sangat perkara-perkara pelanggaran ini tidak dapat dibawa ke mahkamah kerana tidak cukup tenaga. Dan saya difahamkan juga Suruhanjaya Sekuriti akan mempunyai kuasa mendakwa pegawai-pegawai yang boleh mendakwa ke mahkamah. Maknanya lawyers, dia bukan sahaja expert ataupun mahir dari segi bidang tugas Suruhanjaya Sekuriti tetapi mahir dari segi perundangan, undang-undang. Jadi kalau mereka boleh dijadikan pendakwa sendiri di mahkamah, jadi kita terpaksa melengkapkan tenaga-tenaga mahir di Suruhanjaya Sekuriti.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pasaran bon di negara kita sudah meningkat. kumpulan dana kewangan pun sudah banyak. Hari itu kita dengar 33 unit pengurusan, 100 tabung, PNB ada 5 tabung, jumlah RM50 bilion unit saham-saham amanah. Lepas itu kita dengar pula sekarang ini bond-bond swasta pun diterbitkan oleh pihak swasta. Jadi permodalan paras pasaran saham kita meningkat daripada 30 Disember 1999 daripada September 1998 yang hanya tahap RM181 bilion meningkat balik kepada RM552 billion. Ini saham permodalan paras yang tinggi. Tetapi ikutkan semasa indeks sampai 1300 dekat-dekat 750 bilion kalau saya tidak silap, begitu tinggi.

Dan begitu juga dengan unit sahamnya pun pada tahun 1999 meningkat dan dagangan menggunakan bon swasta ini tadi. Saya terbaca di mana..., jadi saya ambilkan senario dari segi kerajaan sendiri. Mengikut laporan Bank Negara Malaysia 1999 - pembiayaan ekonomi. Kita lihat daripada sini kerajaan sendiri terlibat dengan hutang luar negerinya. Sungguh pun Yang Berhormat Ustaz Hassan mengatakan kita tidak perlu berhutang. Dia memang tidak setuju langsung dengan hutang ini. Saya pun hairan macam mana hendak berniaga. Zaman dulu pun ada orang berhutang. Zaman Nabi Muhammad s.a.w pun ada, dari segi perniagaan. Jadi saya hairan kenapa dia tidak setuju langsung dari segi hutang ini. Dia kata koperasi pun dia tidak benarkan berhutang. Dia tidak menggalakkan hutang. Dia kata kerajaan kita berhutang. Memang kerajaan berhutang. Kerajaan mana yang tidak berhutang dalam dunia ini. Dan saya hendak sebut di sini kerana pihak kerajaan belum menjawab soalan yang dibawa oleh saudara saya. Nisbah khidmat bayaran hutang, untuk makluman Yang Berhormat bagi pihak kerajaan yang belum menjawabnya, mengikut laporan yang saya terima, menurun daripada 6.4% tahun 1998 kepada 5.3% - menurun. Kecil sangat. Kalau dibandingkan dengan negara-negara serantau ini kita ini kecil sangat. Hutang kita maknanya tidak banyak. Dan kita pun punya rizab yang tinggi, 6.3 bulan boleh membayar nilai import. Jadi tinggi. Dekat-dekat USD30 bilion lebih Tuan Yang di-Pertua. Kukuh negara kita ini.

Jadi selain daripada itu saya perhatikan kerajaan dari segi senarai hutang luar negeri tahun 1999, RM21 bilion. Hutang awam RM13 bilion, sekuriti hutang swasta – RM14.9 bilion dan pinjaman oleh sistem perbankan RM50 bilion. Jadi inilah modal yang berkisar bagi pihak kerajaan dan juga pihak swasta di negara kita ini. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan saya hendak quote istilah yang disebutkan oleh Dato' Sri S. Samy Vellu – sekunder. Rupanya 'sekunder' ini secondary. Saya pun terperanjat juga. Macam mana sekunder? Saya pun hairanlah macam mana terjemahan dibuat sebegitu rupa. Jadi secondary market – pasaran sekunder. Jadi kita banyak bon-bon dari derivative yang yang baru yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat. Syarikat-syarikat yang berdaftar ini ia tidak perlu..., sekarang pinjam dengan bank sahajalah. Sistem perbankan ia boleh terbitkan bon-bon dan juga instrument-instrument derivative yang lain. Tetapi pasaran sekunder di negara kita ini tidak begitu meningkat, tidak begitu hebat, tidak begitu aktif.

KWSP, Tabung Haji, Khazanah Negara – saya tidak tahulah adakah mereka terlibat. Ia beli bon-bon ini ia simpan sahaja. Tidak ada aktiviti-aktiviti sekunder – secondary market (pasaran sekunder) ini tidak aktif lagi. Jadi saya hendak syorkan kepada pihak kerajaan menerusi jawatankuasa kerana sekarang sudah ada jawatankuasa induk- master plan untuk pasaran-pasaran bon ini. Dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan ini cari jalan macam mana institusi-institusi dana kewangan seperti KWSP yang saya sebut dulu, yang saudara saya sebut, hanya sekarang ini melibatkan 18.9% sahaja. Maknanya ada lagi 6.1% dari segi margin. Ia sepatutnya boleh melabur 25% dari segi saham-saham. Ia ada lagi ruang. Gunakan dan sudahlah pula ada profesional adviser, Namura daripada Jepun.

Jadi saya hendak tahu adakah dana-dana kewangan yang lain mempunyai profesional antarabangsa ini kerana kita perhatikan kalau kita hendak melibatkan diri Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang kewangan yang sofistikated ini kita memerlukan idea-idea baru. Tidak perlu kita ambil daripada Amerika, Jepun itu ramai yang mempunyai idea-idea baru yang dijadikan sebagai adviser (penasihat). Penasihat KWSP – Namura, tahniah!. Penasihat PNB saya tidak tahu. Mungkin pihak kerajaan akan memberitahu, Penasihat Tabung Haji siapa. Kerana kita hendakkan idea ini supaya mereka boleh menggerakkan minda pengurus-pengurus dana kewangan kita. Banyak funds managers tetapi kita hendak berikan satu dimensi antarabangsa sedikitlah.

Jadi dimensi antarabangsa ini kita dapati menerusi connection kita, sahabat-sahabat kita di Jepun di Eropah dan sebagainya kita ambil. Bayarlah USD20 sebulankah dan sebagainya kalau sekiranya pendapat-pendapat mereka, pandangan-pandangan mereka itu dapat menghasilkan lebih banyak dari segi keuntungan kepada dana-dana kewangan itu. Tidak jadi masalah. USD20 tidak jadi masalah kerana orang-orang ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dari segi gaji imbuhan mereka begitu tinggi. USD1 juta setahun tidak jadi masalah bagi mereka. Tetapi mereka melaburkan berbilion-bilion. Kita mesti memikirkan sebegitu rupa.

Saya mengharapkan, saya hendak tanya pihak kerajaan adakah kita disekat bagi melabur di peringkat wilayah, regional atau di peringkat pasaran modal antarabangsa. Saya hendak tanya, adakah ada sekatan dalam keadaan kita mempunyai kawalan kewangan yang ketat, adakah kita sekarang disekat untuk melabur keluar dengan sebegitu rupa. Kerana kita tahu orang yang masuk ke dalam

ini dari segi jangka pendek tidak dapat keuntungan yang tinggilah. Kalau dulu mungkin dapat. Tetapi mengikut kawalan ini ikutkan setahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu berbuat demikian semata-mata bagi hendak menentukan wujudnya satu pasaran yang telus. Jadi, saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sekarang ini banyak jawatankuasa khas seperti Etika Percantuman Penggabungan ada, Etika Tadbir Urus Korporat pun ada, bererti dari segi good governance Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, good governance bukan sahaja dalam kerajaan, NGO tetapi dalam syarikat-syarikat. Mereka bertanggungjawab kepada pemegang-pemegang saham, kepada pelabur-pelabur dari ketelusan dan saya difahamkan juga Suruhanjaya Sekuriti sekarang menuntut supaya dikeluarkan, diterbitkan akaun tiap-tiap suku tahun untuk dikeluarkan supaya pelabur-pelabur kita up-to-date dari segi mengetahui kedudukan sebenar syarikat-syarikat ini. Semuanya ini ke jalan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merayu kepada pihak kerajaan sekali lagi mengkaji bagaimana sistem penggabungan kita tidak boleh melibatkan syarikat-syarikat broker saham ini di dalam sistem perbankan. Kalau kita hendak benar-benar mewujudkan satu sistem yang kukuh dan mantap dari segi supermarket kewangan, kita perlu sistem perbankan mempunyai a one stock institution, satu tempat di situ semua kita boleh dapat, hendak beli saham boleh, hendak beli insurans boleh, apa sahaja, hendak pergi travel, hendak pergi - produk-produk yang diperlukan oleh klien dia itu ada. Di Australia misalnya banyak bank yang mempunyai syarikat-syarikat pelancongan sendiri (travel agency) di situ dan juga pembelian saham dan juga insurans. Tetapi di sini saya perhatikan kalau mengikut kedudukan sekarang ini syarikat-syarikat perbankan tidak boleh mempunyai saham lebih daripada 20% di dalam syarikat-syarikat broker saham.

Jadi, macam mana kita hendak menentukan, sungguhpun kita tingkatkan syarikat broker saham ini dari segi modalnya kepada 250 juta dan sebagainya, 200 juta ke 250 juta, tetapi kalau mereka digabungkan, kalau sekiranya kita takut sangat dengan conflict of interest Tuan Yang di-Pertua, percanggahan dari segi interest, dari segi kepentingan, kita ada undang-undang. Kalau sekiranya apa gunanya kita wujudkan ini, akta yang tebal semacam ini, Akta Suruhanjaya Sekuriti. Kita wujudkan ini sebagai memantau, jadi jangan kita takut kepada bayang-bayang dan hilang dari segi itik yang mengeluarkan telur-telur emas, itik ini kita kena jaga dengan baik. Jadi,

bank ini macam itik, angsa yang mengeluarkan telur-telur emas, emas ini maknanya dari segi keuntungan.

Jadi, saya mengharapkanlah kaji semula, kajilah semula supaya bank juga boleh mempunyai syarikat-syarikat broker saham. Kalau kita tengok apa yang terjadi sekarang ini bank-bank seperti Public Bank, RHB Capital, Southern Bank, Hong Leong Bank, Arab Malaysian Holding, semuanya ada kepentingan. Macam Public Bank, Tan Sri Tay Hong Thio, saya difahamkan mempunyai 33.6% kepentingan di dalam PB Securities. Jadi kalau wujudnya sistem baru ini dia tidak boleh lagi mempunyai broker saham kerana lebih daripada 20%. Jadi, perkara semacam ini saya rasa elok dikaji semula supaya ianya dapat menguatkan lagi kedudukan sistem pengawasan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan Jepun, saya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih atas laluan ini, saya nak tumpang tanya Dato' kerana dalam kita membahaskan Rang Undang-undang ini, kalau boleh Dato' memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan pemilikan ekuiti bumiputera di dalam Second Board terutama sekali, penghakisan ekuiti ini kerana ianya akan menjejaskan kedudukan ekuiti keseluruhannya di dalam keekonomi negara kerana ini akan menghakis kedudukan ekuiti ekonomi secara keseluruhannya.

Apakah strategi-strategi tertentu yang harus dilaksanakan oleh SC ini dan banyak juga kita memperkatakan perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah sebelum disenaraikan umpamanya, ekuiti 30% selain daripada diberi kepada yayasan dan sebagainya, ada perlantikan pengarah-pengarah ini oleh kerana syarikat itu belum ada ekuiti bumiputera maka dipilih beberapa bumiputera yang tidak mempunyai keupayaan untuk mengurus bersama-sama dengan rakan yang tersedia ada.

Jadi, apakah ini satu bentuk yang boleh kerajaan dan SC sendiri dapat memberi perhatian kerana kita tahu bahawa isipadu perdagangan yang dilaksanakan agak besar dan apakah selain daripada di bawah Akta Syarikat 1965 SC sendiri adakah beberapa cara untuk mengenal pasti sebelum kita senaraikan dalam prospektus. Umpamanya, seorang pengarah yang harus diberi kelayakan untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah sama ada secara eksekutif atau tidak eksekutif dan apakah peranan selepas itu, kerana kita dapat tahu ada pengkhianatan berlaku walaupun saya tidak ada satu bukti yang kukuh tetapi ada banyak di antara syarikat

yang telah disenaraikan menggunakan bumiputera ini sebagai satu jalan untuk mendapatkan semula ekuiti ini selepas disenaraikan beberapa tahun. Walaupun kita ada peruntukan apakah pandangan Dato' dan juga kerajaan, sejauhmanakah dapat kita mengekalkan ekuiti ini dengan keadaan mereka juga harus kompetitif di dalam menjalani perdagangan dan perniagaan mereka. Saya ucap terima kasih kepada Dato' sedikit memberi penjelasan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar peranan suruhanjaya, lebih-lebih lagi peranan Kementerian Kewangan sebenarnya dari segi dasar umumnya. Kita dapati Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Dasar Ekonomi Baru yang disusun dengan Dasar Pembangunan Negara tidak dapat lagi mencapai tahap yang kurang - Tuan Rosli mendengarkah? Saya hendak beri jawapan. *[Ketawa]*

Belum mencapai - 30% itu sasaran sahaja tetapi amat mendukacitakan. Mengikut akhir tahun 1999 tidak mengira saham-saham nominee, ini kita hanya mempunyai 19.4% sahaja. Sungguhpun sasaran kita apabila wujudnya Dasar Ekonomi Baru supaya ekuiti bumiputera dalam saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur meningkat kepada 30% sekurang-kurangnya, tetapi 31 Disember 1999 hanya mencapai naik 19.4% dan kita bertanya sebagai ahli MAPEN II mewakili UMNO saya bertanya kepada Jawatankuasa sewaktu itu Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) ada wakil. Daripada syarikat nominee berapa pula pecahan bumiputera di situ, tidak dapat jawab. Selepas itu dia kata bukan tidak dapat jawab, dari segi undang-undang tidak boleh beritahu, melanggar syarat undang-undang.

Saya hendak minta Kementerian Kewangan check balik semula, kaji balik semula, adakah perkara semacam ini tidak boleh diberitahu kepada Jawatankuasa penyusunan semula dalam MAPEN II. Kita hendak tahu dari segi keseluruhannya pegangan ekuiti bumiputera adakah ianya mesti lebih daripada 19.4% kerana nominee memegang lebih kurang 8% ke 9% di dalam itu mungkin ada bumiputera. Jadi kena perjelaskan dari segi kita hendak mengkaji dasar yang ada sekarang ini. Kalau dia sendiri tidak dapat menentukan, bagaimana Kementerian Kewangan atau lebih tepat lagi EPU mendapat maklumat mengetahui kedudukan sebenarnya ekuiti yang dipegang oleh bumiputera secara total, sebagai individu, institusi dan nominee dan juga kaum India seperti sahabat saya pernah mengatakan tadi. Dia kata sampai kini

1.5% sahaja, tetapi kalau kita check balik dari segi ekuiti di dalam syarikat nominee mungkin ada lagi 3% kaum India, kita tidak tahu.

Jadi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kewangan bersama-sama dengan EPU mencari jalan menerangkan kepada – MAPEN II itu rahsia, jadi apa salahnya diberi kepada ahli jawatankuasa MAPEN II kerana kita ditugaskan untuk mencari jalan penyelesaian kepada dekad sepuluh tahun akan datang ini cara-cara menyambung MAPEN I dahulu untuk mencari jalan penyelesaian dari segi, salah satunya penyusunan semula masyarakat. Jadi memang benar kalau sekiranya mereka tidak telus dengan angka-angka ini, bagaimana kita hendak telus dari segi pengkajian kita. Jadi ini ketelusan, pernah saya katakan di sini maklumat itu penting. Sebab saya cadangkan dahulu dasar maklumat negara. Maklumat semacam ini tak dapat jadi kita tidak fahamlah. Bagaimana kita hendak membuat pemantauan ataupun membuat... Jadi Tuan Yang di-Pertua kita mengharapkanlah apabila saham-saham di negara kita ini dapat dimasukkan ke dalam Morgan Stanley nanti, Morgan Stanley Capital International. Ianya akan meningkat lagi harga saham-saham kita kerana ia mendapat pendedahan (access) kepada market antarabangsa.

Pada masa ini kita bersyukur kerana dari segi terbitan saham di BSKL sahaja pada tahun 1999 ianya telah meningkat kepada RM8.1 bilion, pada tahun 1998 meningkat daripada tahun 1998 RM1.7 bilion. Peningkatan yang besar ini di mana terbitan awam RM634 juta, persendirian RM1.1 bilion, terbitan hak (right issue) RM6.1 bilion dan tawaran untuk dijual RM364 juta. Jadi saya di sini hendak mengesyorkan kepada pihak kerajaan bagi menepati Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara dan mungkin akan datang Dasar Ekonomi Wawasan, penerbitan saham permulaan IPO Tuan Yang di-Pertua, jangan kita sewenang-wenangnya memberi kepada sesiapa sahaja, kalau kuota bumiputera, kita beri kepada bumiputera, lepas itu bumiputera berhutang saham turun, tergadai.

Dari segi kegawatan ekonomi baru-baru ini saya hendak tanya pihak kerajaan berapa ramai saham-saham yang diberikan kepada bumiputera yang terpaksa terlelong dan tergadai kerana mereka diberikan terbitan saham permulaan menerusi pinjaman. Dia pinjam duit dia ambil IPO ini tadi, lepas itu bila tidak dapat kita uruskan dengan bank dia terpaksa – lepas itu tidak ada ‘monitorial’, tidak boleh jual, dia berpakat dengan pemegang-pemegang saham asal. Lepas itu ambillah saham saya dengan harga-harga sekian. Jadi dasar kerajaan memberi kepada mereka penerbitan

saham permulaan ini tadi IPO ini tadi, untuk tujuan supaya merekalah mewakili sahabat-sahabat yang lain supaya meningkatkan pengambilan saham bumiputera untuk meningkatkan tahap pencapaiannya.

Kalau dibuat begitu ini penderhaka kepada dasar. Jadi saya hendak bertanya kepada kerajaan berapa ramai bumiputera yang terpaksa berunding balik dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan, surrender, angkat tangan kerana tidak mampu untuk memegang saham-saham yang diberikan kepada mereka, kerana hutang dengan bank begitu tinggi dan ini mengakibatkan apa saudara saya sebutkan tadi menghakiskan lagi pegangan ekuiti bumiputera kerana adanya orang yang semacam ini. Saya hendak mencadangkan, kalau kita dari segi penilaian tahu benar Dato' ini tidak ada duit hendak membeli saham RM3,000/-, encik ini tidak ada duit untuk membeli saham RM3 juta, jangan kita beri, kerana mereka ini tidak mampu kalau tidak kita membebankan mereka dengan hutang.

Kita beri kepada pemegang-pemegang amanah, saya hendak syorkan di sini Tuan Yang di-Pertua, penerbitan saham permulaan IPO kita beri kepada PNB ataupun kepada pemegang amanah saham negeri yang sekarang ini tidak berapa aktif lagi, entah fasal apa tidak tahu, mungkin mereka tersangkut dengan kegawatan ekonomi dahulu dan masih lagi terkapar-kapar. PNB, jadi PNB pula pada waktu-waktu yang menggalak lepaskanlah kepada bumiputera yang layak. Pegang itu sebagai sementara sahaja, sebagai pemegang sekejap lepas itu lepaskan balik. Kerana waktu itu tidak dapat cari bumiputera-bumiputera yang bersesuaian. Ekonomi teruk misalnya baru-baru ini.

Baru-baru ini ini saya difahamkan ada seorang yang hendak menjual syarikat dia yang memegang bangunan-bangunan yang hebat di Bukit Bintang Tuan Yang di-Pertua. Pergilah berjumpa dengan PNB, pergilah berjumpa dengan syarikat-syarikat yang besar, tidak ada yang hendak membeli, habis ini bumiputera ini, dia pegang saya tidak payah sebutlah bangunan yang hebat-hebat di Jalan Bukit Bintang. Terlepas kepada tangan orang lain, saya ingat YTL yang membelinya pada akhirnya. YTL yang membelinya, bangunan ini kepunyaan bumiputera dahulunya. Kenapa tidak PNB atau Khazanah atau mana-mana badan ambil sekejap, kerana pada masa itu mereka begitu terdesak untuk menjual, terpaksa jual, dia terperangkap dengan sistem kewangan, peminjaman dan sebagainya, terpaksa dijual. Bila dia terpaksa jual harga yang murah. Jadi sudah tidak selamat, sudah jual kepada mereka tidak dapat ambil

balik. Kalau jual kepada PNB dahulu mungkin boleh ambil balik pada waktu-waktu tertentu. Jadi saya hendak syorkan institusi-institusi semacam ini jadilah institusi-institusi penyelamat kepada keadaan. Mungkin sementara waktu sahaja, PNB belilah, ambillah saham-saham IPO, jadi kementerian-kementerian yang berkaitan yang menentukan siapa yang patut dapat penerbitan saham permulaan ini. Kaji balik semula jangan pakai beri sahaja, kepada orang yang tidak ada duit pun diberi juga, maka orang itu sendiri akan tergadai.

Apa gunanya kita menzalimi orang-orang semacam ini dan menzalimi dasar kerana dasar pencapaian ekuiti tidak sampai ke mana, kerana mereka memang terpaksa menjualnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak peranan-peranan menerusi akta semacam ini bukan sahaja hendak menarik pelaburan daripada luar, dari segi ketelusan, dari segi maklumat terkini, dari segi etika-etika, kod-kod dan sebagainya yang menerbitkan maklumat-maklumat mengikut jadual waktu yang sama dan saya pernah sebut di bawah ini Tuan Yang di-Pertua, ada berpuluh-puluh dokumen, laporan tahunan, bukan laporan tahunan 1999, laporan tahunan 1997, 1998 di bawah ini dan saya sebutkan dahulu dalam laporan audit negara ramai, banyak badan-badan yang tidak menghantar laporan-laporan tahunan mereka, 111 kalau mengikut laporan audit.

Mereka terpaksa bertanggungjawab kalau sekiranya kerajaan sendiri, badan-badannya sendiri tidak dapat mengeluarkan laporan dan tidak ada tindakan, saya tidak ada dengar lagi pegawai kerajaan terpaksa membayar denda, bayar charge kerana tidak mengeluarkan laporan, saya tidak dengar. Jadi di sini pun kita kena buat barulah Securities Commission berani membuat apa yang sepatutnya dibuat. Kerajaan saya kira terpaksa mengambil tindakan demi kepentingan dan ketelusan untuk menentukan terutama mereka yang berhutang kepada kerajaan. Kita hendakkan maklumat terkini, tetapi apabila maklumatnya menerusi laporan tahun 1997, 1998 baru dapat hari ini, yang tahun 1999 tahniah kepada Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti, 1999 ini baru bulan lima dia sudah keluarkan. Mengikut jadual tiga bulan selepas penutupan akaun, ini baru betul, ini baru telus.

Jadi kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang tegas kepada mereka pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengeluarkan akaun, mengeluarkan laporan tahunan, tidak keluar charge, dia ada satu pembayaran charge, kena. Tengok hari itu hutang kerajaan negeri, hutang badan-badan berkanun, syarikat-syarikat yang begitu

banyak Tuan Yang di-Pertua. Jika tidak ada maklumat ini datang dengan cepat susah kita hendak mengekori dan mengetahui serta memantau kedudukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah perlunya Rang Undang-undang Suruhanjaya ini atau Akta Suruhanjaya Sekuriti ini dipinda begitu rupa hendak menggalakkan bukan sahaja dari segi modal-modal di dalam bidang swasta ini. Memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada pelabur-pelabur, menjaga mereka, pelabur-pelabur ini, bukan pelabur tempatan sahaja, pelabur-pelabur antarabangsa. Maka barulah kita dapat menarik seperti yang kita sudah tarik RM13 bilion pelabur-pelabur dalam tahun terkini. Jadi saya – RM131 bilion atau berapa kah daripada negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

12.40 tgh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan lambaran Wahyu yang berbunyi [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Allah menghalalkan berjual-beli dan mengharamkan riba." Allah S.W.T. membenarkan kita berurusan berjual-beli dan memberi amaran supaya menghindari pengurusan riba dan penindasan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti, penerangan, penganalisaan dan pengarahannya mengandungi 170 muka surat di mana saya rasa kalau saya baca pun mungkin tak faham dan memang saya cukup tak faham mengenai saham-saham dan bursa saham ini. Tetapi saya ingin juga mengambil bahagian untuk mengingatkan kepada pihak kerajaan supaya berhati-hati dengan telus pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan menawarkan pemilikan saham kepada syarikat komunikasi di luar negara yang dimiliki oleh kerajaan negara tersebut dalam syarikat komunikasi Malaysia dikhuatiri akan menyebabkan negara tersebut juga membawa dasar-dasar negaranya ke dalam negara kita. Kita bimbang situasi ini akan menjuruskan kepada suatu bentuk penjajahan baru. Saya juga ingin mendapat penjelasan apakah penawaran saham kepada syarikat luar negara tersebut dibuat mengikut prosedur yang sewajarnya oleh jawatankuasa berkenaan.

Saya masih belum yakin bahawa urusan niaga pasaran saham yang ada di negara kita pada hari ini bebas dari unsur-unsur spekulasi. Saya juga mengharapkan

urusan niaga di pasaran saham benar-benar telus dan mempunyai kebertanggungjawaban dan yang lebih penting ialah pemilikan 30% saham bumiputera dalam syarikat-syarikat tertentu dapat diagihkan sama rata dan tidak tertumpu kepada individu-individu tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan kemusykilan saya berkenaan dengan penggabungan bank-bank yang kemudiannya akan diikuti dengan penggabungan broker-broker saham dan mungkin juga akan diikuti pula oleh syarikat-syarikat insurans. Apakah rasionalnya yang ingin dijelaskan di sebalik tindakan kerajaan ini. Saya amat bimbang seandainya tindakan ini dilakukan semata-mata untuk menyelamatkan individu-individu ataupun syarikat-syarikat tertentu dengan alasan atas kepentingan awam dan negara, oleh kerana itu apa yang jelas penggabungan ini dalam konteks yang lain boleh juga definisikan sebagai era kolonialisme baru.

Di samping itu juga, tindakan ini memungkinkan pelbagai masalah akan timbul dalam iklim ekonomi negara, termasuklah semakin melebarnya kuasa monopoli sesebuah syarikat. Kehilangan peluang-peluang pekerjaan di kalangan rakyat jelata dan yang lebih parah ialah wujudnya ketidakstabilan ekonomi negara secara keseluruhan.

Saya rasa setakat itu sahajalah yang dapat saya memberi pandangan saya dalam membincangkan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Zainudin.

12.44 tgh.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk turut serta dalam satu perbahasan mengenai akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti. Saya tidak dapat mendengar tadi, saya keluar sekejap tidak dapat mendengar ucapan daripada wakil PAS mengenai langkah-langkah yang boleh menyebabkan suatu neokolonialisme baru. Adakah itu dimaksudkan dengan penyatuan bank-bank dan sebagainya? Kalau saya tidak silap, saya minta maaf, sebelum saya pergi kepada perkara yang sebenarnya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa itu luahan perasaan dan ingin mendapat maklumat daripada pihak kerajaan. Dengan istilah yang saya guna, saya harap biarlah pihak kerajaan yang menjawab. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih banyak. Saya rasa bukan saya hendak menjawab bagi pihak kerajaan. Tetapi saya rasa, saya sebagai orang yang juga mendapat kefahaman daripada pembacaan dari sumber-sumber bahawa langkah-langkah penyatuan bank, penyatuan syarikat dan sebagainya diambil adalah oleh kerana kita tidak mungkin lagi dapat bertahan dalam suatu dunia yang terbuka di mana serangan-serangan yang begitu hebat dilakukan oleh pihak-pihak asing untuk menguasai bank-bank, syarikat-syarikat dan sebagainya.

Jadi, kekuatan ekonomi ini harus ditimbulkan daripada kekuatan dalam negara ini sendiri. Kalau tidak, apa yang akan berlaku di Thailand dan di Filipina akan juga berlaku di negara ini. Itulah satu neokolonialisme baru yang lebih menakutkan, lebih mengerikan yang akan juga menjejaskan keimanan dan keagamaan kita. Ini yang harus dilihat dan kita tidaklah harus menyuarakan apa yang disuarakan oleh syarikat-syarikat asing, oleh media asing menyambung lidah neokolonialisme itu sendiri. Ini paling penting. Itu dari pendapat saya, itu apa yang saya fahamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada akta ini. Saya menganggap bahawa pindaan ini adalah sangat penting dan pihak-pihak yang terlibat telah mengambil masa yang agak lama dan juga telah meneliti semua aspek bagi melahirkan suatu kuasa yang disekutukan, kuasa yang dipusatkan kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi memberikan kuasa yang lebih berkesan untuk tindakan oleh pihak Akta Suruhanjaya Sekuriti ini. Saya percaya bahawa dengan meluaskan kuasa dalam penyeliaan dan juga tindakan yang dahulunya berada di pihak-pihak lain, maka Suruhanjaya Sekuriti ini akan bertindak dengan lebih berkesan lagi.

Fungsi kawal selia yang telah diterangkan oleh pihak Menteri Kewangan tadi yang selama ini terbahagi kepada beberapa badan yang lain telah dipusatkan, dari fahaman saya telah dipusatkan kepada Suruhanjaya Sekuriti walaupun kuasa-kuasa itu dikekalkan juga di pihak lain. Terutama yang telah diterangkan tadi ialah tentang prospektus itu sendiri yang dahulunya di bawah kuasa pendaftar, tuan yang melewati pihak yang mengganggu kerja-kerja Suruhanjaya Sekuriti selama ini dan juga menyebabkan timbul berbagai-bagai masalah dan sebagainya, timbul peluang-peluang untuk lobi kepada syarikat-syarikat orang-orang persendirian yang hendak menerbitkan saham, peluang-peluang ke sana ke sini, maka sekarang semuanya telah dipusatkan kepada pihak Suruhanjaya Sekuriti. Ini tentulah akan memberikan kuasa

muktamad yang lebih berkesan dalam membuat keputusan bagi penerbitan-penerbitan saham yang baru.

Ini juga saya rasa dengan kuasa yang diberi kepada Suruhanjaya Sekuriti kita akan dapat memastikan bahawa semua syarikat orang perseorangan dan sebagainya yang ingin membuat terbitan adalah orang-orang yang mempunyai kredibiliti, mempunyai rekod-rekod yang baik yang boleh dipercayai. Di samping itu, saya rasa perhatian yang telah diberikan oleh Dato' Aziz tadi iaitu kita haruslah menjamin bahawa penerbitan-penerbitan saham kepada bumiputera itu jatuh kepada tangan orang-orang yang tidak akan hanya seperti Ali Baba atau orang yang akan kemudiannya apabila dalam keadaan kelesuan atau menghadapi masalah-masalah dari segi ekonomi akan dengan begitu mudah memindahkan apa yang telah diberikan kepada orang lain dan akhirnya matlamat kerajaan untuk menambahkan atau meningkatkan keupayaan bumiputera dalam ekonomi pasaran tidak tercapai.

Di dalam hal ini, saya menyertai apa yang telah disuarakan oleh Dato' Aziz dan saya harap pemberian kepada individu ini, kepada individu Melayu dalam ekuiti dan sebagainya haruslah dikaji semula, haruslah difikirkan dengan sewajarnya supaya ia berlaku adil dan supaya kemantapan ekonomi itu tidak dicurangkan oleh langkah-langkah orang-orang perseorangan yang tidak memegang amanah dalam soal menjamin ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara.

Pada fahaman saya, pindaan ini juga melindungi pelabur-pelabur yang tidak berpengalaman dan berpengetahuan iaitu kalau sekiranya mereka tertipu daripada umpamanya, insider trading dan sebagainya, maka mereka sendiri dapat dipertahankan oleh Suruhanjaya Sekuriti ini, mereka dapat dibela oleh Suruhanjaya Sekuriti di atas penipuan yang mereka alami. Selama ini kebanyakan orang ramai barangkali tidak dapat memahami tentang ini, yang tidak tahu tentang selok belok saham dan juga tidak ada wang untuk membawa perkara ini ke mahkamah dan ianya terbiar apabila mereka menghadapi kerugian, penipuan dan sebagainya mereka tidak boleh bertindak.

Tetapi dengan adanya kuasa yang diberi oleh Suruhanjaya Sekuriti yang membolehkan Suruhanjaya Sekuriti bertindak tidak sahaja atas criminal law, tetapi juga di atas civil law, kalau saya tidak silap iaitu di atas undang-undang sivil, maka pihak Suruhanjaya boleh bertindak, kalau saya difahamkan, kalau saya salah saya minta dimaafkan, iaitu pihak Suruhanjaya Sekuriti boleh bertindak bagi pihak orang

ramai yang telah tertipu menerusi civil law dan tidak hanya menerusi criminal law, dan bertindak menerusi criminal law ini adalah agak sukar oleh kerana ia akan memerlukan banyak evidence yang kuat, keterangan yang begitu utuh untuk menghadapi seseorang ke mahkamah dan untuk memberi kesan yang besar untuk menghasilkan kejayaan dalam tindakan yang seumpama ini.

Maka ini terbuka kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk bertindak sama ada menerusi civil law dan masih boleh bertindak menerusi criminal law. Dan saya harap dengan adanya kuasa yang diberikan ini, pihak Suruhanjaya Sekuriti tidak lagi takut, mesti mempunyai keberanian, mesti mempunyai keikhlasan, mempunyai kesungguhan untuk bertindak dengan jujur tanpa mempedulikan siapa juga sama ada dia tokoh politik, tokoh masyarakat atau tokoh-tokoh besar syarikat dan sebagainya mesti bertindak tanpa memilih bulu untuk menegakkan keadilan, untuk menjamin pelabur-pelabur supaya tidak terus tertipu.

Hal ini adalah sangat penting sebab kuasa telah diberikan, kejujuran yang hendak dilihat, kuasa telah diberikan tetapi sejauh mana keberanian Suruhanjaya Sekuriti untuk bertindak dengan jujur, untuk bertindak dengan berkesan, ini akan diadili oleh masyarakat. Dan ini saya percaya sekiranya Suruhanjaya Sekuriti terus mempunyai orang-orang yang jujur, orang-orang yang profesional, orang-orang yang tidak mencari keuntungan, orang-orang yang tidak boleh dirasuah, insya-Allah, Suruhanjaya Sekuriti ini akan dapat bertindak dengan berkesan.

Selain dari itu, dari fahaman saya sendiri bahawa sekarang pihak Suruhanjaya Sekuriti juga boleh bertindak yang dahulunya mereka tidak boleh iaitu untuk merampas kalau saya tidak silap, di pindaan seksyen 36 Akta Ibu yang dipinda iaitu 128(1) iaitu membolehkan Suruhanjaya Sekuriti untuk bertindak merampas passport, dikatakan di sini, *“jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan terhadap suatu undang-undang sekuriti, mencari, menyita, mengambil milik dan menahan apa-apa barang artikel, bahan, benda, harta, buku-buku, buku minit, akaun daftar atau dokumen lain termasuk apa-apa dokumen perjalanan”*, maksud saya fahamkan passport atau dokumen peribadi lain yang boleh digunakan sebagai keterangan.

Ini bererti bahawa kuasa ini tidak hanya selama yang diserahkan kepada Imigresen dan juga pihak polis sahaja, tetapi sekarang Suruhanjaya Sekuriti boleh bertindak merampas passport orang-orang yang terlibat, atau the *violation of security*

law yang ada. Jadi, ini adalah sangat penting saya kira bahawa mereka tidak boleh dipengaruhi oleh sesiapa pun dalam untuk mengambil tindakan kepada sesiapa juga yang telah tidak mematuhi peraturan-peraturan ini. Ini saya juga turut bergembira dan mengalu-alukan langkah ini dan ini juga saya kira memerlukan keikhlasan daripada pihak Suruhanjaya Sekuriti ini.

Saya gembira bahawa dalam masa proses pemindaan Akta ini pun, kerajaan telah menunjukkan kesungguhan untuk bertindak terhadap mereka yang menyeleweng, umpamanya kita telah melihat bahawa beberapa orang telah lari daripada negara ini apabila siasatan dijalankan dan kalau saya tidak silap satu kes di Sarawak masih belum selesai dakwaan terhadap seseorang dan dalam hal ini kadang-kadang oleh kerana pihak ini melibatkan peniaga-peniaga yang besar, kadang-kadang keadaan keselamatan para hakim dan sebagainya terancam, mereka menggunakan gengster dan sebagainya untuk mengancam keselamatan apabila tindakan diambil oleh pihak kerajaan, sebab mereka ini golongan besar, mafia dan sebagainya. Jadi, dalam hal ini soal keselamatan para hakim yang bertindak dalam soal sekuriti ini mestilah diberikan perhatian yang besar.

Kita masih ingat bagaimana the bogus deal antara Soh Chee Wen dan seorang lagi yang menipu, yang terlibat dengan Omega case yang saya rasa saya tidak tahu bagaimana boleh terlepas lari, Soh Chee Wen ini dan kerajaan mestilah bertindak dengan kerjasama seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi untuk mencari sehingga orang kata ke lubang cacing sekali pun untuk membawa balik bahawa menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menyekat atau membanteras kerja-kerja penyelewengan dalam permainan saham ini dan tidak menjadikan pasaran saham sebagai suatu tempat untuk perjudian, untuk membolehkan syarikat-syarikat yang hendak bankrap hidup semula, untuk membolehkan mengambil wang orang ramai dengan sewenang-wenang dan kemudiannya menjadi syarikat-syarikat yang kaya raya kemudian hilang dan sebagainya. Hal ini seharusnya apabila Suruhanjaya Sekuriti ini diberikan kuasa yang besar, hendaklah dipastikan bahawa penyelewengan yang seumpama ini tidak lagi berlaku.

Selain dari itu, saya juga bergembira oleh kerana di dalam Akta ini, satu pihak yang boleh mempengaruhi pasaran saham yang paling besar, yang paling berpengaruh, yang paling berkesan iaitu media. Pihak media tidak terlepas bebas daripada tindakan mempengaruhi pasaran saham, tindakan mengelirukan orang ramai

terhadap pasaran saham, tindakan untuk menjadi alat kepada mana-mana syarikat orang perseorangan dan sebagainya yang hendak membuat terbitan saham.

Ini adalah satu langkah yang saya perlu diberikan pujian. Sebab di Barat sendiri, wartawan-wartawan yang dahulunya dikenalkan sebagai '*wahiman*' iaitu yang bekerja hanya untuk rakyat, bekerja hanya untuk menjalankan satu tugas yang suci bagi negara, bagi bangsa, bagi rakyat, bagi orang ramai, itulah misi para wartawan. Misi untuk selamanya membela kepentingan rakyat, mendedahkan keburukan dan sebagainya.

Tetapi apa yang telah berlaku di Barat, wartawan-wartawan telah dikenali sebagai orang-orang yang memakai suit biru dan baju biru yang bertindak sebagai menjadi alat kepada akhbar, kepada televisyen dan kepada media untuk mempengaruhi masyarakat dan sekarang mereka mempengaruhi dunia termasuk kita sendiri apabila pasaran saham di Wall Street jatuh, maka kita pun jatuhlah dan kadang-kadang tidak ada sebab pun kita pun jatuh juga dan malangnya Bernama sendiri sebagai sebuah agensi kerajaan, sebagai sebuah badan berkanun tidak mempunyai pendirian sendiri di dalam soal ini.

Hal ini haruslah dititikberatkan, kenapa kita harus membuat analisa-analisa saham mengikut neraca, pertimbangan fikiran-fikiran yang di luar daripada tanah air kita, berapa kali kita membaca ramalan-ramalan saham yang langsung tidak ada kena mengena, pasaran jatuh kerana New York jatuh, kerana Hong Kong jatuh, tetapi ada kalanya tidak, kadang-kadang betul-betul pembohongan. Tetapi kenapa nada ini dituruti, kalau akhbar itu tidak apa, tetapi dituruti oleh pihak Bernama sendiri.

Kenapa Bernama tidak boleh membuat satu analisa saham yang bebas, ia harus menyediakan wartawan-wartawan yang berwibawa, yang berkeupayaan, yang matang, yang tidak boleh dipengaruhi, yang mempunyai pendirian sendiri, yang mempunyai kecintaan kepada tanah air. Hal ini sangat perlu sebab kita adalah dalam suatu proses untuk mengindoktrinasikan masyarakat kita terhadap keyakinan kepada diri kita sendiri, terhadap keupayaan kita, terhadap kemampuan kita, sebabnya kemandapan negara ini adalah dengan keupayaan kita.

Dalam banyak hal tadi, kita tidak terpengaruh dengan orang mengatakan bank banyak disatukan maka kita pun mestilah kata benda itu tidak betul, saya tidak termasuk dalam golongan itu, saya mendasarkan kepada pembacaan saya, mendasarkan kepada melihat bagaimana agenda-agenda Amerika tersusun,

dibukukan, dicatatkan satu demi satu, kalau hendak diceritakan panjang dalam agenda ini. Mereka mempunyai agenda yang tersusun dan kita tanpa usul periksa, tanpa baca, tanpa siasat, maka kita kata itulah yang betul.

Jadi, hal inilah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ada juga lagi beberapa hal yang akan saya timbulkan secara ringkas lagi, barangkali masa pun sudah

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat menyambung ucapan selepas makan tengah hari.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin, sambung.
2.33 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah bercakap mengenai penyeliaan terhadap media yang di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti dan saya telah menekankan peri pentingnya BERNAMA memperkuatkan economic desk nya untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar dan dalam hal ini mungkin BERNAMA memerlukan peruntukan-peruntukan yang lebih besar bagi memperkuatkan daya saingnya dan kekuatannya dalam menerajui pemberitaan ekonomi di negara ini. Saya kira bahawa BERNAMA seharusnya menjadi satu sumber yang paling reliable, dengan izin, yang paling tinggi kredibilitinya, yang dapat menyaingi keupayaan *The New Straits Times*, *The Star* dan sebagainya dalam memberikan laporan mengenai ekonomi dan ia seharusnya menjadi satu ukuran kepada pelabur-pelabur dari luar untuk mendapatkan laporan tentang keadaan ekonomi di negara ini. Hal ini tentulah memerlukan pembesaran kakitangan dan juga kepakaran, kakitangan yang specialise, dengan izin, dalam bidang ini. Mungkin ini tidak mudah tetapi sekiranya ada keinginan, saya rasa BERNAMA akan dapat meneroka bidang ini dengan lebih berkesan lagi dan saya percaya bahawa pihak kerajaan sendiri haruslah memberikan keutamaan dalam membawa perubahan yang besar kepada BERNAMA bagi menerajui laporan ekonomi yang berkredibiliti tinggi.

Selain daripada itu, di bawah akta ini juga, para wartawan, pengarang-pengarang ekonomi dan juga syarikat-syarikat akhbar atau penerbit-penerbit akhbar atau penerbit-penerbit yang bertanggungjawab dalam melaporkan perkembangan saham akan lebih bertanggungjawab lagi dan saya kira para wartawan dan juga pengarang-pengarang akhbar haruslah menyedari dan haruslah disedarkan bahawa mereka akan menerima akibat yang besar sekiranya mereka membuat laporan-laporan yang palsu atau tidak benar mengenai pasaran saham. Umpamanya di dalam ini ditegaskan, saya harap perkara ini akan ditegaskan lagi oleh Suruhanjaya Sekuriti iaitu 'Sesiapa atau seseorang yang menerbitkan atau menyiarkan sesuatu notis yang melanggar Subseksyen 1, menerbitkan atau menyiarkan satu notis yang melanggar Subseksyen 4 atau 5, menerbitkan suatu prospektus permulaan yang melanggar Subseksyen 6 atau menerbitkan atau menyiarkan suatu laporan yang melanggar Subseksyen 7 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihukum dengan denda yang tidak melebihi RM3 juta atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.'

Hal ini saya kira pihak Suruhanjaya Sekuriti haruslah mengadakan pertemuan dengan para pengarang akhbar, dengan para wartawan ekonomi, dengan editors ekonomi untuk memaklumkan dan memahamkan mereka dengan sepenuhnya tentang undang-undang ini, tentang akta ini. Kalau tidak mereka akan menyalahkan balik bahawa mereka telah tidak difahamkan. Saya rasa ini adalah sangat penting demi untuk kepentingan kedua belah pihak dan supaya tidak timbul soal saling tuduh-menuduh kelak dan saya kira hal ini tentulah dengan mudah dapat dilakukan atas inisiatif Suruhanjaya Sekuriti sendiri. Mungkin seminar bagi wartawan di peringkat rendah ataupun pertemuan dengan para pengarang di peringkat yang tinggi boleh diadakan bagi memahamkan tujuan akta ini.

Saya rasa ini juga untuk memastikan tanggungjawab-tanggungjawab media dalam menjaga kemurnian dalam pemberitaan dan juga kemurnian pasaran saham kita sendiri daripada menjadi medan untuk spekulasi, manipulasi dan juga eksploitasi penyangak-penyangak saham yang juga ada di negara ini dan saya rasa kalau kerajaan selama ini telah begitu lantang, begitu hebat menudingkan jari kepada penyangak-penyangak saham di luar negara, saya kira bahawa kita juga tidak kurang dengan penyangak-penyangak seumpama ini dalam negara ini dan hal ini saya rasa kerajaan juga haruslah memberikan perhatian supaya tindakan-tindakan yang berani diambil

untuk menghapuskan penyangak-penyangak seumpama ini. Hal ini adalah memerlukan morale will daripada pihak-pihak Suruhanjaya Sekuriti sendiri.

Kita pun dalam soal ini, soal apa langkah yang diambil ini, adalah kita harus menghargai bahawa kita mempunyai keupayaan yang besar untuk melahirkan anak-anak Melayu, anak-anak orang Islam yang berkeupayaan untuk menjalankan, untuk berada di dalam pasaran saham dan juga untuk mengendalikan Suruhanjaya Sekuriti yang seumpama ini. Ini perkara yang kita harus sedar, yang kita tidak pernah fikir akan berlaku setelah 40 tahun atau 50 tahun merdeka tetapi dalam hal ini kita telah dapat wujudkan dalam tempoh masa hanya beberapa tahun sahaja. Kita melahirkan profesional-profesional Melayu yang berkebolehan untuk mengendalikan pasaran saham dan juga untuk mengelolakan pasaran saham dan juga mempunyai banyak orang Melayu di dalam pasaran saham sendiri tetapi apa yang lebih, umpamanya, kita melihatlah, saya suka juga untuk menimbulkan keyakinan terhadap diri kita sendiri dan saya suka berkongsi apa yang saya lihat dengan rakan-rakan kita semua. Kalau telah dilihat syukur alhamdulillah, dan kalau masih belum melihat, cuba-cubalah untuk melihat.

Umpamanya, sekarang ini di pasaran saham negara, kita dapat melihat Hicom-DRB dan juga EON di mana berpunca daripada kelahiran Proton Saga itu sendiri yang melahirkan kekuatan, keupayaan syarikat-syarikat yang bertunjangkan kepada apa yang telah dihasilkan oleh anak negeri ini di dalam pasaran saham. Malam tadi, umpamanya, kita dapat melihat sendiri daripada satu siaran langsung di televisyen yang seharusnya menyedarkan kita. Saya masih ingat iaitu apabila Proton ini dilahirkan, ini saya tidak boleh lupakan, sebuah majalah *Australia HP Magazine* yang telah menulis untuk menghakiskan keyakinan kita terhadap keupayaan orang-orang Malaysia melahirkan kereta ini. Ini ada kena-mengena dengan pasaran saham iaitu mereka mengatakan tidak mungkin mendapat pasaran, teknologinya rendah dan sebagainya dan orang Melayu, orang Sakai, bagaimana boleh membuat kereta?

Hal ini ditulis oleh *HP Magazine* daripada Australia dan malangnya, suatu kempen untuk merendahkan taraf keupayaan kita telah dikongsi bersama oleh seorang profesor yang bernama Jomo. Profesor Jomo telah membuat kenyataan, semua orang kalau masih ingat inilah orang-orang yang tidak pernah melihat keyakinan, yang tidak mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri. Tetapi apa jadinya, apabila kita telah berjaya menimbulkan keyakinan. Kenapa orang-orang Inggeris menulis bahawa kita

tidak boleh, oleh kerana pengeluaran kereta di Australia, 'Holden' telah gagal dan apabila orang Putih gagal, maka tidak semestinya orang Malaysia berjaya, itulah konsep pemikiran orang-orang Barat terhadap kita yang terus menerus berlaku.

Jadi, hal ini apabila malam tadi kita melihat anak-anak muda Melayu, anak-anak orang Islam yang bercakap secara menunjukkan keupayaan mereka sebagai Jurutera, sebagai Juruteknik, sebagai pengeluar kereta nasional itu yang 100% dari anak negeri di sini, suatu proses yang begitu panjang. Kita melihat dengan keyakinan yang penuh bagaimana ini dilahirkan? Ini sesungguhnya kalau saya bercakap tentang Melayu tetapi sebenarnya, pembahagian kekayaan berlaku apabila Proton dikeluarkan, pasarannya kita berkongsi dengan orang lain walaupun dikatakan kebanyakannya diberi kepada orang Melayu, umpamanya tetapi realitinya ialah pasaran itu kita berkongsi dengan orang lain.

Jadi, hal inilah harus saya kira dalam melihat Suruhanjaya Sekuriti ini, kita melihat semuanya, kita melihat keupayaan bangsa kita untuk meyakinkan, untuk mengendalikan suatu pasaran saham yang sedang bertumbuh dan berkembang dengan cepat, pesat dan kita perlu meyakinkan terutamanya apabila kita hendak disenaraikan kembali ke dalam pasaran dunia dengan kedatangan Morgan Stanley dan sebagainya.

Jadi, hal inilah yang saya rasa bahawa apa yang telah dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti pada akhirnya akan memantapkan lagi keyakinan dunia dan juga keyakinan para pelabur terhadap keupayaan prestasi Suruhanjaya Sekuriti ini sendiri. Kita haruslah sentiasa melihat di mana kelemahan-kelemahan yang akan kita hadapi lagi dan mungkin kalau perlu, beberapa pindaan mungkin, saya tidak tahu entah berapa tahun lagi masalahnya tidak akan sama, masalah perkembangan IT dan sebagainya mungkin juga akan menyebabkan masalah-masalah yang baru akan dihadapi dalam penyelewengan BSKL, penyelewengan yang mungkin berlaku dan boleh dilakukan oleh mereka yang cuba untuk menerbitkan saham atau untuk menjadi pelabur-pelabur sebab cabaran ini akan berlaku dan tidak tahu. Kita hanya mesti sentiasa sensitif, sentiasa peka kepada apa juga yang berlaku di luar. Umpamanya, saya beri contoh kalau kita tidak jujur, kalau Perdana Menteri tidak jujur dalam soal BSKL ini, dalam soal pasaran saham, pada suatu ketika, saham-saham IT telah melonjak dengan begitu cepat, naik dan sebagainya, tetapi sebelum dunia Barat sendiri, sebelum berlaku kejatuhan di Amerika, Mahathir tanpa memikirkan kepentingan pelabur-pelabur di Malaysia telah mengingatkan bahawa saham IT ini

akan juga bubble. Kalau dia memikirkan soal kawan-kawannya, memikirkan soal orang-orang Malaysia yang telah terlibat dengan IT, apa haruskah dia membuat statement yang begitu. Tetapi soalnya ialah soal kepentingan negara, soal kemandapan, soal masa depan negara itu yang lebih penting.

Jadi, hal-hal inilah tanggungjawab yang selama ini harus ada di pihak Suruhanjaya Sekuriti sendiri dan di pihak yang bertanggungjawab bahawa kepentingan negara adalah lebih penting daripada kepentingan kawan, lebih penting daripada kepentingan diri dan syarikat dan hal ini haruslah juga saya rasa menjadi satu kebudayaan yang menyeluruh di negara ini.

Sebelum itu, saya juga menyentuh sedikit tentang mengenai penglibatan badan-badan berkanun kerajaan dalam pelaburan. Mungkin ada akta-akta yang membenarkan badan-badan kerajaan seperti umpamanya, Malaysian Examination Council (MEC) untuk terlibat dalam permainan saham, dalam pelaburan saham di negara ini. Baru-baru ini MEC telah didedahkan sebagai terlibat dan menghadapi kerugian di atas kertaslah, belum tentu lagi kerugian itu sebenarnya. Mungkin kalau sudah berlaku pemulihan ekonomi, mungkin apa yang dikatakan rugi di atas kertas mungkin akan menjadikan keuntungan. Tetapi dalam soal ini saya rasa kerajaan haruslah atau pihak Suruhanjaya Sekuriti sendiri haruslah menasihatkan pihak kerajaan, apakah badan-badan kerajaan yang seharusnya terlibat dalam pemasaran saham.

Tidaklah, kalau umpamanya macam tiba-tiba Malaysian Examination Council terlibat dalam pasaran saham agak pelik, agak sesuatu yang kalau macam MARA itu mungkin dibolehkan, boleh diizinkan. Tetapi macam MEC ini atau macam KWSP terlibat, itu perkara yang wajar saya kira, tetapi kalau macam badan-badan pemeriksaan yang ada kena mengena dengan pe lajar dan sebagainya terlibat dalam satu pasaran saham. Dahulu satu zakat juga terlibat di Wilayah, jadi apa pun saya ingat perlulah suruhanjaya ini menasihatkan kerajaan dalam perkara ini apa badan, apa badan berkanun kerajaan yang boleh terlibat dalam pemasaran saham. Dalam pada itu pemasaran saham itu mestilah berasaskan untuk penanaman modal jangka panjang, bukan untuk spekulasi. Hal ini saya rasa amat penting sebab apa juga yang dibelanjakan oleh badan-badan berkanun kerajaan adalah merupakan wang rakyat dan rakyat amat sensitif dan terasa secara langsung. Jadi, hal ini saya kira amatlah penting diberikan perhatian.

Pada akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam membuat pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti ini terutamanya kepada Dato' Dr. Munir Majid yang telah pun berhenti, yang saya kira tentulah beliau banyak terlibat dalam melihat, dalam proses menjalankan Suruhanjaya Sekuriti ini. Beliau tentunya telah melihat kelemahan-kelemahan, masalah-masalah yang berlaku, cara-cara yang unprofessional yang berlaku dalam Suruhanjaya Sekuriti ini yang memerlukan suatu pindaan yang akan memantapkan dan memberi kuasa yang lebih besar, yang akan mengelakkan dari campur tangan politik dan sebagainya.

Saya harap juga kepada Suruhanjaya Sekuriti yang baru ini, walaupun lama telah dilantik iaitu Encik Ali, anak kepada seorang ahli politik yang terkemuka dahulu, ketua kaum ibu UMNO Malaysia Tan Sri Fatimah Hashim dan juga bapanya seorang ahli politik Tan Sri Kadir yang pernah menjadi Peguam Negara. Saya harap Encik Ali juga tentunya telah memperlihatkan keupayaan dan telah menimbulkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaannya setelah menggantikan Dato' Dr. Munir Majid dan kepada mereka yang di Suruhanjaya Sekuriti saya harap bahawa kita haruslah mengingatkan sepanjang masa bahawa tanggungjawab kita kepada bangsa, kepada negara dan masa depan negara ini adalah sangat besar daripada kepentingan-kepentingan diri.

Dengan itu saya menamatkan perbahasan saya dan saya sekali lagi menyatakan sokongan yang penuh kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti demi untuk kepentingan masa depan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

2.38 ptg.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara sebelum ini telah membentangkan pandangan-pandangan mereka, saya turut berserta bersama mereka menyokong pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 untuk diluluskan dan seterusnya dilaksanakan dalam negara ini.

Saya kira pindaan ini telah sampai dan tepat masanya dilakukan oleh kerajaan memandangkan beberapa spekulasi syer yang mana dengan tidak secara langsungnya telah merugikan kalangan rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah,

kalangan kakitangan awam, swasta yang pencen, yang menyimpan sedikit-sebanyak dalam bank-bank simpanan mereka, mengeluarkan wang tersebut, dilaburkan dalam saham-saham dan akhirnya saham telah jatuh, mereka telah juga rugi dan pekerja tersebut menjadi bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju sama sekali pindaan-pindaan ini dibuat dengan beberapa kuasa yang telah diberi kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi mengetatkan lagi perjalanan, penjualan, penerbitan saham dan prospektus yang hendak dikeluarkan oleh syarikat-syarikat gergasi, syarikat-syarikat yang besar dalam negara ini untuk melabur serta menjual saham-saham mereka, menarik minat pembeli-pembeli terutama sekali dalam kalangan rakyat yang berpendapatan rendah dan juga orang-orang yang mempunyai simpanan yang kecil untuk melabur dan dengan pelaburan ini, mereka berharap ianya membawa keuntungan dan seterusnya akan dapat meneruskan kehidupan mereka setelah mereka bersara. Tetapi malangnya, keadaan sedemikian telah berlaku, banyak kalangan dari kita telah merasakan bahawa kita telah ditipu, dengan izin, saya gunakan perkataan ini kerana saya selalu mendengar rintihan suara-suara demikian, kalangan mereka ini bersungut di khalayak ramai dan menyatakan kenapa kerajaan tidak ambil tindakan. Dan, akhirnya kita telah dapat melihat Securities Commission telah mengeluarkan pindaan-pindaan yang telah dibentangkan dalam Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, globalisasi, *liberalisation*, kita tidak dapat menahannya dari berlaku dalam negara kita. Saya percaya globalisasi dan *liberalisation* ini harus ini sama-sama kita tangani. Ianya membawa bukan sahaja akibat kepada negara-negara membangun tetapi juga negara-negara yang telah maju. Dari pengalaman saya, dalam perbincangan saya di peringkat antarabangsa dengan WTO, dengan IMF, di peringkat International Labour Organization (ILO), dengan izin, kita mendapati bahawa globalisasi, *liberalisation* akan wujud di mana-mana. Ia tidak akan dapat ditahan.

Malam tadi kita telah mendengar Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan waktu pelancaran kereta Proton Waja, beliau juga telah menje laskan bahawa globalisasi tidak akan dapat ditahan, ia akan berlaku. Dan, kita harus mengetengahkan bagaimana caranya *competitiveness* atau persaingan ini dapat kita tentang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan sedemikian sudah barang tentu negara kita akan menghadapi masalah yang sama. Kita tahu, NAFTA akan diwujudkan pada tahun 2000. Ini adalah merupakan persetujuan yang telah dicapai. Dan, dari itu kerajaan telah bersedia mewujudkan sebelum IMF, sebelum WTO menggesa negara kita mencantum kan perindustrian negara ini sepertimana berlaku dalam perbankan, di mana sepuluh bank telah diwujudkan percantuman dari beberapa buah bank. Saya yakin bukan sahaja percantuman bank akan berlaku di negara kita tetapi percantuman syarikat-syarikat lain sama ada surat khabar atau syarikat-syarikat yang lain, kita tidak tahu. Ini besar kemungkinan akan berlaku dalam dunia globalisasi, dunia tanpa sempadan, dalam dunia penuh dengan *competitiveness*, dengan penuh cabaran dan kita percaya bahawa keadaan sedemikian akan wujud.

Dalam, masa yang sama saya juga sebagai wakil pekerja juga ingin mengingatkan bila mana wujudnya percantuman berlaku yang kita tidak dapat elakkan, saya yakin akan membawa satu kebaikan kepada perkembangan ekonomi negara hasil daripada percantuman ini. Saya ingin mendesak kepada kerajaan, bilamana wujudnya percantuman syarikat gergasi yang besar-besar, sama ada bank perdagangan atau apa juga syarikat, saya ingin untuk mendapatkan kepastian daripada kerajaan terutama sekali Securities Commission supaya memberitahu syarikat-syarikat berkenaan, tidak ada penamatan perkhidmatan, tidak ada pembuangan kerja berlaku, pekerja tidak hilang pekerjaan dan pendapatan mereka bila keadaan ini wujud.

Saya percaya, saya telah melihat sepertimana berlaku di negara Jepun bahawa pengurangan tenaga pekerja begitu minimum bilamana syarikat gergasi besar ini dilakukan percantuman. Jadi, kerajaan hendaklah mengambil tindakan. Dalam perkara ini, saya tahu saya telah menemui Gabenor Bank Negara dengan arahan Tun Daim Zainudin membawa perwakilan daripada kesatuan sekerja dalam bank-bank negara ini - telah menemui Gabenor Bank Negara – telah menjelaskan perkara ini dan meminta jaminan supaya tidak ada penamatan berlaku di antara kakitangan bank di mana bila percantuman ini wujud dalam negara ini. Jika sekiranya, syarikat tersebut terpaksa – saya gunakan perkataan ini – terpaksa mengurangkan tenaga kerja, maka hendaklah syarikat itu mengadakan perundingan dengan kesatuan-kesatuan berkenaan, mencari jalan cara mana pengurangan ini boleh diminimumkan.

Saya takut, terutama sekali mereka yang terlibat, kalangan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Saya juga ingin mengingatkan bahawa pekerja-pekerja kolar putih, yang mempunyai pengalaman dalam perdagangan, menggunakan komputer, gunakan IT, harus tenaga mereka dikekalkan oleh pihak syarikat, bagi memperkukuhkan lagi perjalanan syarikat tersebut. Keadaan sedemikian, saya takut syarikat-syarikat ini akan mengambil kesempatan. Walaupun ada jaminan daripada Gabenor Bank Negara menyatakan, bahawa tidak ada penamatan berlaku. Tetapi saya kurang yakin, kerana kalaulah kita tengok dalam satu jalan itu, ada lima, enam bank beroperasi. Dan, bila percantuman ini telah dilaksanakan dengan sepenuhnya, saya kira tidak semua bank yang dicantumkan beroperasi dalam satu jalan yang sama. Besar kemungkinan *branch* atau cawangan ini akan ditutup, jumlah pekerja akan dikurangkan. Saya takut keadaan ini berlaku.

Saya minta kerajaan memastikan pihak mereka yang menjalankan perindustrian bank supaya tidak melakukan perkara yang sedemikian. Jika sekiranya berlaku keadaan yang sedemikian, kita tahu dalam kakitangan bank hari ini hampir-hampir dekat 30,000 tenaga pekerja, yang bekerja dalam bank. Sekiranya keadaan ini dikurangkan, sudah barang tentu jumlahnya tidak kurang daripada 10,000 akan diberhentikan. Jika berlaku percantuman sedemikian, pelaksanaan sepenuhnya iaitu merger, bilamana disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin mengingatkan Securities Commission supaya mengenakan syarat, bila ada percantuman wujud di antara syarikat-syarikat perdagangan atau syarikat-syarikat yang ingin mewujudkan satu percantuman demi untuk membesarkan syarikat, memperkukuhkan syarikat dari segi kewangan supaya mereka ini mengekalkan tenaga pekerja supaya tidak ada tindakan penamatan-penamatan dilakukan terhadap pekerja yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya juga ingin menyatakan bahawa bilamana agensi-agensi kerajaan yang telah diswastakan dan akan diswastakan, agensi tersebut hendaklah menjual saham-saham mereka kepada pekerja. Saya tahu seperti TNB, Telekom telah menjualkan saham-saham mereka. Tetapi dalam masalah syarikat Telekom di mana suatu ketika dulu, syarikat Telekom telah menjanjikan satu pemberian saham kepada golongan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah itu, *supporting group*. Tetapi malangnya bilamana pembahagian saham ini diberi, syarikat Telekom ini tidak memenuhi janji-janji

tersebut dan akhirnya pekerja telah menyuarakan rasa tidak puas hati dan kita semua dengar pada suatu ketika dahulu, pekerja-pekerja Telekom hampir untuk mengambil tindakan mogok iaitu *strike*, membantah terhadap keputusan yang telah dibuat oleh syarikat yang berkenaan.

Dalam masa yang sama, kita juga ingin mendesak mana-mana syarikat dalam negeri ini terutama sekali syarikat gergasi yang besar. Bila melabur modal mereka dan membesarkan syarikat mereka, mereka hendaklah menjual saham-saham mereka kepada pekerja-pekerja melalui option dan sebagainya dan pembelian melalui pinjaman bank dengan interest, kalau saya diizinkan, memohon supaya interest ini dikurangkan tidak sepertimana pinjaman-pinjaman biasa yang telah dilakukan. Saya kira Kementerian Kewangan boleh menasihatkan bank, boleh menasihatkan Securities Commission berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, bila mana saya bercerita soal penjualan saham kepada pekerja-pekerjanya dan sepertimana berlaku beberapa syarikat, saya ingin untuk membawa satu perhatian kepada Dewan ini khasnya kepada Securities Commission dan juga Kementerian Kewangan iaitu satu skim yang begitu popular yang dinamakan Employee Share Option Scheme (ESOS). Tuan Yang di-Pertua, sebuah syarikat kalau diminta saya boleh menamakan syarikat tersebut, sebuah syarikat telah melaksanakan ESOS ini kepada pekerja-pekerjanya dan pekerja yang terlibat diberikan *option*.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, seorang pekerja mengambil keputusan untuk membeli 10 lot dengan penetapan harga RM5 satu lot. Pekerja tersebut akan dicadangkan supaya meminjam dengan bank dan bank yang ditetapkan oleh syarikat dan pekerja tersebut akan pergi ke bank yang berkenaan, membuat perjanjian dan dalam proses perjanjian ini sedang berjalan, maka saham syarikat ini akan naik. Daripada RM5 jadi RM8 satu *share*. Sebagai seorang pekerja, Tuan Yang di-Pertua, biasanya apabila kita tengok harga saham naik, mereka cepat-cepat hendak jual dan bila mana mereka membuat penjualan beli *share* ini dan syarikat ini, orang yang mempunyai saham yang besar dengan serta-merta mengambil keputusan “dam” atau dijual *share* mereka dalam pasaran.

Apabila penjualan ini dibuat dan tidak ada pembeli, dengan serta-merta harga saham jatuh menurun. Apabila jatuh menurun, pekerja telah pun *sign option* untuk penjualan. Apabila berlaku *option* penjualan, Tuan Yang di-Pertua, saham telah

jatuh. Kalau dia pinjam dengan bank RM5, saham jatuh kurang RM5, katakanlah RM4, jadi terpaksa pekerja menanggung kerugian.

Ada sebuah syarikat, Tuan Yang di-Pertua, pekerja terpaksa membayar hutang pinjaman bank kepada bank. Sehingga hari ini tidak selesai. Ada yang RM30,000, ada yang RM40,000 meminjam daripada bank yang berkenaan.

Kalau Timbalan Menteri Kewangan ingin tahu apakah nama syarikat tersebut, saya boleh beritahu. Itu sebab sebelum pukul 1.00 saya tergesa-gesa balik ke pejabat dan menelefon rakan-rakan saya mengambil keputusan dan *detail* yang sebenar apa yang telah berlaku oleh kerana kompelin ini datang kepada saya dan mereka menyatakan cara mana mereka untuk menyelesaikan perkara ini dan mereka telah...

Tuan Marimuthu a/l Nadeson: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan ya?

Tuan Marimuthu a/l Nadeson: Ya, Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Apakah nama syarikat itu? Sila beri penjelasan.

Tuan Zainal bin Rampak: Oleh kerana Yang Berhormat Marimuthu bertanya, saya terpaksa beri nama syarikat tersebut. Saya ingat Timbalan Menteri hendak tanya saya tetapi Timbalan Menteri mendiam diri. Besar kemungkinan, dalam ucapan beliau balas menjawab soalan saya. Syarikat yang saya maksud ini ialah Malaysian Helicopter Services Sdn. Bhd. Sebuah syarikat yang kita anggap besar, beroperasi dalam negara kita. Hasil daripada penjualan ini, Tuan Yang di-Pertua, penerbitan saham syarikat tersebut mendapat keuntungan hampir RM17 milion dan setengah daripada pekerja terpaksa membayar balik hutang dengan Bank Islam sehingga ada di antaranya RM30,000, RM40,000 sepertimana yang telah dipinjam.

Ini adalah salah satu daripadanya. Kalau boleh, diselidiki. Saya berharap dengan adanya undang-undang yang baru ini, yang akan kita luluskan kelak, saya memohon Securities Commission *go through thoroughly check* tiap-tiap sebuah syarikat yang menjual *option* saham mereka kepada pekerja-pekerja mereka dan bagaimana mereka menjalankan perusahaan dan adakah pekerja *gain* mendapat keuntungan atau terpaksa menanggung beban membayar balik kepada bank-bank yang berkenaan. Kebanyakan pekerja, Tuan Yang di-Pertua, bila mana mereka ini diberikan *option* membeli saham, jadi mereka fikir mereka boleh dapat sedikit untung. Bukan hendak jadi kaya. Boleh mendapat sedikit untung hasil daripada pembelian saham ini, kemudian mereka menjual apabila saham ini naik tetapi malangnya bukan

mereka mendapat untung malahan mereka rugi dan setengahnya menjadi papa kedana menanggung hutang.

Kalau RM30,000 atau RM40,000 hutang dengan bank, Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa bayar. Besar kemungkinan hampir 20 tahun ataupun seumur hayat pekerja tersebut bekerja. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Securities Commission mengkaji perkara ini dan dalam masa yang sama, saya memohon supaya juga Securities Commission memeriksa ataupun menengguhkan ataupun membatalkan apa juga ESOS atau Employees Share Option Scheme ini hendak dilaksanakan dan periksa terlebih dahulu, teliti terlebih dahulu dan buat penyiasatan supaya apa yang telah berlaku dalam syarikat Malaysian Helicopter Services Sdn. Bhd. tidak berlaku di syarikat-syarikat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kandungan-kandungan ini sepintas lalu, walaupun saya bukan seorang ahli *business* tetapi saya amat merasa sukacitalah, Tuan Yang di-Pertua, kerana ternyata dalam perenggan-perenggan yang telah dicadangkan mempunyai elemen-elemen perlindungan terutama sekali pemegang saham, penerbitan saham dan sebagainya.

Saya juga suka mencadangkan supaya Securities Commission ini, Tuan Yang di-Pertua, sama ada dalam proses perbicaraan dan sebagainya, sama ada kalau saya tidak keterlaluan mencadangkan supaya Securities Commission sendiri menubuhkan mahkamah sendiri, *set up their own court* untuk mengendalikan kes-kes ini.

Saya yakin keadaan apa yang berlaku yang tidak betul dan menyalahi undang-undang berlaku, banyak perkara yang berlaku dan kalau sekiranya diletakkan di mahkamah biasa sahaja, *criminal court*, saya kira memakan masa yang begitu lama. Proses perbicaraan ini akan dapat menolong meyakinkan pelabur asing, meyakinkan pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih cepat dan meyakinkan rakyat keadaan situasi iaitu wujudnya *transparency and accountability*, dengan izin, dalam negara kita sendiri. Jadi, dengan keadaan sedemikian, saya yakin orang-orang luar tidak akan mengkritik kita.

Kritik, Tuan Yang di-Pertua, memang biasa. Kalau kita terlalu sangat kongkongkan kita punya keadaan, mereka akan tercari-cari. They said, "there must be something", dengan izin, mengapa kita selalu sangat mengongkong. Tetapi saya amat merasa sukacita kerana kerajaan negara kita ini terbuka dan kita kadangkala kita tidak mengambil endah sangat. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kritik-kritik

ini bermakna kalau orang buat kritik dengan negara kita, bermakna negara kita ini begitu popular, begitu disegani, begitu ditakuti. Kalau dia tidak kritik, bermakna dia tidak hairankan negara kita.

Hari ini daripada apa yang saya dapat lihat, negara kita begitu matang, begitu maju, begitu lantang. Saya berasa bangga, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kritik-kritik dilemparkan oleh surat khabar dan sebagainya, pada saya ini sudah menjadi perkara biasa, lumrah alam. Pada saya, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat selalu menyatakan "*let them to criticize us, who cares?*", apa yang harus kita buat, kita lakukan dalam negara kita. Kita buat, kita lakukan.

Kita tunjuk sepertimana pengawalan kewangan. Banyak orang mencela Perdana Menteri. Katanya, apa yang dilakukan oleh Dato Seri Dr. Mahathir tidak betul dan IMF sendiri telah mengkritik kita daripada pangkal sampai ke hujung.

Sampai hari ini IMF mengakui bahawa dasar yang telah dilaksanakan oleh kita adalah satu dasar yang baik dan sepatutnya dicontohi oleh negara-negara lain. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua Managing Director IMF sendiri meletakkan jawatan, dia tidak mampu lagi menghadapi tekanan dan kritik-kritik mereka tidak boleh dipakai dan tidak boleh digunakan oleh mana-mana negara, sebaliknya banyak negara-negara luar telah berpaling tadah menghadapi dan melihat apakah action control, dengan izin, yang dilakukan oleh negara kita ini dapat memberikan pertolongan mengembalikan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara lebih kukuh.

Kita tengok seperti di Korea, apa yang berlaku di Korea? Sehingga hari ini tak habis-habis soal percantuman, merger, dengan izin, berlaku di Korea dan wujudnya satu pertikaian perusahaan yang tidak dapat diselesaikan dan banyak syarikat gergasi yang telah jatuh dan jatuh muflis, tidak dapat hidup. Tetapi negara kita syukur alhamdulillah, kita telah dapat mengatasi ini semua dengan adanya dasar-dasar kita yang tertentu, dasar-dasar kita sendiri yang wujud, kita sendiri buat polisi apa yang patut kita lakukan, kita lakukan tanpa gentar dan takut. Kenapa kita takut orang luar. Kenapa kita takut press line. Kenapa kita takut orang surat khabar, dunia mengkritik kita. Biar dia kritik, lagi banyak dia kritik, kita lebih baik negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Pada saya, sikap sebagai pemimpin saya tahu ini semua. Mereka ini kadangkala orang-orang surat khabar semasa memang dia cari sensation news, orang cakap,

biasa nak buat sensation news. Tetapi ini membolehkan kita lebih - kalau dulu orang tak tahu di mana Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, orang tahu di mana Singapura. Kalau kita pergi ke Amerika pendalaman, Europe pendalaman, kalau saya memperkenalkan saya datang dari Malaysia, dia cakap, where is the Malaysia. Saya terpaksa menerangkan iaitu Peninsular, Thailand, Bangkok and Singapore, ha, that is the place.

Tapi hari ini banyak orang tahu di mana Malaysia oleh kerana kritik ini. Ini tak payah kita bayar, we not even paid a single cent, dengan izin. Publisiti telah diwujudkan oleh orang-orang ini yang mengkritik kita dan akhirnya satu hari kelak, Tuan Yang di-Pertua, dengan keteguhan kita, dengan penyatuan kita, dengan perpaduan kita, dengan kejanggalan kita bertindak, kita akan dapat membangkitkan negara kita, mengukuhkan ekonomi negara kita, mencemerlangkan nama kita, akhirnya mereka sendiri akan makan diri, ini pandangan saya. Tak usah hiraukan sangat kritik-kritik luar ini, biar dia buat kritik. Kritik itu semata-mata nak melariskan surat khabar mereka, biar orang baca, itu sahaja. Dia lebih bermotif kepada commercialize rather than few ly, dengan izin, untuk menekan negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dengan kata-kata ini saya dengan penuh ikhlas menyokong pindaan ini untuk diluluskan dan dilaksanakan oleh Securities Commission apa juga yang ternyata dalam pindaan ini tanpa gentar dan takut, tanpa kira bulu sama ada orang itu besar, powerful dari segi politik, dari segi kewangan, kalau kira mereka menyalahgunakan kuasa mereka, bertentangan dengan kehendak perbekalan yang ada dalam Securities Commission ini, tindakan hendaklah diambil terhadap mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

3.14 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tan Sri Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kerana saya diberikan peluang untuk turut serta membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti bagi tahun 1993. Saya ingin melihat beberapa perkara yang telah dibuat dalam pindaan-pindaan yang telah dikemukakan kepada Dewan Rakyat. Kemudian dibentangkan ke dalam Dewan Negara yang mulia ini untuk diluluskan dan seterusnya dikuatkuasakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya ingin menarik perhatian tentang penggubalan sesuatu undang-undang dan juga pindaan ke atas sesuatu undang-undang yang dibuat oleh mana-mana jua pihak di dalam mana-mana jua negara di dunia ini. Cuma perhatian saya, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada pandangan Islam terhadap penggubalan sesuatu undang-undang yang dimaksudkan dalam al-makasiddul Syariah. Walaupun secara nasnya saya tidak terdapat di dalam pindaan-pindaan yang dibuat ke atas akta pindaan ataupun akta meminda Suruhanjaya Sekuriti ini, tetapi saya berpandangan bahawa kemungkinan dari segi roh dan semangatnya terdapat juga sedikit-sebanyak yang boleh kita masukkan ke dalam apa yang dipanggilkan al-makasiddul Syariah itu ataupun matlamat sesuatu perundangan digubal.

Dari segi Islam, pertama sekali ianya untuk memelihara ataupun menjaga agama. Yang keduanya ialah untuk memelihara nyawa. Yang ketiganya ialah untuk memelihara ataupun untuk menjaga akal. Yang keempat, untuk memelihara keturunan, yang kelimanya ialah untuk memelihara ataupun untuk menjaga maruah. Saya ingat Datuk Zainal Rampak telah banyak bercakap tentang persoalan yang berkaitan dengan maruah negara. Sekalipun saya mengatakan tidak dinaskan dalam pindaan ini perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, tetapi dalam urusanniaga saham dan juga kita lihat oleh kerana urusanniaga saham ini kadang-kadang boleh melibatkan seseorang yang menyertai perniagaan ini sama ada mereka itu dari kalangan orang yang berada ataupun orang yang tidak berada, tetapi apabila mereka melibatkan diri dalam urusanniaga saham ini kemungkinan mereka juga kadang-kadang terkeliru dengan prospektus yang dikemukakan oleh pihak-pihak ataupun syarikat-syarikat yang ingin melihat supaya pelaburan mereka itu pelaburan saham mereka akan disertai oleh orang ramai dan kadang-kadang secara mendadak mereka telah dapat menarik ramai pelabur dalam syarikat-syarikat mereka.

Ini ialah kerana kadang-kadang mereka mengeluarkan prospektus yang boleh mempesonakan orang-orang yang mahu melaburkan wang mereka dalam syarikat-syarikat urusanniaga saham. Kita juga pernah mendengar apabila saham-saham yang diniagakan jatuh meredum, kadang-kadang inilah yang saya katakan tadi memelihara nyawa. Kadang-kadang orang boleh menggantung diri kerana mereka telah menerima kerugian yang begitu besar dan secara mengejut, maka dengan sebab itu ada di antara mereka yang membunuh diri ataupun menggantung diri ataupun melakukan sesuatu yang boleh melibatkan kehilangan nyawa mereka sendiri. Itu yang pertama. Saya

rasa kalau ini diambil kira maka tepatlah apa yang saya katakan tadi bahawa memelihara nyawa adalah salah satu daripada perkara yang sangat diambil berat dalam matlamat perundangan Islam.

Yang keduanya, memelihara akal. Saya difahamkan ada juga orang yang gila kerana saham mereka jatuh kemudian jatuh gila kerana saham. Saham turun, dia pun jadi gila, tak gila pun merenglah, mereng itu setengah daripada gilalah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kita melihat kadang-kadang melibatkan kepada keturunan walaupun main saham itu satu perkara - saya maksudkan di situ boleh jadi juga kacau-bilau dalam rumahtangga yang melibatkan kacau-bilau akhirnya sampai kepada keturunan mereka. Jadi, dengan sebab itulah saya mengalu-alukan sebenarnya pindaan yang dibuat kerana dalam pindaan ini ada deraan-deraan ataupun hukuman-hukuman yang tertentu kepada pihak-pihak yang terlibat ataupun pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam urusan ini.

Saya juga mengharapkan supaya Suruhanjaya Sekuriti ini melakukan kawalan yang ketat terhadap syarikat-syarikat yang kadang-kadang kita dapati melalui prospektus yang mereka keluarkan boleh mempesona peserta-peserta ataupun pelabur-pelabur yang menyebabkan kerana ketidakfahaman mereka, mereka menanggung beban rugi. Sebab itu saya mengharapkan supaya Suruhanjaya Sekuriti ini berperanan memberikan sedikit sebanyak kefahaman kepada rakyat negara ini dalam menghadapi perkembangan ekonomi yang begitu pesat di negara kita ini. Dengan yang demikian, akan berkuranganlah orang yang terpesona dan tertipu dengan saham-saham sama ada yang baru diterbitkan ataupun saham-saham yang sudah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya perhatikan, saya tidak tahu di mana silapnya, kadang-kadang saham-saham yang ada di negara kita ini terikut-ikut turun-naiknya, misalnya Bursa Saham di Amerika, Nasdaq. Walaupun di Malaysia sekarang ini saya difahamkan sudah ada juga satu syarikat namanya seakan-akan, MESDAQ. Saya melihat ini kadang-kadang melalui Internet, misalnya Bursa Saham Toronto terlalu banyak bergantung dengan turun-naiknya saham di Nasdaq.

Jadi, dengan sebab itulah kita mengharapkan juga kepada Suruhanjaya Sekuriti ini supaya membuat kajian yang teliti. Dengan yang demikian, semua syarikat yang ada di negara kita ini yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur tidak terikut-ikut dengan kejatuhan. Kalau Nasdaq jatuh, maknanya di sini juga jatuh

harga saham. Jadi, saya tidak tahu di mana sebab-sebab ataupun kenapa, maka boleh berlaku demikian.

Pada kebiasaannya saya menyaksikan juga melalui Internet apabila Bursa Saham di NASDAQ ini jatuh, maka terikut-ikutlah Bursa Saham di Tokyo, Singapura dan di tempat-tempat lain juga. Jadi, apakah ini merupakan suatu penguasaan yang tidak boleh dikawal oleh negara masing-masing dan kita mengharapkan dengan penggabungan tadi, penggabungan bank-bank dan juga akan datang penggabungan syarikat insurans dan mudah-mudahan juga penggabungan syarikat-syarikat Takaful Islam yang sudah ada digabungkan. Cuma kita mahu supaya penggabungan-penggabungan yang dilakukan ini, misalnya penggabungan bank-bank yang telah berkali-kali dibahaskan ataupun dibincangkan di Dewan ini supaya penggabungan itu betul-betul untuk memperkukuhkan bank-bank.

Kita tidak mahu penggabungan itu kerana hendak menampung misalnya bank-bank yang sudah kehabisan modal. Kemudian, kerajaan mengeluarkan modal kepada bank-bank yang modal mereka itu sudah hampir habislah - saya tidak kata habis semua, hampir habis. Kemudian kerajaan mengeluarkan modal kepada bank-bank yang tersebut melalui penggabungan dan kemudian kita mengharapkan supaya bank-bank yang bergabung ini akan memberikan kemudahan kepada rakyat melalui pinjaman dan sebagainya. Tetapi kemudian daripada itu kita melihat sesetengah bank yang digabungkan ini tidak mengikut apa yang diarahkan oleh pihak yang berkuasa terutama sekali kepada syarikat-syarikat yang belum mampu lagi untuk membuktikan keupayaan mereka dalam menguruskan perniagaan mereka di negara kita ini.

Jadi, saya mengharapkan supaya penggabungan ini betul-betul untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita ataupun untuk menambahkan lagi modal yang terkumpul di negara kita sendiri dan dengan yang demikian itu akan memperkukuhkan lagi urusanniaga saham yang berjalan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa sesungguhnya pindaan-pindaan yang dibuat ini kalau saya boleh mengambil pandangan dari segi undang-undang Islam, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun insya-Allah ia akan memberikan respond. Ia adalah merupakan undang-undang takzir yang diserahkan kepada pihak yang berkuasa untuk menentukan deraan ataupun hukuman-hukuman yang perlu dikenakan ke atas pelanggar-pelanggar ataupun orang-orang yang

melanggar undang-undang yang telah digubal dan juga berikutnya pindaan-pindaan yang dibuat ke atas undang-undang tersebut.

Saya kira pindaan-pindaan yang dibuat ini tentunya berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang telah lalu dan mungkin ada penyelewengan-penyelewengan ataupun ada sesuatu yang menyebabkan suatu pindaan ataupun beberapa pindaan perlu dibuat bagi memperkukuhkan ataupun bagi memelihara semua pihak terutama sekali rakyat negara kita yang sekarang ini minda mereka sudah mula terbuka untuk menyertai perniagaan ataupun untuk menyertai urusanniaga saham ini.

Jadi, dengan sebab itulah saya juga mengalu-alukan ke atas beberapa pindaan yang bermaksud untuk memberikan kuasa kepada pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawal syarikat-syarikat supaya syarikat-syarikat tidak berleluasa untuk melakukan sesuatu semata-mata untuk mengaut keuntungan kepada syarikat-syarikat yang tersebut, tidak mengambil kira terhadap perkara-perkara yang mungkin timbul dari usaha-usaha urusanniaga saham yang mereka buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mempunyai keyakinan yang penuh jika pindaan-pindaan yang saya katakan tentunya berlandaskan kepada pengalaman-pengalaman pelaksanaan terhadap undang-undang induk yang telah dijalankan pada masa-masa yang telah lalu ianya memberikan suatu nafas baru kepada orang yang mahu mengikuti ataupun mahu turut serta dalam urusanniaga saham yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa hukuman atau deraan-deraan seperti yang disebutkan - saya dengar sepintas lalu, saya pun tidak sempat baca, ada yang sampai RM30 juta, ada juga RM3 juta, ini adalah suatu deraan tentunya kepada - kalau macam saya ini hendak bayar denda RM30 juta, saya pun tidak boleh bayar, tentunya ini ditujukan kepada syarikat-syarikat yang besar dan deraan ataupun hukuman yang dikenakan begitu besar.

Mudah-mudahan ini akan menimbulkan suatu pengajaran kepada syarikat-syarikat yang wujud di negara kita ini terutama sekali syarikat-syarikat yang telah diamanahkan seperti syarikat amanah saham misalnya, yang begitu banyak dan memanglah baik tujuannya untuk mengumpul modal di negara kita ini daripada rakyat negara kita ini sendiri dan kemudian dilaburkan dalam syarikat-syarikat yang

difikirkan boleh menguntungkan ataupun yang boleh memberikan pulangan yang baik kepada rakyat.

Saya juga ingin menarik perhatian di sini supaya Suruhanjaya Sekuriti, walaupun sekarang ini sudah ada supaya memperbanyakkan lagi syarikat-syarikat amanah saham yang berlandaskan kepada skim ataupun yang berlandaskan kepada sistem mudharabah, di mana maknanya untung rugi bersama. Kadang-kadang orang kita ini kerana mudharabah ini, tidak pernah diperkenalkan apabila ada syarikat-syarikat yang cuba memperkenalkan sistem mudharabah ini, mereka telah dilatih dengan begitu lama bahawa mereka juga apabila memasuki skim-skim yang berlandaskan kepada Islam ini, mereka mahu untung sahaja. Padahal Skim Mudharabah ini seorang pemodal misalnya memberikan kepada pengusaha mengikutlah perjanjian, akad di antara mereka. Kalau sekiranya akad, keuntungan naik 50:50 atau 50% :50% maka 50:50 itulah yang dibagikan.

Mudah-mudahan dengan yang demikian itu, orang-orang Islam di negara kita ini yang saya yakin mempunyai wang yang banyak mereka akan melaburkan duit ataupun wang mereka dalam syarikat-syarikat amanah saham yang berteraskan kepada sistem mudharabah yang ada saya dengar sudah dijalankan oleh sesetengah bank, Bank Islam misalnya, kalau tidak silap saya ada menjalankan skim mudharabah ini.

Dan ini saya harapkan diperluaskan lagi kepada bank-bank yang lain supaya orang Islam dan bukan Islam juga akan turut serta. Saya rasa kalau ianya diperkenalkan, ianya lebih menarik perhatian rakyat di negara kita ini untuk menyertai skim mudharabah.

Jadi dengan sebab itu kita mengharapkan Suruhanjaya Sekuriti ini juga jika sekiranya ada syarikat-syarikat yang memohon untuk didaftarkan di bawah akta ataupun mana-mana peraturan yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk menubuhkan syarikat-syarikat amanah saham yang berlandaskan kepada sistem mudharabah ini akan diperkenankan atau diberikan lesen kepada mereka supaya mereka juga boleh menjalankan urusanniaga saham di negara kita ini. Pokok pangkalnya, sebagaimana pada mukadimah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tujuan utama pindaan undang-undang ini ialah untuk memperkukuhkan lagi kumpulan wang yang dikumpulkan melalui rakyat negara kita ini sendiri.

Oleh yang demikian itulah saya kira segala ruang dan peluang yang membolehkan kita mengumpul modal maka hendaklah pihak yang berkenaan memberikan kebenaran atau memberikan izin asalkan ianya tidak bercanggah atau tidak berlawanan dengan mana-mana akta dan mana-mana peraturan yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Jika sekiranya belum ada, saya rasa pada masa-masa yang akan datang bolehlah akta ini dipinda semula ataupun diadakan pindaan-pindaan tertentu bagi membolehkan syarikat-syarikat amanah saham ataupun pengurusan dana dan sebagainya diberikan lesen oleh pihak-pihak yang berkenaan dan dengan satu syarat bahawa ianya setelah diteliti oleh Suruhanjaya Sekuriti ini. Kerana ianya akan memberikan suatu jaminan supaya rakyat akan merasa yakin dan percaya bahawa sesungguhnya dengan jaminan ataupun dengan penelitian daripada Suruhanjaya ini, rakyat akan bertambah yakin dan rakyat akan bersedia untuk melaburkan wang mereka di dalam negara kita ini.

Dan saya juga mempunyai keyakinan melalui pindaan-pindaan yang telah dibuat ini sesungguhnya akan memberikan ransangan yang sebaik-baiknya kepada rakyat negara kita ini dan juga akan memberikan keyakinan yang lebih kepada seluruh rakyat negara kita ini untuk turut serta dalam menghimpunkan atau mengumpulkan dana demi untuk membangunkan ekonomi negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Oleh yang demikian itulah saya mengharapkan tadi supaya semua ruang dan peluang diberikan asalkan ianya tidak bercanggah dengan akta dan mana-mana peraturan yang diperbuat melalui akta yang tersebut. Inilah suatu harapan yang saya kira supaya setiap orang yang ada di negara kita ini mampu, berupaya dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap usaha-usaha dan pelaksanaan bagi mempertingkatkan, memperkukuhkan lagi ekonomi negara kita ini.

Dan dengan yang demikian itu kita juga mahu melihat bahawa penguatkuasaan yang dijalankan melalui akta ini dan pindaan-pindaan yang akan diluluskan oleh Dewan ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya tanpa mengira bulu. Sama ada mereka itu terdiri dari kalangan orang yang berada ataupun tidak berada seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi – tidak ada sahabat saya ini- sama ada mereka itu pemimpin politik ataupun mereka mempunyai pengaruh yang kuat dalam politik negara ini tetapi dalam pelaksanaan akta ini dan juga

pindaan-pindaan yang kita buat ke atasnya akan dapat dilakukan oleh Suruhanjaya ini dengan sebaik-baiknya tanpa saya kata tidak mengira bulu sebagaimana saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat kepada beberapa pindaan yang dibuat dan saya mempunyai keyakinan yang penuh jika sekiranya ia dapat dipatuhi oleh semua pihak. Maka insya-Allah mudah-mudahan segala apa juga bentuk dan perjalanan bagi meningkatkan ekonomi negara kita ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Cuma itulah tadi sebagaimana yang saya jelaskan bahawa kita tidaklah seharusnya mengikut ataupun terikut-ikut dengan syarikat-syarikat asing yang kadang-kadang menawarkan keuntungan yang lebih tinggi dan kadang-kadang juga kita tertipu dengan prospektus yang mereka berikan lalu kita tidak dapat mengawal sehingga rakyat ataupun warganegara kita ini terikut-ikut dan mereka juga melaburkan di dalam syarikat-syarikat asing dan kemudian tidak mempunyai apa-apa jaminan dan akhirnya mereka menanggung beban kerugian yang saya katakan tadi boleh jadi kadang-kadang mencacatkan pemikiran mereka, mencacatkan akal mereka dan jangan sampai ada orang yang gantung diri dan bunuh diri sebagaimana yang saya sebutkan tadi walaupun tidak ada apa-apa nas yang disebutkan dalam pindaan ini tetapi saya kira roh... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Seperti yang saya sebutkan tadi terkandung dalam beberapa pindaan yang telah dibuat dalam pindaan akta yang sama-sama kita bincangkan pada petang yang mulia ini.

Akhirnya saya mohon menyokong. Terima kasih.

3.47 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat Timbalan Menteri pun bersedia hendak menjawab. Tetapi saya hanya menyentuh beberapa fasal dalam cadangan ini sahajalah saya rasa. Saya tidak begitu panjang lebar tentang komen-komen lain. Saya hanya tumpukan kepada dua seksyen baru iaitu 52, 53 dan 57 dan satu pindaan kepada Seksyen 36D dan yang akan dinamakan Seksyen 132.

So, bagi saya, saya sangat mengalu-alukan dan saya mengucapkan syabas kepada kerajaan di atas usaha untuk menjadikan sekuriti ini satu perkara yang lebih telus dan juga mengharapkan bahawa apabila prospektus itu dikeluarkan maka ia akan mengandungi segala maklumat yang penting. Berkenaan dengan Seksyen 52 dan 55, saya dapati bahawa dalam Seksyen 55 itu maksudnya kalau suatu prospektus itu tidak

disebutkan dengan betul maka ada peruntukan hukuman sebanyak RM3 juta ataupun sepuluh tahun penjara. Itu diperuntukkan. Tetapi kalau kita bandingkan dengan Seksyen 52 satu perkara juga yang tidak diingini boleh berlaku iaitu selepas dikeluarkan prospektus tetapi sebelum dibuat permohonan kepada..., katakan BSKL atau sebelum mendapat kelulusan maka mereka telah kutip duit dan apabila perkara ini didapati maka hukuman yang telah dicadangkan di sini hanya membatalkan semua yang telah dikutip iaitu dipulangkan kepada mereka yang telah bayar dengan faedah 10% atau apa-apa kadar lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya. Itu sahaja hukumannya.

So, bagi saya ini juga satu perkara yang tidak diingini dan kalau dibandingkan dengan seksyen 55 ini, nampaknya sangat ringan sungguhpun bagi saya satu kesalahan yang besar dan kalau dikatakan sini 10% setahun atau apa-apa kadar lain, adakah ini bermaksud mungkin Suruhanjaya akan tetapkan kurang daripada 10% atau ia akan tetapkan lebih daripada 10%.

Jadi, bagi saya apabila saya membaca ayat-ayat ini saya dapati interpretasi itu kalau ditetapkan oleh Suruhanjaya, adakah itu akan lebih daripada 10% atau kurang daripada 10% , yang mana akan menjadi lebih banyak tetapi bagi saya ini masih tidak mencukupi kerana kesalahan ini memang sangat serius, prospektus sudah dikeluarkan tetapi belum dapat persetujuan daripada pihak berkenaan sudah kutip duit dan kemudian dibatalkan dipulangkan duit dengan sedikit denda sahaja. Dan juga subseksyen 3 dalam ini juga ada dikatakan kalau Suruhanjaya ingin boleh melalui perintah dalam warta itu macam memaafkan kejadian ini. So, bagi saya ini kurang memuaskan selepas saya baca semua tentang prospektus, bila sampai ke bab ini saya kurang puas hatilah dengan apa yang telah dicadangkan.

Berkenaan dengan seksyen 57, saya mengalu-alukan ini kerana ini membolehkan pihak yang rasa tidak puas hati mengambil prosiding undang-undang untuk mendapat pampasan dan sebagainya tetapi setahu kita apabila ini dilakukan, apabila kita pergi ke mahkamah untuk civil action dan sebagainya. Kalau seorang beli satu lot saham mungkin RM1,000 kalau dia tidak puas hati kerana kejadian ini, kalau minta dia ke mahkamah untuk mendapat balik apa tuntutan dan pampasan mungkin itu tidak akan terjadi dan perkara ini dibiarkan begitu sahajalah. So, mungkin dalam peruntukan ini sama ada kita boleh terangkan dengan lebih tepat

tindakan yang harus diambil bukan sahaja kata andalah berhak mengambil tindakan mahkamah atau tindakan undang-undang.

Saya juga ingin menyentuh tentang dua perkataan yang bagi saya sangat penting. Satu perkataan ialah “misleading”, satu perkataan ialah “confusing”. Tetapi dalam terjemahan kedua-dua menyatakan “mengelirukan”. Kalau saya tidak ada niat jahat, saya cakap sesuatu tetapi semua yang mendengar saya itu telah keliru, itu berlainan daripada saya beri maklumat yang tidak betul dengan tujuan mislead, tetapi dalam terjemahan ini dikatakan “maklumat yang palsu”, itu kita jelaslah maklumat palsu, there is false information atau mengelirukan dengan tujuan misleading ataupun dengan tujuan confusing. So, ini saya minta mungkin dilihat sama ada sesuai atau tidak dicari satu lagi perkataan yang lebih bermaksud misleading dan bukan confusing information. Confusing mungkin boleh dimaafkan tetapi bagi saya misleading kita tidak haruslah maafkan kerana itu lebih serius.

Saya juga ingin menyentuh tentang pindaan kepada seksyen 36(d) yang akan dinomborkan 132. Di sini ada peruntukan yang memberi kuasa yang sangat besar kepada pegawai siasatan iaitu pegawai siasatan dengan persetujuan Suruhanjaya boleh menahan seseorang itu atau boleh meminta pegawai imigresen menahan seseorang itu, boleh mengambil pasportnya, mengambil kad pengenalnya dan boleh menahan orang ini dan diperuntukkan di bawah seksyen ini di bawah subseksyen 9 bahawa semua tindakan ini dilindungi daripada prosiding undang-undang oleh mangsa itu. Kalau saya disyaki membuat sesuatu dan kemudian ditahan mengikut seksyen ini, sungguhpun saya tidak melakukan apa-apa kesalahan maka saya tidak ada apa yang boleh dibuat kerana semua tindakan dilindungi oleh subseksyen 9 ini di mana pegawai-pegawai yang menahan saya dan sebagainya, tidaklah payah menghadapi apa masalah dan saya tidak boleh mengambil apa tindakan mahkamah.

Sungguhpun ini adalah satu perkara yang saya mengalu-alukan tetapi dari segi jaminan bahawa ini tidak disalah guna hanya ada satu peruntukan sahaja iaitu pegawai siasatan kena dapat persetujuan daripada Suruhanjaya iaitu dengan kelulusan Suruhanjaya, itu sahaja yang boleh melindungi seseorang itu ditangkap atau ditahan. So, minta kalau bolehlah mungkin ini dilihat dari satu lagi segi, sungguhpun kita mahu mengatasi masalah ini tetapi kita harus bertindak dengan wajar, harus mementingkan kebebasan dan juga kedaulatan seseorang itu supaya dia tidak sahaja menjadi sesuatu mangsa. So, kalau boleh mungkin selain daripada persetujuan

Suruhanjaya sama ada kita boleh masukkan syarat-syarat lain supaya ini tidak disalah guna kerana semua hak ini diberi kepada pegawai penyiasatan, itu kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua.

So, selain daripada komen-komen itu, satu lagi komen ialah tentang bila pegawai penyiasatan meminta pegawai imigresen itu menahan, so dikatakan dalam bab ini 'bolehlah menghendaki', 'may request' dalam terjemahan. So, kalau demikian adakah kita bermaksud apabila pegawai penyiasatan ini minta sahaja pegawai imigresen tidak ada option tetapi kena ambil tindakan kena tahan orang ini. Adakah itu dimaksudkan ataupun pegawai imigresen kata: "Oh mungkin saya kena tanya pegawai atasan, kita kena siasat lagi sebelum saya boleh bertindak".

Kalau demikian maka mungkin sudah terlambatlah, orang ini sudah terlepas, sudah naik kapal terbang, sudah ke negara lain dan mungkin telah berlakulah macam baru-baru ini di mana orang-orang tertentu tidak dapat dikesan kerana sudah hilang diri. Saya minta kalau objektif ini ialah supaya pegawai imigresen terima sahaja satu permintaan ia mesti bertindak, tidak ada pilihan lain tetapi mesti bertindak ataupun tujuan ialah supaya ia diberi pilihan. Kalau itu bertujuan maka apa yang dalam bab ini memadailah, tetapi kalau apa yang diharapkan ialah supaya pegawai imigresen ini tidak ada pilihan tetapi mesti bertindak atas permintaan pegawai syiasatan itu. Maka kita kena ubah sedikit. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya Yang Berhormat.

3.51 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd.Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Chin, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Shukri, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak, Yang Berhormat Dato' Zam, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Dato' Aziz dan yang akhir sekali Yang Berhormat Dato' Nor Azah binti Awin yang telah sama-sama membincangkan tentang Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000 ini. Saya akan menyentuh beberapa polisi isu yang telah dibangkitkan dan saya akan membincangkannya dan apa-apa yang terkeluar daripada perbincangan nanti saya akan ambil ingatan dan kita akan cuba melihat bagaimana pandangan-pandangan Yang Berhormat itu akan dapat dimasukkan ke dalam isu-isu polisi.

Pertamanya, Datuk Nor Azah telah mengatakan panjang lebar tentang galakan kita supaya kita adakan bon selain daripada kita meminjam wang daripada bank. Datuk Nor Azah juga telah menyatakan persetujuan dan ucapan bangganya kerana dapat kita keluar daripada kegawatana ekonomi. Begitu juga Dato' Abdul Aziz dan langkah-langkah untuk menggalakkan pasaran bon ini, pihak sekuriti sedang mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pembangunan pasaran bon. Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan dan inisiatif Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang mengenal pasti bahawa pasaran bon ringgit korporat perlu dibangunkan lagi agar ia dapat menampung keperluan kewangan sektor swasta. Sesebuah pasaran bon domestik yang berfungsi dengan baik bukan sahaja akan menyediakan pinjaman dengan satu sumber pembiayaan alternatif tetapi akan juga menyebarkan sebahagian daripada risiko kredit yang dikaitkan dengan pembiayaan hutang daripada sektor perbankan tadi kepada juga pelabur-pelabur awam dalam bentuk bon.

Ini adalah sebab mengapa Majlis Tindakan Ekonomi Negara MTEN pada 1999 telah menubuhkan NBMC iaitu National Bond Market Committee untuk mengetuai semua usaha untuk pembangunan pasaran bon korporat di Malaysia ini. Kedua, mandat NBMC ini adalah untuk menyediakan arahan luar dasar keseluruhan selain merealisasikan kerangka kerja pengawalseliaan bagi pembangunan teratur pasaran bon korporat untuk menjalankan kajian terperinci mengenai isu yang berkaitan dengan pembangunan pasaran bon korporat. Ketiga, berdasarkan kepada syor-syor daripada kajian itu mengenal pasti dari segi pelaksanaan yang sewajarnya. NBMC dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Bank Negara Malaysia (BNM), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), ROC, Suruhanjaya Sekuriti dan juga BSKL.

Beberapa isu semasa sedang ditangani oleh NBMC ialah merealisasikan kerangka kerja pengawalseliaan bagi pasaran bon-bon korporat ini. Yang keduanya, pembangunan sebuah kelok kadar hasil ukuran rujuk yang efisien untuk menyediakan asas yang berkesan bagi menetapkan harga bon. Yang ketiga, penilaian halangan dan insentif semasa bagi kecairan pasaran sekunder ataupun secondary market credit.

Datuk Nor Azah juga telah mengalu-alukan usaha e-broking dan sememangnya Securities Commission ditubuhkan SC telah berusaha untuk memajukan pasaran modal antara lainnya ialah SC mengenal pasti potensi dagangan

elektronik atau e-commerce, dengan izin. Pada tahun 1997 SC telah mengeluarkan kertas perbincangan mengenainya dan baru-baru ini ini SC juga telah pada 21 March 2000 menerbitkan kertas rundingan mengenai rangka pembangunan dagang elektronik dalam pasaran modal untuk ulasan oleh orang-orang awam atau umum.

Antara langkah menggalakkan e-broking ini mengumumkan pada 21 April 2000 pengurangan kadar komisen, pengurangan daripada 1% kepada 0.72% bermula 1 September, 2000, dan seterusnya pada kadar maksimum 0.70% berkuat kuasa dari 13 Julai 2001. Selain daripada itu, free scan dan levy Securities Commission juga akan dikurangkan untuk menggalakkan industri pengukuran khususnya dagangan elektrik ini.

Dato' Aziz, saya ambil isu yang paling menarik iaitu MoU, memorandum persefahaman (memorandum of understanding) bukannya memorandum of 'uncertainty'. Sehingga tahun 1999 sebanyak 232 MoU telah ditandatangani oleh syarikat dengan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau menteri-menteri lain seperti MITI dan sebagainya, iaitu 1993 sebanyak - 65 MoU, 1994 - 53 MoU, 1995 - 14 MoU, 1996 - - 65 MoU, 1997 - 23 MoU, 1998 - 8 MoU dan 1999 - 4 MoU. Maklumat mengenai jumlah MoU yang gagal MITI tidak mempunyai maklumat itu kerana banyak syarikat tidak memaklumkan kepada MITI kerana kenapa kegagalan mereka untuk meneruskan MoU tadi. Walau bagaimanapun, Datuk Nor Azah telah pun menyatakan setengah daripada setengahnya MoU itu tidak dapat dikendalikan kerana masalah-masalah legal, masalah-masalah pentadbiran, masalah-masalah perundangan di negeri masing-masing ataupun di negara masing-masing.

Dato' Abdul Aziz juga telah menyatakan mengenai isu penggabungan syarikat broker saham dan institusi-institusi kewangan ini. Satu langkah yang diambil pada masa ini ialah untuk menyediakan Pelan Induk Pasaran Modal, Capital Market Master Plan (CMP) yang bertujuan antara lain untuk membantu institusi pasaran dan institusi kewangan supaya modal yang sedia dihadapi dalam proses liberalisasi dan deregulation atau diregularisasi. Jadi, pelan CMP ini juga akan menggariskan penggabungan prosedur yang patut diikuti. Terdapat keperluan yang jelas untuk kita menggabungkan industri broker saham ini dan objektifnya adalah bagi memperkukuhkan industri tersebut dan membentuk satu kumpulan syarikat broker saham tempatan yang mempunyai modal yang banyak yang boleh menyediakan

khidmat perantaraan yang efisien dan menjimatkan bagi para pelabur. Rangka kerja prosedur penggabungan iaitu pembekuan sedia ada ke atas pengeluaran lesen baru bagi syarikat broker saham akan terus sehingga objektif penggabungan industri ini dicapai dan di bawah rangka kerja penggabungan seperti mana yang dikata oleh Dato' Aziz tadi terdapat tidak lebih daripada 15 broker universal di negara ini dan setiap satu daripadanya harus mengandungi satu kumpulan yang mengandungi sekurang-kurangnya empat syarikat broker. Sebuah broker universal akan dibenarkan menawarkan perkhidmatan pasaran modal yang luas sejurus selepas memenuhi syarat-syarat diatas. Sebuah syarikat broker yang mempunyai kakitangan yang perlukan akan dibenarkan menjalankan kerja-kerja kewangan korporat membuat permukaan cadangan korporat kepada SC bagi pihak pelanggannya dan menjalankan dagangan produk derivative.

Dan pada masa hadapan ia akan dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan tambahan yang meliputi mengurus sekuriti hutang persendirian, menjalankan dagangan produk pendapatan tetap dan lain-lain instrumen kewangan apabila diperkenalkan. Sesebuah broker universal akan diberi kebebasan untuk membuka cawangan di seluruh negara dari 1 Januari 2002 tertakluk kepada kelulusan Securities Commission dan untuk tujuan ini Securities Commission akan merumuskan satu dasar pelaksanaan mengenai pembukaan cawangan dan Securities Commission akan mempertimbangkan, antara lain, tahap di mana syarikat broker saham telah menguatkuasakan penggabungan permodalan mereka dan kriteria berkaitan yang lain.

Jadi, bagi membolehkan sebuah syarikat broker beroperasi menggunakan lesen tunggal di kedua-dua pasaran ekuiti dan derivative, pindaan akan dibuat kepada Akta (Pindaan) Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan sekarang ini sebuah syarikat broker saham akan dilesenkan di bawah FIA, perlu diwujudkan satu entiti berasingan di bawah FIA untuk menjalankan dengan produk derivative. Oleh kerana itu kita akan gabungkan kedua-dua sekali menjadi satu. Syarat 30% pegangan saham bumiputera yang sedia ada akan dikekalkan dan pembabitan asing dalam pegangan saham ekuiti sesebuah syarikat broker saham ketika ini dihadkan kepada 49% sahaja.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah pun menanyakan sejauh manakah pihak berkuasa dapat mengekalkan penyertaan 30% bumiputera dalam kaunter-kaunter Second Board. Pada masa ini peruntukan bagi penyertaan bumiputera

dalam syarikat-syarikat Papan Kedua adalah satu peruntukan yang dikenakan oleh pihak Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Keperluan ini dikenakan semasa cadangan bagi penyenaian syarikat tersebut diumumkan oleh syarikat tersebut. Sekiranya tahap ini dikurangkan hasil daripada aktiviti-aktiviti pengumpulan dana syarikat tersebut (corporate excise), pihak FIC akan terus meneliti tahap tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kelulusan pihak MITI juga diperlukan sekiranya pegangan bumiputera ini hendak dijual.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah pun menanyakan berapa ramai tokoh korporat yang telah melanggar Akta Suruhanjaya Sekuriti ini dan begitu juga dengan Datuk Zainudin. Pada tahun 2000 ini sebanyak 10 pendakwaan telah dibawa oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi pelanggaran undang-undang sekuriti dan jumlah orang tertuduh adalah sebanyak 11 orang pada tahun 2000. Pihak Suruhanjaya Sekuriti sedang menjalankan penyiasatan bagi beberapa kes yang lain di mana pihak-pihak yang terlibat tidak dapat ditemui pada masa ini. Sekurang-kurangnya jika pihak-pihak ini ditemui, mereka akan dibawa ke mahkamah dan tuduhan mengikut undang-undang. Ini merupakan usaha aktif oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti dewasa ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah menanyakan adakah SC mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas yang baru termasuk pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang undang-undang. Pihak Securities Commission mempunyai tenaga pekerja yang berjumlah lebih daripada 450 orang pada masa ini. Mereka terdiri daripada tenaga kerja yang pelbagai kemahiran termasuk akauntan, peguam, ahli ekonomi dan sebagainya. Pihak Securities Commission sedang meningkatkan lagi tenaga kerjanya untuk menjalankan tugas-tugas baru yang akan dapat wujud hasil daripada pindaan-pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti yang sedang kita bincangkan ini dan pada masa ini terdapat juga tenaga kerja yang diberi kuasa oleh Akta Suruhanjaya Sekuriti untuk membawa dakwaan di mahkamah, lebih-lebih lagi terdapat juga beberapa pegawai daripada Jabatan Peguam Negara yang bertugas di Securities Commission. Mereka memakai dua topi, pertamanya sebagai pegawai daripada Pejabat Peguam Negara, yang keduanya, topi yang sama juga mereka sebagai pegawai daripada Securities Commission dan ini membolehkan mereka membuat penyiasatan dengan lebih berkesan lagi.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah menanyakan pasaran sekunder – secondary market yang telah diutarakan sekunder ini untuk bon-bon adalah tidak aktif kerana institusi membeli dan menyimpan bon-bon dan mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasinya. Jadi, ketiadaan satu kumpulan pelabur institusi yang aktif dan pelbagai yang merupakan akibat kepada kekurangan insentif bagi memaksimumkan pulangan kepada portfolio kini dikaji secara serius oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti dan sehubungan itu National Bon Market Committee (NBMC), yang saya katakan tadi, akan mengkaji semula struktur sektor insurans, pencen agar dapat menggalakkan sektor-sektor untuk memegang bahagian yang lebih besar dalam pasaran bon. Adakah kita mempunyai sekatan untuk membawa wang ke luar negara ke pasaran-pasaran yang lain di arena antarabangsa.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta laluan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang kuorum. Berapakah kuorum Dewan Negara, saya sudah lupa. *[Ketawa]* Fasal saya tengok di sini tidak ramai. Jadi, saya perhatikan di depan ada 9, saya terlupa kepada Senator...*[Memandang kepada Senator Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin][Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: 10.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tetapi saya hairan di mana wakil daripada parti pembangkang – 75% tidak hadir. *[Tuan Hassan bin Haji Shukri menunjuk ke arah Puan Safinah binti Jusoh]* Oh, minta maaf, 50%. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah mengatakan bahawa undang-undang sekuriti tidak mengehendkan pelaburan supaya ianya terhad dalam negara sahaja. Rakyat dan pelabur bebas untuk melabur wang ke mana-mana pasaran yang difikirkan sewajarnya. Walau bagaimanapun, ianya juga tertakluk kepada peraturan-peraturan kawalan mata wang seperti mana yang Dato' katakan tadi dan semasa kegawatan ekonomi kita tempoh lari juga, kita minta pelabur-pelabur kita di luar negara yang mempunyai aset-aset dapat membawa balik wang-wang mereka ke dalam negara supaya dapat kita memajukan negara kita. Selain daripada itu, kawalan mata wang yang ditadbirkan oleh Bank Negara Malaysia ini masih lagi berjalan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah pun menanyakan tentang pemegang saham oleh pihak-pihak nominee ini. Pemegang saham oleh pihak nominee

iaitu oleh satu pihak, oleh pihak yang lain telah berada sejak tahun 1998 dan tidak dibenarkan lagi di sisi undang-undang. Pindaan-pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 sejak bulan November 1998 telah memperkatakan lagi bahawa undang-undang berkenaan dengan pemegang saham oleh pihak yang lain. Ini merupakan satu pindaan yang penting untuk mempertingkatkan lagi ketelusan dalam pasaran saham tempatan. Oleh yang demikian, pada masa ini hanya pihak-pihak yang diberi kuasa (authorize nominee) sahaja seperti bank-bank, custody dibenarkan memegang saham sebagai nominee. Namun demikian, maklumat yang menyeluruh harus diberikan oleh pihak nominee kepada pihak depositori pusat untuk dapat kita melihat berapakah nominee-nominee yang masih ada lagi dipegang oleh pihak-pihak custody ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya menanya soalan di Dewan yang tertinggi di negara ini – di Dewan Negara. Kalau saya tidak dapat maklumat dari segi sebagai Ahli MAPEN dalam Jawatankuasa MAPEN II, saya minta pihak kerajaan kalau boleh kita hendak tahu daripada pegangan nominee 8% ke 9% itu pecahan bumiputera berapa, kaum India berapa, kaum Cina berapa dan sebagainya kerana ianya tidak memberikan satu tahap pencapaian yang sebenar. Seperti yang saya nyatakan tadi, bumiputera hanya mencapai 19.4% lebih kurang. Jadi, di dalam nominee ini apakah pecahannya dan adakah Dewan Negara boleh mendapat maklumat itu. Itu yang saya tanyakan, tidak payahlah kita pergi pula kepada depositori pusat dan sebagainya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya akan ajukan perkara ini kepada FIC, EPU dan juga kepada pihak SC untuk melihat bagaimana dapat kita mencungkil perangkaan-perangkaan yang sungguh fluid kerana keupayaan orang-orang Melayu untuk mempertahankan saham-saham ini apabila diletakkan kepada pasaran, kadang-kadang ia beralih tangan dari hari ke hari dan kita akan menentukan tarikh bila dan perangkaan bila supaya dapat kita menyelaraskan perkara ini.

Mengenai PNB menjadi institusi penyelamat, supaya Kementerian Kewangan mengkaji semula pemberian saham supaya ianya hanya diberi kepada yang berkecualan untuk memegang saham-saham tersebut. Ini satu pandangan yang bagus kerana kalau kita lihat di peringkat bawah misalnya, di peringkat akar umbi local government dan juga di peringkat negeri jika sesuatu kedai misalnya, tidak dapat

dibeli oleh orang-orang bumiputera, maka kedai tersebut diberikan kepada pihak-pihak yang berkuasa seperti kalau di Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan apabila kita dapati bumiputera-bumiputera yang berkelayakan, maka barulah boleh dijual kepada bumiputera tersebut.

Kalau kata Dato' Abdul Aziz tadi diberi 'sembrono' sahaja, begitu sahaja seperti mana kata Dato' tadi berapa banyak nanti penjualan-penjualan yang akan berlaku, sesingkat masa. Sungguhpun begitu, seperti mana yang saya sebutkan tadi pihak MITI apabila kita hendak menjual, kita kena minta kebenaran daripada pihak MITI dan dengan adanya permohonan itu, kita dapatlah sedikit sebanyak menyekat perkara ini.

Pihak PNB sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan perlu menjaga kepentingan keseluruhan pemegang unit, dengan izin, with unit holders ini, di dalam skim-skim pelaburan amanah di bawah kelolaan dan pentadbiran PNB.

Jadi, kita harapkan nanti dengan adanya banyak saham amanah yang diambil oleh institusi-institusi bumiputera ini dapat kita mengekalkan tetapi daripada syarikat-syarikat individu ataupun orang perseorangan, ini yang dikatakan oleh Dato' Abdul Aziz tadi, kita akan menyemak balik perkara ini.

Pihak kerajaan terutamanya pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mempunyai kriteria-kriteria tertentu dalam mengiktiraf pemegang ekuiti bumiputera dan sebagai contohnya, pelabur bumiputera berkenaan sudah menjadi pemegang saham selama sekurang-kurangnya satu tahun dalam syarikat-syarikat berkenaan. Ini ada kita katakan *moratorium* dan sebagainya tetapi perkara ini hanya selepas setahun, mana kala pertukaran saham-saham oleh MITI ada diperuntukkan terutamanya kepada pelabur-pelabur institusi seperti PNB, LTAT dan LUTH dan badan-badan korporat ini dapat mengambil alih saham-saham orang perseorangan.

Puan Jamilah binti Ibrahim telah menanyakan apakah rasional untuk menggabungkan syarikat-syarikat kewangan seperti bank, broker saham dan kemungkinan syarikat-syarikat insurans. Ini telah pun saya perkatakan dahulu selepas kita menggabungkan bank, kita akan menggabungkan syarikat insurans dan selepas syarikat insurans, kita akan menggabungkan broker saham dan ini ialah kerana untuk meningkatkan daya saing syarikat-syarikat tersebut di pasaran antarabangsa, untuk mengukuhkan syarikat-syarikat tersebut dari segi modal, kepakaran, teknikal, langkah

awal untuk menyediakan syarikat-syarikat untuk bersaing apabila timbulnya akibat-akibat globalisasi dan liberalisasi seperti yang dikatakan tadi dan penggabungan syarikat-syarikat tersebut juga memberi manfaat kepada pengguna di mana pengguna akan diberi perkhidmatan yang lebih baik dan syarikat-syarikat lebih kukuh dan mempunyai synergy yang efektif.

Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin telah pun menanyakan berkenaan dengan Dato' Soh Chee Wen, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak Securities Commission untuk menentukan bahawa pihak-pihak yang terlibat dalam penyiasatan tidak melarikan diri ke luar negara. Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 ini yang terkandung dalam seksyen 132, yang dicadangkan memperuntukkan bahawa seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya, boleh dengan kelulusan Suruhanjaya melalui notis yang dikeluarkan kepada nama-nama pegawai Imigresen, mana-mana pegawai Imigresen meminta supaya mana-mana orang yang merupakan subjek sesuatu penyiasatan berkenaan nombor satu kesalahan di bawah Undang-undang Sekuriti dihalang daripada meninggalkan Malaysia.

Pegawai Imigresen apabila diberitahu mengenai permintaan tersebut boleh menghendaki orang yang merupakan subjek penyiasatan tersebut supaya menyerahkan pasport atau dokumen perjalanannya kepada pegawai Imigresen itu dan ini merupakan satu kuasa yang penting untuk menentukan bahawa pihak yang terlibat dalam suatu penyiasatan tidak melarikan diri.

Jadi, dengan adanya seksyen 132, kita dapat memperkuat lagi kes-kes yang dahulu dan juga seperti kata Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tadi bahawa ini adalah pengalaman-pengalaman dahulu yang kita pinda balik supaya dapat kita memperketatkan dan memperkemas akta kita.....

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat, minta laluan. Adakah bila mana pindaan ini diluluskan dan dilaksanakan, adakah ianya berkuat kuasa dengan serta-merta, satu, dan adakah ianya boleh digunakan kepada mereka yang telah melakukan kesalahan sebelum pindaan ini dilakukan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Oh, ini perkara retrospektif, boleh balik kebelakang ataupun kontemporari semasa.

Jadi, mengenai perkara ini kita akan lihat bahawa selepas di Dewan Negara kita akan bawa kepada Yang di-Pertuan Agong sebab Yang di-Pertuan Agong

memohorkan dan kita akan pastikan bahawa perkara-perkara ini kita akan buat dalam tempoh semasa.

Jadi, macam Dato' Soh Chee Wen tadi, dia belum lagi dituduh dan dia dapat tahu. Ini masalah kita kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat, di Parlimen ini hendak tahu siapa-siapa, kadang-kadang kita tidak beri nama mereka. Bila kita beri nama mereka, dia cabut tetapi kadang-kadang ada Yang Berhormat marah pula, ini satu institusi yang paling tinggi, bila kita minta kata rahsia dan sebagainya. Tetapi ini juga [*Ketawa*] merupakan satu strategi kita, kadang-kadang kita tidak beri nama nama pegawai yang kita siasat kerana kita takut nanti, kalau dia dapat tahu, diisytiharkan pula dalam Dewan ini nanti, dia cabut. Dengan adanya pindaan Akta Sekuriti ini kita harapkan nanti dapat kita memperketatkan lagi strategi-strategi kita, kalau ada misalnya orang-orang yang terlibat itu, terus dapat kita minta pihak Imigresen menahan mereka dengan serta-merta.

Suruhanjaya Sekuriti harus mengambil langkah untuk menangani masalah penyangak-penyangak saham yang kian wujud, ini dibangkitkan oleh Datuk Zainudin bin Maidin (Datuk Zam). Akta Perindustrian Sekuriti 1993 mempunyai peruntukan-peruntukan untuk melarang aktiviti-aktiviti manipulasi di dalam pasaran saham tempatan.

Jadi, aktiviti manipulasi merupakan suatu kesalahan di bawah Akta tersebut dan seorang yang disabitkan di bawah seksyen 85 dan 87(a) Akta tersebut boleh dikenakan denda sebanyak RM1 juta ataupun penjara selama 10 tahun ataupun kedua-duanya sekali. Selain daripada mengadakan peruntukan undang-undang Suruhanjaya Sekuriti juga akan mengambil langkah-langkah untuk menambahkan lagi pengetahuan-pengetahuan pelabur-pelabur, umpamanya Securities Commission mengadakan seminar-seminar untuk melatih pelabur-pelabur.

Baru-baru ini saya telah pun juga, untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk, merasmikan satu kursus kepada pemberita-pemberita kita tentang ekonomi dan kita akan buat kursus-kursus selanjutnya nanti di Securities Commission untuk pemberita-pemberita kita mengetahui secara mendalam tentang aktiviti-aktiviti, fungsi-fungsi Suruhanjaya Sekuriti dan apakah akta-akta atau undang-undang yang terbabit dengannya.

Datuk Zainudin juga meminta supaya Securities Commission harus memberikan penerangan kepada media, yang ini pihak Sekuriti baru-baru ini pada 15

Mei mengadakan satu presentasi kepada akhbar-akhbar di mana wakil akhbar daripada lebih 20 akhbar yang berlainan telah menghadiri presentasi ini. Presentasi ini telah memberikan penerangan berkenaan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti, seminar-seminar yang akan diadakan pada bulan Jun untuk pihak awam untuk memberikan maklumat yang lebih mendalam berkenaan dengan pindaan-pindaan ini dan kita akan adakan seperti mana yang saya katakan dahulu, seminar-seminar ini kepada semua sektor, kepada semua orang dari masa ke semasa.

Datuk Zainudin juga menggesa Securities Commission perlu menasihatkan kerajaan tentang badan-badan berkanun yang harus dibenarkan melabur di dalam pasaran saham. Ini telah berlaku baru-baru ini di mana satu badan berkanun telah melabur dan telah mengalami kerugian walaupun ia dikatakan *paper loss*. Badan-badan berkanun tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang penubuhan mereka dan aktiviti-aktiviti mereka adalah harus tidak melanggar penubuhan undang-undang pertubuhan mereka dan kebanyakannya badan-badan berkanun yang sedia ada mempunyai Pegawai Penasihat Undang-undang yang boleh memberi nasihat berkenaan aktiviti badan-badan berkanun tersebut. Nasihat Datuk Zainudin kita akan ambil ingatan mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak telah pun menerangkan dan meminta tentang percantuman antara syarikat-syarikat, apabila ini berlaku apakah langkah-langkah boleh diambil untuk mengekalkan tenaga pekerja supaya tidak ada penamatan pekerjaan Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa penyatuan syarikat-syarikat adalah berasaskan kepada undang-undang komersial dan dari segi undang-undang sekuriti iaitu Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan kod Malaysia mengenai percantuman 1998, syarikat-syarikat tidak mempunyai halangan untuk mengekalkan atau menamatkan tenaga pekerja. Tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum apa yang diperkatakan oleh Gabenor Bank Negara dahulu dan juga kerajaan bahawa dari segi kakitangan bank, kita akan cuba sedaya upaya tidak memberhentikan pekerja-pekerja bank.

Walau bagaimanapun, kita ada satu skim di mana dikatakan Voluntary Separation Scheme (VSS) ini, di mana, jika seseorang itu ingin keluar daripada sektor perbankan misalnya ataupun daripada bank yang berkenaan, dia akan diberi imbuhan dan dengan adanya ekonomi kita berkembang dan kita harap siapa-siapa

yang telah pun keluar, miss places, dan sebagainya itu akan dapat masuk ke sektor-sektor yang lain dalam ekonomi yang berkembang ini. Kita berharap seperti mana juga kata Yang Berhormat tadi, supaya jika ada sesuatu pembuangan kerja hendak dilakukan kita berharap seperti mana kata Yang Berhormat tadi dapat kita bincang dulu dengan persatuan-persatuan sekerja dan sebagainya untuk mencari jalan yang paling harmoni. Ini adalah satu perkara yang penting untuk menjaga keharmonian perindustrian.

Di sini juga saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Kesatuan Sekerja semasa kegawatan kita dulu, mereka tidak berarak di tepi jalan, tidak boikot dan sebagainya kerana mereka tahu bahawa sekarang Kesatuan Sekerja dapat memikirkan bahawa negara kita penting untuk menjaga maruah dan sebagainya dan kita berharap perkara-perkara seperti ini dapat kita jalinkan lagi dengan sifat persefahaman.

Tentang pemberian opsyen syer untuk kakitangan syarikat di bawah garis panduan Suruhanjaya Sekuriti sesebuah syarikat tersenarai dibenarkan menubuhkan skim opsyen syer untuk kakitangannya seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ISOS iaitu sebanyak 10% dari modal berbayar syarikat. Yang Berhormat telah pun menyatakan apabila kakitangan membeli saham ini melalui pinjaman bank dan apabila berlaku kegawatan ekonomi, bank tidak dapat mengambil balik pinjaman kerana orang-orang yang berkenaan tidak dapat membayar balik, oleh kerana saham jatuh, kerugian di situ berlaku, di sinilah Gabenor Bank Negara pada ketika itu telah pun mengeluarkan garis panduan supaya kita tidak lagi memberi pinjaman kepada orang-orang yang membeli rumah untuk spekulasi dan juga meminjam wang untuk membeli saham. Jadi, dengan ini dikatakan, ini merupakan satu perkara yang unproductive - tidak produktif.

Kebebasan hendaklah diberikan kepada jawatankuasa opsyen supaya yang ditakbirkan oleh undang-undang kecil (ISOS), dengan izin, *ISOS by law* ini dan untuk menetapkan kriteria-kriteria tertentu dan jumlah peruntukan opsyen bagi kakitangan mereka tetapi apa yang berlaku kata Yang Berhormat itu benar-benar terjadi. Perkara ini agak menyedihkan juga.

Yang Berhormat Senator Zainal Rampak juga telah pun mencadangkan supaya SC menubuhkan mahkamah untuk mengendalikankan perbicaraan kes-kes berkenaan dengan sekuriti. Ini serupa juga dengan Mahkamah Perindustrian. Laporan badan-badan korporat telah membuat satu cadangan supaya satu penyelidikan yang

terperinci dijalankan dalam hal penubuhan satu badan khas arbitration ataupun penimbangtara ataupun satu mahkamah khas untuk mendengar perbicaraan. Ini bertujuan untuk mempercepatkan proses penyelesaian berikutan dengan perkara-perkara tertentu dan ini akan menghasilkan pengurangan kos kepada seorang pemegang saham terutamanya golongan pemegang saham yang kecil. Dan satu lagi langkah yang sedang diambil oleh pihak Securities Commission (SC) melalui pindaan-pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti adalah untuk memberi kuasa kepada pihak SC untuk membawa tindakan sivil ke atas mereka yang melanggar peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam akta ini. Bagi pihak yang mengalami kerugian hasil dari kenyataan-kenyataan palsu atau mengelirukan di dalam satu prospektus. Ini akan mengurangkan beban seorang pemegang saham terutamanya pemegang saham minoriti yang tidak berkemampuan untuk membawa tindakan tersebut dengan sendirinya ke mahkamah seperti juga *consent* yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Chin tadi.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Shukri telah pun menyatakan adalah diharapkan Securities Commission harus mengadakan kawalan ketat ke atas mereka yang menerbitkan prospektus yang mengandungi maklumat yang palsu atau mengelirukan atau yang mempesonakan – ini perkataannya. Jadi, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti mengandungi peruntukan-peruntukan yang ketat untuk menentukan bahawa tindakan jenayah serta tindakan sivil dapat dibawa ke atas mereka yang bertanggungjawab bagi kenyataan-kenyataan yang palsu atau yang mengelirukan dalam prospektus yang berkenaan.

Dari segi tindakan, seseorang yang disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan denda sebanyak RM3 juta atau penjara selama 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Seksyen 25, yang dicadangkan tindakan sivil boleh diambil di bawah Seksyen 57 untuk membolehkan mereka yang mengalami kerugian akibat daripada kenyataan-kenyataan tersebut untuk membawa tindakan ke atas mereka yang membuat kenyataan yang palsu dan juga yang mengelirukan tadi.

Yang Berhormat Senator juga meminta SC harus membuat kajian supaya semua syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur tidak mengikut kegiatan ataupun turun-naik Nasdaq, adakah ini merupakan satu fenomena yang tidak boleh kita kawal. Pasaran modal Malaysia adalah satu pasaran modal dunia dan seperti mana yang saya katakan dulu bahawa pasaran modal kita ini berupa

dua unsur, satu unsur dalaman dan satu unsur luaran. Kita minta pelabur-pelabur kita supaya dapat melihat fundamental saham-saham, stok-stok yang ada daripada, saya katakan dulu, *heard instinct*, mengikut-ikut cakap orang sahaja. Jadi, ini yang kita tidak mahu dan juga sebagaimana yang dikatakan Senator Puan Jamilah tadi, mahu tidak mahu, sedikit sebanyak, unsur-unsur spekulatif itu ada, unsur-unsur perjudian itu ada.

Jadi, kita harapkan nanti, kita tidaklah terikut-ikut dengan apa yang berlaku di luar tetapi kalau dapat kita mendidik dan membuat tarbiah kepada pelabur-pelabur kita supaya dia dapat menengok fundamental stok-stok berkenaan dan tidak terikut-ikut dengan pasaran luar negara. Tetapi, seperti mana yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zainal Rampak bahawa globalisasi ini tidak dapat kita bendung, dan ia seperti air bah, 'makin ditahan, makin rebah'. Jadi, perkara-perkara seperti ini terpaksa juga kita berhadapan dengan realiti, keadaan yang nyata.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr Chin, telah menyatakan tentang Seksyen 55, dibandingkan dengan Seksyen 58, aktiviti yang dicadangkan, hukuman yang berbeza. *[Disampuk]* 52, Seksyen 52(2) faedah yang dikenakan. Seksyen 52(12) kalau kita lihat memperuntukkan bahawa seseorang yang melanggar peruntukan ini juga dikenakan hukuman iaitu denda sebanyak RM3 juta ataupun penjara selama 10 tahun, ataupun kedua-duanya sekali. Jumlahnya adalah sama seperti hukuman di bawah Seksyen 55.

Selain daripada hukuman ini, seseorang yang memungut wang daripada mereka yang memohon saham-saham tersebut juga tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Subseksyen 52(2) untuk memulangkan wang-wang yang dikutip dari pemohon dan dengan kadar faedah. Bukannya kurang seperti mana yang Dato' katakan tadi. Dan pihak SC diberikan budibicara untuk mengurangkan atau menaikkan jumlah kadar faedah itu tadi.

Subseksyen 22(3) tidak boleh dimaksudkan bahawa seseorang dimaafkan walaupun melanggar peruntukan ini. Peruntukan ini memberi budibicara kepada Securities Commission untuk memberikan pelepasan kerana keperluan mengikut ataupun wujud dalam sesuatu keadaan yang tertentu iaitu kita melihat daripada satu tahap fleksibiliti, malah penting di sini dalam aktiviti-aktiviti pasaran modal supaya undang-undang tidak terpakai di dalam keadaan yang sewajarnya, jadi kita boleh fleksibel dalam keadaan-keadaan tertentu. Kalau misalnya dia memberikan

penerangan secara sah, *good faith* dan sebagainya, itu akan bergantung kepada budibicara Securities Commission yang saya katakan tadi.

Dato' Dr. Chin juga mengatakan perkataan "mengelirukan" dalam seksyen 55 yang dicadangkan perlu diubah kerana ia membuat maksud "confusing". Dalam konteks rang undang-undang ini, perkataan mengelirukan adalah mencerminkan perkataan Inggeris "misleading" tadi yang dikatakan dan takrif ini akan digunakan bagi maksud penguatkuasaan undang-undang. Jadi, kebanyakannya apabila diperkatakan sesuatu itu bukan sahaja "confuse" tetapi yang pertama dia hendak "mislead". Ini yang penting.

Satu lagi yang diperkatakan ialah mengenai seksyen 27 pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti memberi kuasa kepada seorang pelabur untuk mengambil tindakan sivil sekiranya mengalami kerugian atau ke hilangan disebabkan oleh apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan yang terkandung dalam satu prospektus dan selain daripada tindakan yang boleh dibawa oleh seseorang pelabur sendiri di bawah seksyen 7 Akta, pihak Sekuriti juga boleh membawa tindakan jenayah di bawah seksyen 25. Ini telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Hassan Shukri tadi.

Tindakan sivil di bawah seksyen 155 untuk menuntut kerugian atau kehilangan oleh pihak yang mengeluarkan kenyataan yang palsu atau mengelirukan (misleading) dalam prospektus bagi pihak yang mengalami kerugian tersebut. Selain daripada itu, Securities Commission juga sedang mengambil langkah-langkah untuk mengadakan seminar-seminar untuk mempertingkatkan keupayaan, kesedaran dikalangan pelabur-pelabur termasuk pelabur-pelabur kecil dan juga pelabur-pelabur institusi berkenaan dengan hal ini supaya mereka tidak *dimislead* ataupun ditipu.

Akhir sekali, Dato' Chin telah pun menanyakan tentang seksyen 132(9) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa tiada prosiding yang boleh dikenakan atau diteruskan terhadap kerajaan, pegawai-pegawai Imigresen, pegawai Securities Commission berkenaan apa-apa yang dilakukan di bawah seksyen ini. Oleh kerana tindakan Securities Commission untuk menahan passport sepertimana yang dikatakan oleh Datuk Zainudin tadi atau dokumen perjalanan seseorang boleh menyebabkan tindakan dibawa terhadap Sekuriti ataupun pegawai yang terlibat dalam penahanan tersebut, maka perlindungan harus diberi kepada mereka yang menjalankan kuasa dengan *good faith*, suci hati di bawah peruntukan ini.

Sepertimana yang saya katakan tadi, saranan Dato' Abdul Aziz oleh kerana pegawai-pegawai penyiasat merupakan pegawai undang-undang, bukan sahaja daripada Securities Commission tetapi juga ada *secondment* pegawai undang-undang kita daripada Peguam Negara, maka kita harapkan bahawa *good faith* ini akan dapat kita pertahankan. Diperhatikan juga bahawa seksyen 160, Akta Suruhanjaya Sekuriti memerlukan bahawa seseorang yang bertindak di bawah akta ini harus bertindak secara *good faith* ataupun suci hati.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 merupakan pindaan sampingan kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Ini merupakan *consequential* sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pindaan-pindaan ini adalah perlu untuk menentukan bahawa takrif

“perniagaan pengurusan kumpulan wang niaga hadapan” merangkumi tawaran untuk memohon beli atau membeli atau pelawaan untuk mohon beli atau membeli unit dalam skim pelaburan yang ditetapkan. Selain daripada itu, takrif baru “pelaburan yang ditetapkan” dan “skim pelaburan yang ditetapkan” perlu dimasukkan.

Pindaan ini juga perlu untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan penguatkuasaan yang kini terdapat dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dengan peruntukan-peruntukan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Oleh kerana pihak Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 diberikan kuasa untuk menyiasat mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, dicadangkan supaya Bahagian VIII, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dikeluarkan.

Fasal 4 Rang Undang-undang untuk mengeluarkan subseksyen 93(2) Akta adalah perlu setelah mengambil kira keputusan mahkamah dalam kes *Repco Holdings Bhd. v Pendakwa Raya* [1997] 3 MLJ 681. Kes ini telah memutuskan bahawa peruntukan yang sama dalam kes Akta Suruhanjaya Sekuriti yang telah dipinda sejak keputusan tersebut adalah tidak sah menurut Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana menurut Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Acara Jenayah, hanya Pendakwa Raya yang boleh memberi kuasa kepada seseorang untuk mengendalikan sesuatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato’ Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

4.39 ptg.

Dato’ Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya pun faham bahawa ini hanya *consequential* daripada apa yang kita telah luluskan tadi tetapi komen saya hanyalah versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris tidak sama. So, saya dapati di Fasal 2 Bahasa Malaysia ada tiga bahagian, di Bahasa Inggeris hanya ada dua

bahagian, ketinggalan satu. (a) dan (b) sudah terbalik. So, saya minta ini diberi perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustaffa.

4.40 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk bangun bersama-sama dengan rakan membahaskan satu Akta Perindustrian Niaga Hadapan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah merupakan satu siri tambahan kepada Rang Undang-undang Akta Sekuriti tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana dalam masa seminggu ini saya tidak ada di Dewan yang mulia ini kerana bersama-sama dengan rakan di IPU, di Jordan. Dalam kesempatan pada petang ini kita faham bahawa Akta Sekuriti amat penting dalam negara kita memandangkan walaupun kita memperketat dan memperkemaskinikan Rang Undang-undang akan tetapi terdapat juga ruang-ruang yang boleh dapat dilalui oleh orang-orang ataupun syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan sekuriti. Sebagai contoh, baru sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi contoh satu syarikat yang menjalankan perniagaannya tanpa izin dia mempertahankan hak dia, kata dia, 'saya dah daftar dan saya juga mendapat kebenaran' tetapi apa yang dilakukan jelas melanggar Akta Perindustrian Sekuriti kita. Dengan hal yang demikian, saya rasa Rang Undang-undang ini amat penting bagi diri kita bagi menentukan arah tuju ke manakah Akta Sekuriti ini untuk dibawa.

Berbagai kesalahan sebagaimana yang telah sudah kadang-kadang kita rasa kecil hati dan rasa kecewa apabila terdapat para usahawan dan para peniaga di dalam negara ini mempergunakan kelemahan-kelemahan di dalam Akta kita untuk mendapatkan kepentingan diri sendiri. Sebagai yang telah sudah saya beritahu Dewan yang mulia ini terdapat dua tiga tokoh-tokoh ahli korporat yang terkemuka di dalam negara yang mana yang telah pun dikeluarkan waran tangkap tapi sehingga hari ini belum ditangkap. Malah mereka bersenang lenang di luar negara dan membina istana di dalam negara dan di monitor, dengan izin, pada tiap-tiap minggu.

Saya ingin bertanya pada Dewan yang mulia ini bagaimanakah perkara ini boleh berlaku. Apakah tugas-tugas kita sebagai kerajaan bagi membanteraskan, bagi menyelesaikan masalah ini. Kes ini saya rasa waran ini tertunggak sudah hampir

setahun, masih belum dapat diselesaikan. Apakah salahnya di pihak berkuasa memikirkan satu cara yang baik, menghantar intelligent-intelligent kita ke luar negara, di mana mereka ini duduk. Ambil mereka dan bawa mereka pulang dan kita hadapkan ke mahkamah supaya pemegang-pemegang saham dalam syarikat yang berkenaan berpuas hati. Inilah satu tindakan yang tegas yang perlu kita ambil.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingin membincangkan Akta Sekuriti ini atau Perindustrian Niaga Hadapan ini memang panjang dan lebar yang perlu kita perbincangkan pada petang ini. Walau bagaimanapun, saya lihat Rang Undang-undang lain banyak lagi di atas meja kita ini masih belum diperbincangkan. Saya hanya mengambil kesempatan ini sedikit masa sahaja untuk memperbahaskan Akta Sekuriti ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa negara kita sekarang telah pun boleh dikatakan sudah hampir terlepas daripada gangguan-gangguan ataupun keruntuhan ekonomi dalam negara kita. Petunjuk angka kita, KDNK kita amat memuaskan dari tahun ke setahun malah negara luar juga ada yang memberi penghormatan kepada kita atau pujian bahawa kita berjaya mengatasi masalah kegawatan ekonomi dalam negara.

Baru-baru ini sewaktu masa berehat dalam persidangan IPU saya berkesempatan berjumpa dengan rakan-rakan Ahli Parlimen daripada Rusia dan juga negara-negara lain, dari Caribbean dan sebagainya. Malah Rusia sekarang dia memberitahu kami dia berminat untuk mengikuti cara-cara negara kita menangani masalah-masalah kegawatan ekonomi dan mereka sendiri, secara terus terang memberitahu kita bahawa mereka amat kecewa dengan sikap IMF yang menyebabkan ekonomi Rusia bertambah teruk dan juga rakan-rakan kita di Indonesia juga merasakan tekanan IMF ini amat sangat dan mereka memberitahu saya, amat sukar untuk dalam masa sesingkat ini untuk memulihkan negara mereka daripada kegawatan ekonomi. Syukur kita kepada hadrat Allah S.W.T dengan adanya pemikiran-pemikiran Menteri Kewangan dan juga Timbalan dan juga ahli-ahli Menteri Kabinet, ekonomi negara telah pun melangkah ke satu arah yang baik. Insya–Allah, tahun akan datang saya rasa tahun 2001 kita akan balik ke asas yang lama yang mana ekonomi kita mantap yang pendapatan KDNK kita pada 7.5% ataupun 8%.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Aziz.

4.45 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan sungguhpun ianya merupakan consequential kepada Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti, kita juga ingin menyatakan di sini bahawa perlunya kerajaan memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti perdagangan KLOFFE, COMMEX dan sebagainya ini kerana saya setelah meneliti laporan mendapati bahawa kita dapati setelah kita mengadakan kawalan mata wang yang terpilih pada bulan September 1998, kita dapati penglibatan penyertaan pelabur-pelabur asing menurun menjunam sehinggakan saya diberitahu demografi pasaran sekarang ini menunjukkan hanya sistem bank yang wujud di negara kita secara keseluruhannya mengambil bahagian yang begitu tinggi iaitu 93.9% dan dulu pada tahun 1998 hanya 51% kerana waktu itu penyertaan pelabur-pelabur asing meningkat tinggi yang kini menjunam kepada 1.2% saya rasa pada tahun 1999, sejak langkah kawalan tukaran terpilih pada 19 September 1998. Tapi walau bagaimanapun, kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dengan seperti biasa dengan inisiatif yang kreatif menubuhkan Designated External Account (DEA) pada bulan Januari untuk rakyat asing berdagang dalam bursa derivatif tempatan di mana mereka boleh berniaga tanpa halangan dari segi penghantaran keluar modal dan keuntungan.

Kita mengharapkan untuk meningkatkan kecairan di negara ini perkara semacam ini menarik balik pelabur-pelabur asing untuk menyertai KLOFFE dan juga future commodity (COMMEX), Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia di mana ianya merupakan satu lagi usaha kerajaan untuk memperluaskan bidang-bidang punca dana kewangan dan kita juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengizinkan syarikat-syarikat insurans mengambil bahagian di dalam bidang perniagaan ini.

Saya ingin bertanya, kalau sekiranya kita mempunyai dana kewangan yang begitu tinggi dan kecairan yang begitu tinggi, saya tengok dari segi Rang Undang-undang yang baru kita luluskan, ianya semata-mata nak meningkatkan kecairan di negara kita di mana pelepasan dari segi cukai dipertingkatkan daripada RM5,000 kepada RM8,000 dan banyak lagi pelepasan-pelepasan yang dibuat dan dari segi nisbah savings atau simpanan wang, kita merupakan negara yang tertinggi jugalah

menyimpan wang selain daripada wang caruman KWSP pukol rata antara 39% ke 41% daripada pendapatan kita yang kita simpan. Ini merupakan tinggi tapi peningkatan macam dikatakan KLOFFE ianya pada satu ketika mempunyai kontrak yang banyak. Saya difahamkan pada tahun 1999 sahaja 436,678 kontrak yakni berkurangan sebanyak 43% kalau dibandingkan sebelum kawalan tukaran wang.

Jadi kita hendakkan kalau boleh pihak kerajaan mengkaji pewujudan pasaran ini siapa dia, adakah ianya tertumpu kepada RHB Bank Berhad sahaja, BSN Commercial Bank bercantum dengan Perwira Affin Bank, Standard Chartered Bank, Commerce International Merchant Bankers atau siapa. Adakah kita nak memperluaskan lagi syarikat-syarikat yang nak digabungkan sekarang ini iaitu penggabungan bank, penggabungan syarikat insurans, penggabungan syarikat-syarikat broker saham, semuanya ini ke arah untuk nak mewujudkan, mengemaskinikan dari segi pengurusan dana-dana ini.

Jadi, kalau ini kita buat, izinkan mereka melibatkan diri secara direct, secara langsung untuk mengambil bahagian di dalam CLOB dan juga Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia, kerana kita juga Tuan Yang di-Pertua, merupakan sebuah negara yang memang termasyhur dari segi pengeluaran minyak sawit misalnya yang tahun 1999, saya diberitahu RM10 juta tan metrik kita keluarkan dan ianya meningkat daripada tahun 1998, RM8.1 juta tan metrik. Ini dengan harga yang tertinggi RM2,246 setan metrik. Ini tentu sahaja memberi peluang untuk meningkatkan kontrak-kontrak dari segi pembelian menerusi COMDEX Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia, di mana daripada tahun 1999 sungguhpun ianya meningkat 10.3% daripada tahun 1998 kepada tahap 389,933 kontrak tetapi mengikut pecahan demografi pasaran, orang asing hanyalah 12% sahaja, iaitu menurun daripada tahun 1998 - 25%.

Soalnya sekarang, kita kena tarik balik penglibatan pelaburan asing ke pasaran kita menjadikan demografi pasaran kita lebih meluas bukan sahaja mendalam tetapi meluas. Untuk itu pihak kerajaan terpaksa memikirkan, membuat lebih lagi *road show* pasaran. Kalau dahulu saya pernah menyatakan di sini supaya kerajaan apabila mewujudkan Majlis Syariah misalnya, menentukan saham-saham di mana kini mungkin 566 saham-saham yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah disahkan sebagai halal untuk orang-orang Islam dan dana-dana Islam melabur. Sepatutnya kita pergilah buat *road show*, satu kumpulan yang pandai-pandainya

pergilah mengikuti bukan sahaja Menteri Pelancongan, kita buat sendiri. Menteri Pelancongan sudah sampai ke sana. Saya dengar seluruh negara-negara Timur Tengah ia sudah melawat untuk menarik pelancong-pelancong. Kita pergi hendak menarik kewangan untuk mereka melabur kerana kita merupakan sebuah negara yang telah pun mendeklamasi kepada dunia yang kita wujud saham-saham yang berpaksi kepada nilai-nilai Islam – hukum syariah kita patuhi, 566 syarikat-syarikat besar ini yang tersenarai di BSKL.

Jadi, kita terpaksa membuat *road show*. Saya cadangkan kalau sekiranya Setiausaha Timbalan Menteri Kewangan besok, panggillah kita dua, tiga, empat orang ini pergi mengikut *road show* bersama-sama dengan suruhanjaya. Saudara, Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal yang baru balik dari Amman. Dia kenal ramai orang di sana, orang di Jordan menerusi Mesyuarat IPU baru-baru ini dan saya hendak ucapkan tahniah kepada ketua rombongan kita yang terpilih menjadi Presiden kepada Committee Pertama, Inter Parliamentary Union (IPU). Ini bagus, menonjolkan nama kita, melibatkan secara aktif.

Jadi, tidak mungkin pula kita tidak boleh buat perkara seperti *road show* ini. Saya tidak tahu adakah pihak kerajaan sudah buat *road show* dan melibatkan dua, tiga orang Senator, Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat? Kita hendak ikut sama, kita hendak memahami juga, barulah boleh berbahas dengan secara minda yang lebih luas, minda global. Ini kita pergi balik kampung, duduk pergi mengail, pergi tengok orang memotong getah, macam mana minda ini hendak diperluaskan. Jadi, tolonglah pihak kerajaan timbangkanlah supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, ambil dua, tiga, empat orang menyertai rombongan-rombongan ini supaya kita juga mengadakan interaksi, bertukar fikiran dengan pelabur-pelabur, orang-orang Arab ini dan kalau kita perlu orang cakap Arab kalau tidak cukup Kerajaan Barisan Nasional kita panggil juga sahabat kita di hadapan saya ini, Ustaz Hassan bin Haji Shukri, bawa ia bersama tidak menjadi masalah kerana ini adalah satu jihad bagi menentukan maruah dan martabat kewangan Islam di negara kita ini dapat kita capai dengan bangganya termasuklah peniaga hadapan yang kita bincangkan hari ini.

Jadi, COMMEM dan CLOB ini patut kita pertingkatkan lagi dari segi penglibatan pelabur asing kerana ianya telah menurun sejak wujudnya kawalan terpilih mata wang pada September 1998.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, rombongan-rombongan itu elok sekali kita buat kerana kecairan domestik kita sudah meningkat. Indeks pasaran Morgan Stanley Capital International pun akan mengambil Malaysia ke dalam ruangnya dan sentimen penarafan antarabangsa seperti yang saya nyatakan dahulu, *Standard and Poor*, apa lagi dua, tiga, empat

Timbalan Yang di-Pertua: Morgan Stanley.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Morgan Stanley - tidak ini yang penarafan, yang beri kita sekarang ini daripada stable ke positive apabila kita lancarkan bond kita USD1 bilion baru-baru ini ianya begitu success sungguhpun tahap paras faedah di Amerika meningkat tinggi, tetapi kita berjaya mendapatkan USD1 bilion untuk kegunaan pembangunan di negara kita.

Jadi, semuanya ini dan penarafan di peringkat negeri kita sendiri, Rating Agency Malaysia (RAM) patut diperkukuhkan lagi dan diantarabangsakan dan juga penganalisa, penganalisis saham di negara kita ini. Saya perhatikan dahulu penganalisis negara kita ini - saham ini, yang muda-muda ini ia ikut sahaja apa yang dibuat oleh Dow Jones, apa yang dibuat oleh pengurus-pengurus dana antarabangsa, sepatutnya kita pro-aktif. Kita menjadi *market maker*, kerana kita sepatutnya mengetahui benar-benar apa yang berlaku. Ini kalau kita ikut, orang sana ada agenda, penarafan antarabangsa dunia ini ada agenda tertentu terutama pada waktu kita cemas-cemas terjerumus dengan angkara Soros yang kini mengaku kalah, kita cemas-cemas terjerumus.

Jadi penganalisa kita pun, penganalisis-penganalisis saham, pengurus-pengurus dana di sini pun terikut-ikut cara mereka. Jadi, saya amat bergembira kerana Suruhanjaya Sekuriti pun mempunyai satu pusat latihan untuk mendedahkan. Jadi, saya ingat selain daripada mendedahkan pelabur-pelabur kecilan (retailers) ini, macam kita ini yang runcit-runcit ini ambil pula, beri pula tahu kepada penganalisis-penganalisis antarabangsa kita dan pihak kerajaan buatkan satu program mereka ini bertukar-tukar pergi ke Morgan Stanley, Goldman Sach kah, bertukar-tukar supaya mereka dapat pendedahan.

Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam era globalisasi ini, kawan taulan - kenalan - networking, itu yang lebih penting. Jadi, kalau kita main telefon tidak tahu siapa yang kita bercakap di New York ataupun di London, kita tidak tahu, jadi kita tidak ada hubungan rapat. Jadi, untuk menentukan pasaran Malaysia ini, baik pasaran

hadapan mahupun pasaran belakangan, kita sepatutnya mempunyai networking antarabangsa. Biarlah pengurus-pengurus, jangan minta peringkat Pengerusi sahaja, ini sekarang ini Pengerusi pergi sana, pergi sini, saya hendakkan the workers - orang-orang yang bertanggungjawab yang menentukan turun-naiknya harga saham ini, pengurus-pengurus dana di syarikat-syarikat di Malaysia, hantar mereka ke New York, hantar mereka ke London. London sekarang Tuan Yang di-Pertua, sudah bergabung dengan Frankfurt, jadi kita hantar ke Frankfurt, Paris, Tokyo.

Tadi, saya sebutkan dana-dana kewangan ini mempunyai penasihat-penasihat KWSP ada, tetapi sekarang ini kita hendak hantar anak-anak kita supaya mereka dapat didedahkan dengan tahap perniagaan yang sofistikated. Ini derivative ini amat sofistikated sehinggakan ramai yang terjerumus seperti terjerumusnya Baring di Singapura dan Soros sekarang ini kita minta dia terjerumuskan juga pasal dia pun hendak menjerumuskan kita dan seolah-olah terjerumus. Jadi, ini sepatutnya kerajaan kena buat, proaktif, beri peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat masuk kira dalam rombongan-rombongan terutama sekali kepada dunia Islam, OIC ini banyak duitnya tetapi duitnya digunakan kepada benda lain. Jadi, gunakanlah untuk berniaga antara kita sama kita, pasal kita sudah wujud saham-saham Islam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Tuan Mustaffa dan juga Yang Berhormat Dato' Aziz, yang telah membincang mengenai Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2000 ini.

Saya tertarik dengan pengamatan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin mengenai terdapat tiga bahagian dan dua bahagian di antara versi Bahasa Inggeris dan juga versi Bahasa Malaysia. Kalau kita lihat pindaan kepada Seksyen 2 adalah pindaan kepada definition seksyen dari ini disusun mengikut abjad. Jadi, dalam teks bahagian Inggeris pindaan kepada prescribed investment dan prescribed investment scheme adalah berikutan mengikut abjad ataupun kita katakan dengan izin, follows each other in alphabetical order. Tetapi dalam teks bahasa Malaysia takrif "pelaburan yang

ditetapkan” dan takrif “skim pelaburan yang ditetapkan” terdapat di dua tempat yang berasingan. Oleh sebab itu terdapat tiga perenggan dalam teks bahasa Malaysia dan hanya dua perenggan dalam teks bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Senator Mustafa Kamal telah pun menerangkan tentang kebanggaan kita sebagai rakyat Malaysia bagaimana kita dapat mengatasi masalah-masalah ekonomi mengikut acuan kita sendiri. Perkara ini telah pun juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato’ Aziz dan juga Yang Berhormat Datuk Zainuddin Maidin dalam perbahasan tentang akta yang pertama tadi. Cuma masalah tentang penangkapan dan kes yang dibentangkan telah juga saya jawab tadi sebelum Yang Berhormat masuk. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan, kes-kes dalam pendakwaan setakat 31 Disember 1998 adalah terdiri daripada 15 kes kesemuanya dan ini bergantung kepada seksyen-seksyen yang berkenaan seperti katakan 13 Mei 1999, Yong Kor Fah, seksyen 41(1) (a), SIA 1983 lima belas pertuduhan membabitkan 30 lot saham dan juga seksyen 41, 50 lot saham Sunrise Berhad oleh Kok Chu Hung dan sebagainya. Ini banyak saya tengokkan ialah mengenai seksyen 41 dan juga seksyen 87 (a) dan 87 (b).

Mengenai networking yang dikatakan oleh Dato’ Aziz tadi dalam penangkapan seperti mana yang saya katakan tadi akta kita Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) ini membolehkan kita dapat membuat secara proaktif supaya pasport dapat segera ditarik balik ataupun disekat sebelum mereka keluar negara. Kadang-kadang saya katakan apabila mereka dapat mendengar yang perkara ini hendak dijalankan, mereka sudah lari dulu daripada kita membuat pendakwaan. Jadi sebelum apa-apa pendakwaan tidak boleh kita hendak menangkap mereka kerana mereka sudah tahu dan mereka telah pun meninggalkan negara ini. Walau bagaimanapun, kita akan berhubung kepada negara-negara yang mempunyai bi-relation dan multi-relation dengan kita supaya dapat kita menggunakan agensi-agensi yang ada seperti Interpol dan sebagainya untuk membantu kita.

Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz telah pun menyarankan bahawa kecairan amat tinggi di negara kita selain daripada kita mengadakan bon dan sebagainya dan banyak penganalisa pasaran telah berjumpa dengan kita di Kementerian Kewangan supaya dapat kita menjual bon lagi. Tetapi buat masa ini seperti mana kata Dato’ tadi bahawa kecairan kita tinggi, penyimpanan kita pun tinggi 40% dan dengan adanya pula lagi kerajaan bercadang dan telah berjanji untuk memberikan 10% kepada

pegawai-pegawai kerajaan menambah gaji mereka, kemungkinan selepas diluluskan Belanjawan hari itu, akan kita cuba melihat bahawa 10% ini akan kita bagi kepada pegawai kerajaan pada selewat-lewatnya bulan Julai selepas menerima mohor Yang di-Pertuan Agong luluskan Rang Undang-undang itu sebagai Rang Undang-undang dan dibagikan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membuat circular dan sebagainya. Kita harapkan private consumption ini akan bertambah. Dengan cara ini dapat kita membangunkan ekonomi kita dan dapat kita memeriahkan lagi supaya negara kita akan dapat maju dan juga bila ada private consumption yang banyak dapat orang membeli dan membeli-belah dan aktiviti-aktiviti perniagaan akan pulih subur.

Mengenai KLOFFE yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mengapakah penyertaan asing merosot selepas dikenakan kawalan pertukaran asing. Jadi apabila kawalan pertukaran asing seperti mana dikatakan tadi oleh Dato' Aziz kebanyakan peserta asing telah tidak aktif atau menarik penyertaan mereka kerana ketidakpastian dan ketidaktentuan kesan-kesan kawalan tersebut. Walau bagaimanapun, penyertaan pelabur asing didapati secara perlahan-lahan kembali ke pasaran komoditi kita.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, sejak penubuhan KLOFFE pada 1995 Suruhanjaya telah menumpukan usaha untuk membangunkan terus pasaran derivative dan oleh itu penekanan diberikan kepada pengenalan produk tambahan yang akan meningkatkan kecairan dan kelompok kritikal yang menjadi pokok kejayaan bagi mana-mana pasaran niaga hadapan. Suruhanjaya sejak tahun lepas terbabit dalam perbincangan dengan industri untuk menimbang bagaimana cara yang terbaik untuk menarik jumlah pembuat pasaran yang mencakupi berhubung cadangan *option index* bagi menyediakan suatu bentuk kecairan kita. Suruhanjaya juga meneruskan usaha meningkatkan penyertaan institusi dalam pasaran niaga hadapan dan adalah dijangkakan bahawa lebih banyak lagi syarikat insurans akan turut terbabit dalam pasaran niaga hadapan.

Garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 30 Ogos 1999 akan mengizinkan syarikat insurans untuk mengambil bahagian dalam derivative termasuk pertukaran kadar faedah, pertukaran kadar hadapan, kadar faedah, *caps and collars* dan derivative yang didagangkan di bursa telah membuka satu lagi jenis institusi kepada industri niaga hadapan. Selain itu Suruhanjaya juga memperhatikan bahawa daripada tujuh pengurus dan dana niaga hadapan yang

dilesenkan sejak pindaan kepada undang-undang 1997 satu aktif yang berjaya membabitkan diri dalam aktiviti berteraskan indeks. Ini juga menandakan satu peningkatan terhadap kecanggihan dalam institusi ini.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya dan pihak industri sedar bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan penyertaan dalam pasaran domestik dan juga Dato' Aziz menyatakan pasaran modal Islam tadi. Dan sekiranya Securities Commission hendak memajukan lagi derivative dan pasaran modal Islam ini, insya-Allah, kita akan kemukakan cadangan Yang Berhormat Dato' agar Yang Berhormat daripada Dewan Negara ini juga dijemput untuk sama-sama mengunjungi dalam rombongan berkenaan dan insya-Allah, dengan perkara itu nanti keterbukaan itu lebih dapat dirasakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang ini.”

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang ini.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 merupakan pindaan sampingan kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 seperti juga rang undang-undang tadi, ini merupakan consequential.

Pindaan-pindaan ini adalah perlu kerana rujukan kepada peraturan-peraturan Suruhanjaya Sekuriti, Sekuriti Amanah Saham 1996 yang dibuat di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) terpaksa diubah untuk mencerminkan rejim baru yang mana peruntukan peraturan-peraturan tersebut akan dimasukkan ke dalam Penggal 5 Bahagian IV Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan peraturan-peraturan tersebut akan dengan sendirinya dimansuhkan.

Pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 juga merupakan susulan kepada pindaan yang telah dicadangkan kepada peruntukan-

peruntukan penguat kuasa dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Pindaan di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan penguatkuasaan supaya peruntukan penguatkuasaan yang utama ditempatkan dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Oleh yang demikian, beberapa seksyen yang terlibat iaitu seksyen 62, seksyen 63(4), seksyen 64 dan 55 dicadangkan supaya dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.14 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli-ahli Dewan faham sekali dengan akta yang hendak dipinda ini dan kita ucapkan tahniahlah kerana mengemaskinikan sebenarnya Akta Sekuriti Suruhanjaya, semuanya ini adalah akta-akta yang hendak dipinda sebagai sampingan. Tahniah kepada pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK
SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU 2000**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan reka bentuk susun atur litar bersepadu di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1994 negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) termasuk Malaysia telah menandatangani satu perjanjian yang dinamakan Agreement on Trade Related Aspect of Intellectual Property Rights nama singkatnya TRIPS, bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai harta intelek di kalangan negara-negara ahli WTO. Bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah perjanjian TRIPS itu semua perundangan berkaitan dengan harta intelek perlu dikemaskinikan termasuk pengubalan satu akta baru iaitu Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu adalah merupakan unsur-unsur litar bersepadu yang disusun atur dan disediakan dalam bentuk tiga dimensi untuk tujuan pengeluaran. Ia merupakan produk yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu fungsi elektronik, misalnya dalam menggerakkan fungsi sesuatu komputer. Pada masa ini negara kita telah sedia mempunyai industri Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu. Malah Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara pengeksport utama semiconductor chips di mana komponen utamanya adalah Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu. Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu adalah penting bagi memastikan perkembangan industri berteknologi tinggi khususnya bagi menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 yang dicadangkan secara keseluruhannya mempunyai 33 Fasal dan dibahagi kepada enam bahagian seperti berikut:-

Bahagian I, mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan Permulaan. Bahagian ini mempunyai empat fasal mengenai tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa, tafsiran, pemakaian dan penetapan negara yang layak.

Bahagian II, mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan perlindungan reka bentuk susun atur. Bahagian ini mempunyai empat fasal bagi mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai reka bentuk susun atur yang dilindungi, orang yang layak mendapat perlindungan, pemegang hak reka bentuk susun atur dan tempoh perlindungan. Bahagian ini menetapkan bahawa perlindungan akan diberi kepada reka bentuk susun atur yang bersifat asli, hasil daripada usaha intelek pencipta sendiri. Dicipta secara bebas dan tidak menjadi pengetahuan umum atau common place dengan izin di kalangan pencipta reka bentuk dan pengeluar susun atur litar bersepadu semasa ia dicipta. Tuan punya suatu reka bentuk susun atur ialah penciptanya.

Bagi suatu reka bentuk susun atur yang telah dicipta ekoran daripada tempahan oleh seseorang, tuan punya reka bentuk tersebut ialah orang yang menempahnya.

Bagi suatu reka bentuk susun atur yang telah dicipta dalam masa bekerja seseorang penciptanya, tuan punya reka bentuk itu ialah majikan pencipta tersebut.

Kalau suatu reka bentuk susun atur itu dipunyai oleh lebih daripada seorang, sebarang rujukan kepada tuan punya dalam akta ini merujuk kepada kesemua tuan punya. Apabila timbul keperluan untuk mendapatkan kebenaran, kebenaran tersebut hendaklah diperolehi daripada semua tuan punya.

Bahagian ini juga menetapkan bahawa suatu reka bentuk susun atur akan dilindungi selama 10 tahun dari tarikh reka bentuk susun atur itu mula-mula dieksploitasikan secara komersial atau selama 15 tahun dari tarikh reka bentuk susun atur tersebut dicipta jika ianya tidak dieksploitasikan secara komersial.

Bahagian III, mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak berhubung dengan reka bentuk susun atur dan pelanggaran. Bahagian ini mempunyai sepuluh fasal bagi mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai hak pemegang hak, pelanggaran, perbuatan yang bukan pelanggaran, pelanggaran tidak salah, tindakan atas pelanggaran, had masa tindakan, perintah bagi penyerahan, perintah bagi pelupusan, anggapan perlindungan dan keterangan afidavit.

Bahagian ini memperuntukkan hak tuan punya atau pemegang hak untuk mengeluarkan semula dan memberi kebenaran bagi mengeluarkan semula serta mengeksploitasikan secara komersial dan memberi kebenaran bagi pengeksplotlah secara komersial reka bentuk susun aturnya. Tindakan membuat perlakuan yang dinyatakan di atas tanpa kebenaran tuan punya atau pemegang hak adalah satu pelanggaran.

Walau bagaimanapun, beberapa pengecualian diberikan dan ini termasuklah pengeluaran semula mana-mana bahagian reka bentuk susun atur yang tidak asli. Pengeluaran semula untuk tujuan persendirian dan pengeluaran semula hanya untuk tujuan membuat penilaian, analisis, penyelidikan dan pendidikan. Apabila berlaku pelanggaran, tuan punya reka bentuk susun atur boleh mengambil tindakan untuk mendapatkan relief dengan cara ganti rugi, injunction atau akaun atau relief lain yang Mahkamah Tinggi fikirkan wajar. Sebarang tindakan pelanggaran di bawah akta yang dicadangkan ini hendaklah dibuat dalam masa enam tahun dari tarikh pelanggaran itu berlaku.

Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa dalam sebarang tindakan bagi menguatkuasakan hak tuan punya reka bentuk susun atur, bukti boleh dikemukakan dengan cara affidavit. Pihak yang dituduh boleh menyoal balas pembuat affidavit tersebut. Mahkamah Tinggi diberi kuasa untuk menetapkan kos terhadap pihak plaintif atau yang dituduh dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan urusan mengenai hak reka bentuk susun atur. Bahagian ini mempunyai empat fasal bagi mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai penyerahhakkan dan pelesenan hak masa depan pemegang lesen eksklusif dan perjalanan hak bersama. Bahagian ini menetapkan bahawa hak dalam suatu reka bentuk susun atur adalah hak persendirian dan ianya boleh dipindah milik secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan cara penyerahhakkan lesen, pemberian wasiat dan kuat kuasa undang-undang.

Apabila terdapat perjanjian berkaitan dengan hak masa hadapan, suatu reka bentuk susun atur yang ditandatangani oleh bakal tuan punya, hak tersebut hendaklah terletak kepada penerima hak atau warisnya. Bahagian ini juga memberi perlindungan kepada pemegang lesen eksklusif di samping memperuntukkan pelaksanaan atau perjalanan hak tuan punya dan pemegang lesen eksklusif jika hak

ke atas reka bentuk susun atur itu merupakan hak bersama iaitu dengan izin, concurrent rights.

Bahagian V, mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam dan pelesenan wajib. Bahagian ini mempunyai lapan fasal bagi mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam, ruang lingkup dan jenis penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam. Kewajipan untuk memberitahu pemegang hak mengenai penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam, hak menerima saraan untuk penggunaan bagi maksud bukan perdagangan awam, lesen wajib, ruang lingkup dan jenis lesen wajib dan kuasa Mahkamah Tinggi untuk menamatkan lesen wajib.

Bahagian ini menetapkan bahawa suatu perlakuan yang dibuat oleh kerajaan atau orang yang dibenarkan oleh Menteri berkaitan dengan suatu reka bentuk susun atur yang dilindungi adalah tidak melanggar hak tuan punya reka bentuk tersebut jika perlakuan itu dibuat untuk tujuan awam yang bukan komersial dan diberi kebenaran secara bertulis oleh Menteri.

Perlakuan itu hendaklah bukan eksklusif. Tidak boleh diserahkan hak, terhadap kepada tujuan bukan perdagangan, terhadap dalam negara ini sahaja dan tertakluk kepada syarat-syarat kebenaran. Jika perlakuan tersebut telah dibuat, kerajaan atau orang yang dibenarkan oleh Menteri hendaklah memaklumkan tuan punya akan penggunaan reka bentuk susun aturnya. Sejumlah pampasan seperti yang dipersetujui di antara kerajaan atau orang berkenaan dengan tuan punya hendaklah dibayar kepada tuan punya. Jika perjanjian tersebut tidak dipatuhi, nilai pampasan itu hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Tinggi.

Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa seseorang boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan lesen wajib bagi mengeluarkan atau mengeksploitasi suatu reka bentuk susun atur yang dilindungi atas alasan tiada pengeluaran atau pengeluaran reka bentuk susun atur tersebut atau artikel yang mengandungi reka bentuk susun atur itu tidak mencukupi atau dijual dengan harga yang tidak berpatutan, tanpa sebab yang munasabah tertakluk kepada bayaran pampasan yang mencukupi. Lesen wajib itu hendaklah bukan eksklusif, tidak boleh diserahkan hak dan tertakluk kepada bayaran pampasan yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi. Lesen wajib tersebut boleh ditamatkan oleh Mahkamah Tinggi

atas permohonan daripada mana-mana pihak yang berkepentingan setelah Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa alasan lesen itu diberikan tidak lagi wujud.

Bahagian VI, mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan pelbagai Bahagian ini mempunyai tiga Fasal bagi mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi, peraturan-peraturan dan kecualian. Bahagian ini menetapkan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa berhubung dengan semua tindakan dan permohonan di bawah akta ini serta kuasa untuk mengeluarkan apa-apa arahan atau membuat apa-apa perintah berhubung dengan apa-apa tindakan atau permohonan berkenaan. Bahagian ini juga menetapkan bahawa Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu ini di samping perlu bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah perjanjian TRIPS, juga penting bagi melengkapkan lagi sistem perundangan dalam bidang harta intelek di negara ini. Ia juga akan memberi perlindungan yang mencukupi kepada reka bentuk susun atur litar bersepadu tempatan dan seterusnya menggalakkan perkembangan industri berteknologi tinggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perindustrian reka bentuk susun atur litar bersepadu di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Mustaffa Kamal.

5.34 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan syabas kepada kementerian yang telah mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini satu Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Kita lihat di sini ada enam Bahagian yang telah dicadangkan bermula dengan Bahagian I, II, III, IV sampai VI.

Apabila saya teliti rang undang-undang ini amat baik bagi melindungi hak cipta. Kita lebih maklum di dalam keadaan dunia yang penuh dengan pelbagai ragam

manusia, apabila kita mencipta satu-satu benda terutama dari segi reka bentuk elektronik, komputer dan sebagainya, apabila kita cipta dan kita buat pengeluaran pada masa ini saya rasa dalam masa seminggu sahaja ataupun sebulan akan terdapat tiruan-tiruan daripada pengusaha-pengusaha yang lain. Kita tidak perlu sebutkan nama-nama jiran kita. Apabila sebulan sahaja kita buat, sebagai contoh, Protonlah, kita tidak usahlah berbincang tentang komputer dahulu ataupun hal-hal yang bersangkutan. Proton sahaja, kita boleh lihat sekarang alat-alat pengganti Proton tidak dari negara Jepun tetapi dari negara lain datang melimpah-ruah ke negara kita, reka bentuk yang sama, ciptaan yang sama, model yang sama tetapi satu sahaja masalahnya. Apabila kita guna pakai benda ini kadang-kadang benda tidak dapat disesuaikan dengan keadaan Proton kita di negara ini. Itu Proton sahaja.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Terutama dalam komputer. Saya lihat reka bentuk susun atur litar bersepadu ini amat berguna kerana apabila kita mempunyai undang-undang yang sedemikian, kita dapat melindungi hak cipta terutama dalam negara kita. Dahulu kerajaan pernah berura-ura dan menyarankan supaya kita mengambil para saintis dari negara Barat terutamanya dari Rusia dan sebagainya tetapi hingga sekarang perkara itu tidak dilaksanakan dengan sempurna, sama ada oleh pihak kerajaan ataupun pihak swasta kerana negara-negara seperti Balkan ini termasuk Rusia dan sebagainya mereka mempunyai saintis-saintis yang baik mereka berbagai-bagai produk yang boleh dilakukan, termasuk komputer, alat-alat elektronik yang lain daripada komputer, transistor, chip dan sebagainya tetapi hingga pada masa ini saya masih kabur dan kurang jelas daripada pihak kerajaan, apakah kerajaan telah pun membawa orang ini datang ke negara kita untuk memberi perkhidmatan yang baik dalam perkhidmatan Research & Development (R&D).

Dahulu memang kita sarankan, memang kerajaan berhajat untuk membawa terutamanya anak-anak negara kita yang telah pun menjadi pakar saintis. Mereka masih lagi di luar negara sehingga sekarang masih belum pulang ke negara kita untuk memberi khidmat kepada negara mereka sendiri di sini. Saya minta kepada pihak kerajaan supaya lebih serius mengenai perkara tersebut kerana kita lihat sahaja terdapat anak-anak di negara kita ini yang pergi belajar ke luar negara dan tidak pulang – memberi khidmat kepada negara di mana tempat dia belajar, tidak terkecuali di Amerika, German, Switzerland juga di UK. Apa salahnya kita memikirkan perkara

ini dengan lebih serius supaya dapat kita menyelesaikan satu masalah dari segi Penyelidikan dan Pembangunan.

Kita perlu ramai saintis terutama dalam negara yang membangun dengan pesat, terutama lagi kerajaan menekankan supaya kita menjadi satu negara industri. Alhamdulillah, pada masa sekarang wujud negara kita sebagai satu negara industri yang dihormati, disegani di luar negara. Kalau dahulu kita berfikir bahawa jarum pun kita tidak boleh 'bikin' dan buat tetapi sekarang kita telah mengeluarkan pelbagai produk yang telah digunakan. Cuma kadangkala, produk-produk di negara kita ini kurang mendapat penerangan di luar-luar negara. Banyak juga negara yang kurang membangun dan juga membangun saya pergi, mereka masih mencari-cari bahawa produk yang sama, kadangkala dia tanya kepada kami "berapa harga ini?" Katakanlah RM100, padahal dalam negara kita cuma RM60 – kerana dia terpaksa melalui negara kedua. Kita mengeksport barang ini ke satu negara yang lain dari negara itu baru dieksport ke negara yang berkenaan. Saya mengharapkan supaya MITI melalui MATRADEnya supaya bekerja dengan lebih keras mendapatkan pasaran-pasaran lebih baik. Tidak guna kalau kita luluskan undang-undang ini, hak cipta ini, kita buat komputer dan sebagainya pasaran cuma dalam negara tidak menembusi ke dalam pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa hak cipta ini memang sepatutnya kita hormati tetapi kadang-kadang terdapat juga kekeliruan sedikit di atas penjelasan rang undang-undang ini terutama di bawah pe langgaran tidak salah.

Fasal 4 – *“Jika, dalam sesuatu tindakan kerana pelanggaran hak dalam reka bentuk susun atur terlindung, adalah dibuktikan bahawa suatu pelanggaran telah dilakukan tetapi bahawa pada masa pelanggaran itu defendan tidak menyedari atau tidak mempunyai apa-apa alasan munasabah untuk mengesyaki bahawa perbuatan yang merupakan pelanggaran itu ialah suatu pelanggaran”*.

Di sini saya rasa, saya memerlukan penjelasan dari kementerian kerana manusia boleh berkata-kata pelbagai perkataan, pelbagai ayat. Katakanlah sesuatu pelanggaran dilakukan oleh seseorang dan beliau menafikan di dalam mahkamah bahawa, *“Saya tidak melakukan pelanggaran ini dan saya tidak sedar”*. Di bawah paragraph (4) ini ada satu kelonggaran yang boleh melepaskan beliau daripada mendapatkan satu bahagian di dalam keuntungan kerana di sini keuntungan diberi akan tetapi ganti rugi tidak boleh dituntut. Di dalam 'Tindakan atas pelanggaran' di

bawah subseksyen (4), perlu penjelasan kerana telah dapat menyatakan mengenai keuntungan, tidak menyedari atau tidak mempunyai apa-apa alasan munasabah untuk mengesyaki bahawa perbuatan itu merupakan satu pelanggaran, plaintif tidak berhak mendapat apa-apa ganti rugi.

Jadi, kalau saya sebagai pencipta, saya bawa ke mahkamah dan saya mendakwa orang yang meniru hak cipta saya dan orang yang demikian mengatakan, “*Saya tidak melanggar hak cipta ini kerana saya tidak sedar, saya tidak tahu, saya tidak tahu yang ini dicipta oleh si anu bin si anu atau syarikat yang sedemikian.*” Dia boleh menafikan satu kelonggaran dan timbul masalah kita esok antara kita dengan perundangan.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini akan tetapi kita perlu mengkaji, apa salahnya ayat-ayat ini dirangkumkan bahawa ganti rugi hendaklah mendapat pernyataan mengenai keuntungan dan ia juga berhak di atas keuntungan. Di dalam tempoh katakan dia

Tuan Chia Kwang Chye: Yang Berhormat,

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Minta Fasal berapa yang Yang Berhormat sentuh.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Muka surat 13, Fasal 4.

Tuan Chia Kwang Chye: 13.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ya, di bawah seksyen 13....

Tuan Chia Kwang Chye: Oh!

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:paragraph (4).

Tuan Chia Kwang Chye: Fasal 11, ya? Bahagian III, Fasal 11.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Bahagian (4), bahagian (4).

Tuan Chia Kwang Chye: Bukan Fasal 4 ya, Fasal 11.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ya. Seksyen 13(4) Tindakan atas pelanggaran.

Tuan Chia Kwang Chye: Perbuatan yang bukan pelanggaran.....

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye:di bawah

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ha! Ya, ya.

Tuan Chia Kwang Chye:di bawah Fasal 10.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Betul, betul.

Tuan Chia Kwang Chye: Fasal 10 dan Fasal 11.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ya, di bawah ‘Tindakan atas pelanggaran’, ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Ya, Fasal 10 bukan Fasal 4. I dengar Fasal 4.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal 13.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: 13, 13.

Tuan Chia Kwang Chye: Oh! 13.

Tuan Yang di-Pertua: 13(4).

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: 13(4).

Tuan Chia Kwang Chye: Oh! 13. Okay.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Ya. Jadi, katakanlah saya mendakwa orang yang demikian ke dalam mahkamah tetapi dengan sewenang-wenang dia mengatakan bahawa, “*Saya tidak bersalah, saya tidak tahu pun perkara ini berlaku dan saya tidak menyedari pun perkara ini berlaku.*”

Jadi, hilanglah hak cipta, hilanglah right, dengan izin, kepada pencipta-pencipta reka bentuk ini. Jadi, saya rasa paragraph ini perlu mendapat ayat yang lebih baik supaya tidak ada loophole, dengan izin, apabila kita ke mahkamah akan datang, terutamanya manusia ini ada yang pandai, lebih pandai lagi dan lebih pandai dan mereka cari ruang-ruang, saya rasa Tuan Yang di-Pertua dahulu sebagai peguam memang tahulah cara-cara peguam, bagaimana hendak cari helah melepaskan dia punya pelanggan-pelanggan daripada satu tuduhan

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi dalam undang-undang dia kata, “*Ignorance of law is no excuse*”. [Ketawa]

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: [Ketawa] Terima kasih. Jadi, saya rasa itulah sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Dr. Chin Fook Weng.

5.45 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Seperti yang diterangkan ini adalah satu obligasi kita, negara kita apabila kita telah menyertai WTO dan apabila kita telah menandatangani perjanjian TRIPS. Sudah juga sampai masa sebagai satu pemain dalam arena dunia ini, Malaysia

haruslah menghargai harta intelek dan haruslah memberi perlindungan kepada mereka yang telah berusaha untuk mencipta sesuatu.

Saya sangat mengalu-alukan Fasal-fasal yang ada dalam rang undang-undang ini dan saya ingin menyentuh tentang tiga fasal yang saya rasa penting.

Yang pertama, saya rujuk kepada Fasal 8 dan Fasal 8 telah memperuntukkan tempoh perlindungan. Dari masa dicipta pihak yang berkenaan diberi masa 15 tahun dan selepas mulanya dieksploitasikan secara perdagangan, pihak ini diberi 10 tahun. Kalau kita kira, katakanlah satu bulan selepas ia diciptakan, maka sudah bersedialah untuk dieksploitasikan secara besar-besaran dalam perdagangan. Maka apabila tamat 10 tahun ini dalam seksyen 8(1), maka masih ada lima tahun lagi di mana perlindungan diberi di bawah seksyen 8(2). So, itu bermakna apa akan terjadi dalam lima tahun ini? Selepas diciptakan kita ada perlindungan sebanyak 15 tahun, selepas dieksploitasikan kita hanya diberi 10 tahun. So, kalau habis 10 tahun masa masih ada lima tahun, apa akan terjadi dalam masa lima tahun ini kerana perlindungan masih diberi dalam seksyen 8(2) tetapi tidak diberi dalam seksyen 8(1). Ini pertanyaan dan satu pemerhatian untuk pandangan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Saya juga ingin sentuh tentang seksyen 27 dan seksyen 27 ini memberikan hak kepada kerajaan sekiranya kerajaan memerlukan hak cipta ini untuk maksud bukan perdagangan awam iaitu untuk kepentingan rakyat. Katakanlah sesuatu hak cipta itu diperlukan untuk kepentingan rakyat, kita mahu guna hak cipta itu untuk katakan tujuan pertahanan negara atau apa yang dianggap sebagai kepentingan negara.

Fasal 27 ini memperuntukkan bahawa kerajaan dan pihak berkenaan boleh runding dan selepas mencapai persetujuan, maka satu pampasan yang berpatutan diberi kepada pihak ini. Saya hendak cadang kalau ini boleh diterima bahawa hanya untuk kepentingan negara sama ada satu amaun nominal boleh ditetapkan supaya kita tidak payah adakan banyak perundingan kerana mungkin perkara ini sangat mendesak. Kita mahu menggunakan hak cipta ini dengan serta-merta dan pihak pencipta ini mungkin melambat-lambatkan perundingan

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato', apakah maksudnya apabila kita tetapkan amaun itu katakan RM100 ribu sebagai pampasan, sebagai contoh. Mereka-cipta satu *laser pen* katakan, berbanding dengan mereka-cipta satu

alat elektronik dalam pesawat canggih MIG, apakah amaun itu dapat diterima oleh pemikiran kita. Antara mencipta satu *laser pen*, katakanlah RM100 ribu amaun kita bubuh, kita sebutkan dalam Rang Undang-undang ini. Dan, satu reka cipta katakan, dalam bidang elektronik di dalam pesawat yang canggih, katakanlah kita menggantikan dalam pesawat MIG kita yang ada sekarang, canggih buatan negara kita direka cipta oleh orang di negara kita. Apakah RM100 ribu itu memadai dengan membuat satu *laser pen* dengan membuat reka cipta. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Yang Berhormat, di atas pertanyaan itu. Bagi saya, yang saya utamakan ialah kepentingan negara kerana ada masa-masa di mana sesuatu itu begitu mendesak, begitu penting dan kita kena melaksanakan dengan serta-merta. Dan biasanya rundingan dengan amaun ini kerana diperuntukkan di sini kalau tidak setuju nanti kena ke mahkamah. *So*, apabila proses ini dilambat-lambatkan dan kalau ada pihak-pihak luar yang mengeksploitasikan keadaan ini dengan membela pihak pencipta ini dan minta jangan setuju dan pihak kita tidak dapat menggunakan ini. Katakan MIG ini, seperti contoh. Katakan satu lagi kuasa luar, katakan suatu negaralah, musuh kita atau orang yang tidak begitu baik dengan kita datang dan mungkin tawar kepada orang ini atau mengeksploitasikan keadaan ini sehingga pihak ini tidak setuju. Sungguhpun kita bagi RM10 milion, dia pun tidak setuju. Kita tidak dapat menggunakan hakcipta ini untuk kepentingan negara.

Kalau kita ke mahkamah, kita tahulah proses itu ambil masa, selepas itu mungkin kita sudah diserang dan kita tidak dapat mempertahankan negara. *So* di atas sebab itu, saya tanyalah sama ada dalam perkara ini, sama ada kita boleh mengadakan satu formula yang dapat diterima dengan cepat dan juga munasabah kepada pihak-pihak berkenaan dan tidak dapat dieksploitasikan oleh mana-mana pihak. Ini di atas kepentingan negara sahajalah, bukan untuk tujuan-tujuan lain.

Saya juga ingin komen sikit tentang lesen wajib iaitu seksyen 28(2). Dalam situasi ini kalau seseorang pencipta itu tidak mahu hak ciptanya diguna maka pihak lain boleh cuba mendapatkan satu lesen wajib. Katakan penciptaan itu sangat berguna tetapi pencipta ini tidak mengeksploitasikan tetapi kerana dia dilindungi oleh akta ini maka pihak lain tidak boleh mengeksploitasikan untuk kegunaan atau kebaikan masyarakat dan sebagainya. Dalam peruntukan ini, maka pihak yang kedua itu

bolehlah meminta dikeluarkan satu lesen wajib supaya idea ini boleh diguna secara besar-besaran untuk kebaikan masyarakat dan sebagainya.

Dalam peruntukan 28(2) ini, ada disebutkan bahawa rundingan perlu diadakan, perlu diselesaikan, berpatutan dan perlu diadakan dalam tempoh yang munasabah. Selepas semua ini, barulah boleh pergi ke mahkamah untuk sesuatu keputusan sama ada lesen wajib itu harus dikeluarkan atau tidak.

So dalam keadaan yang demikian, bagaimana kita putuskan sama ada masa itu sudah munasabah, sama ada terma dan syarat-syarat itu sudah berpatutan dan sebagainya. *So*, bagaimana kita membuat suatu takrifan tentang perkara ini. Ini juga saya kena tanya, kalau tidak, bila kita akan pergi ke mahkamah. Kalau kita ke mahkamah, adakah mahkamah akan menyatakan, “*Oh, belum habis perundingan lagi, try some more*”, dengan izin, “*cuba lagi terma dan syarat-syarat itu belum diputuskan dengan baik, so balik dan selesai dan kemudian datang lagilah, kalau tidak boleh selesai*”. *So* bagaimana kita akan tetapkan masa yang berpatutan, terma syarat-syarat yang munasabah.

Ini adalah komen-komen daripada saya dan saya harap akan diambil perhatian dan sekiranya dapat dilaksanakan maka saya berpendapat akta ini akan diperkukuhkan untuk kebakan semua pihak. Terima kasih.

5.58 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengambil bahagian yang besar bagi mewujudkan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 ini di dalam arus perdana perdagangan global. Kerana apabila kita menyertai perjanjian Badan Perdagangan Antarabangsa (WTO), ianya menuntut supaya kita sebagai sebuah negara mengiktiraf tuntutan-tuntutan piawaian antarabangsa di mana idea atau *intellectual property* yang dizahirkan di seluruh dunia ini terutama sekali di Amerika terpaksa mendapat mendapat perlindungan. Sebab itulah dalam arus perdana perdagangan k-ekonomi ini, *knowledge economy* ini, atau ekonomi baru, ianya menjadikan idea sebagai modal, satu lagi dimensi di dalam formula ekonomi.

Kalau dulunya formula ekonomi berasaskan kepada tenaga buruh, tanah dan modal, *labour, capital, land*, kali ini ianya ditambah dengan satu lagi dimensi, idea, ilmu pengetahuan yang dirangkumkan sebagai *intellectual property* dan dilindungi oleh akta-akta di peringkat negeri-negeri atau negara-negara yang berdaulat. Dan,

kalau kita hendak menyertai perdagangan antarabangsa dengan negara-negara ini, kita juga dituntut untuk mewujudkan sistem perundangan yang sama supaya idea-idea yang dicipta oleh negara-negara maju tidak dicerobohi oleh negara-negara yang baru muncul yang membangun seperti Malaysia.

Sebab itu kita adakan rang undang-undang ini. Sebenarnya rang undang-undang ini kalau kita tinjau dari segi perspektif siapa yang lebih untung, yang lebih untung ialah negara-negara yang maju, yang banyak mempunyai *pattern* kerana saya terbaca di dalam *The Economist* yang terbaru ini, “*Who own the knowledge economy?*”, “Siapa yang punya ekonomi “k” ini?”. Bukannya Malaysia, bukannya China kerana kita sebenarnya dari segi *pattern* yang berdaftar di peringkat mana-mana sahaja pendaftaran amat kurang sekali.

Saya lihat di sini, saya diberitahu mengikut majalah ini, di Amerika Syarikat sahaja *pattern* yang didaftar oleh United States *pattern of trade mark office* ialah 161,000. Pernah saya tanya dalam Dewan ini, berapa *pattern* yang didaftarkan oleh mereka yang mencipta idea-idea baru di Malaysia? Kerana kita hendak lindung *pattern* ini. Bukan sahaja di negara kita, bahkan supaya ianya tidak ditiru dan dicerobohi oleh pengguna-pengguna di Amerika, di India, di China, di Eropah. Kita hendak tanya siapa yang untung? Siapa yang kita hendak lindung? Sebenarnya kita hendak lindung *pattern-pattern*, idea-idea yang berdaftar kebanyakannya di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, pernah satu orang membuat ungkapan. Saya mohon izin untuk memetik ungkapan ini, “*The lack of protection of intellectual property is one of the more mandate consequences of an unsound legal system*”. Maknanya kita memerlukan satu sistem perundangan untuk hendak menjaga, barulah mungkin Malaysia diterima oleh *partner-partner*, sahabat lain, perkongsian bijak dan sebagainya sebagai *partner*, sebagai rakan kongsi di dalam dunia perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok, kalau kita tinjau dari segi apa yang berlaku di negara-negara maju untuk hendak memastikan supaya idea mereka tidak dicerobohi, saya hendak ambil kira dari segi bagaimana Silicone Valley – Silicone Valley yang kita hendak buat serupa yang di MSC iaitu satu lagi *corridor multimedia*. Saya hendak ceritakan dari segi Silicone Valley. Bagaimana pentingnya undang-undang semacam ini di negara mereka dan tidak penting sangat di negara kita tetapi kita terpaksa mengakuri, mengikuti tuntutan-tuntutan mereka.

Di Lembah Silikon, *pattern* yang berdaftar tahun 1995 sahaja ialah 3,490 iaitu 50% daripada wilayah-wilayah lain. Wang yang digunakan sebagai penyelidik akademik pada tahun itu ialah USD 1.1 bilion, iaitu duit Amerika, nombor satu kalau ikut dari segi wilayah-wilayah lain. *Research and Development* (Penyelidikan dan Pembangunan) 16% daripada hasil penjualan. Saya hendak tunjukkan bagaimana mereka mementingkan *intellectual property* ini. Dua kali ganda lebih daripada pukol rata peringkat nasional Amerika.

Pusat-pusat penyelidik ialah sebanyak 719 di Silicone Valley, nombor satu dan modal teroka (venture capital) yang diterima ialah USD 2.1 bilion. 50% daripada jumlah modal teroka di Amerika Syarikat adalah berpusat di Silicone Valley. Ini menunjukkan bahawasanya mereka amat memerlukan undang-undang semacam yang kita hendak wujudkan ini, yang kita hendak buat ini kerana di sanalah sebenarnya wujud penyelidikan-penyelidikan yang boleh membuahkan idea-idea yang terpaksa didaftar supaya tidak ada orang meniru.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dari segi modal teroka (venture capital) di negara kita ini tidak banyak. Badan-badan atau institusi kewangan yang secara mudah memberi wang untuk saudara saya Yang Berhormat Senator Marimuthu untuk menerokai idea baru membentuk satu komputer atau apa sahaja software kah, mungkin bank tidak beri. Pasalnya bukan menjadi budaya kita untuk melayan dan memberi kewangan 'biji' (seeds) kerana dari segi takrif pewujudan modal teroka ini, Tuan Yang di-Pertua, dia ada peringkat-peringkat. Di Amerika Syarikat misalnya, mereka telah pun membelanjakan berbilion-bilion.

Saya tengok di sini dari segi sektor yang dibelanjakan iaitu berjumlah, kalau ikutkan dalam tahun 1998 ialah USD 19 bilion pelaburan di dalam bidang teroka modal ini dan 3,446 syarikat menerimanya. Dan bidang-bidang yang mereka terokai ialah Internet (USD 2.5 bilion) wang modal teroka ke arah itu. Saya hendak tahu berapa di Malaysia. Mungkin Telekom buat. TIME dotCom buat. Itu pun kita hendak jual ke Singapura. SingTel yang kita bahas ini supaya Sapura masuk. Saya tidak tahulah macam mana kerajaan akan mengambil kira ini, TIME dotCom (RM 400 juta), kalau SingTel masuk ini dapat 20%.

Computer software and services (USD 4.7 bilion), komunikasi (USD 4.5 bilion), dari segi kesihatan (USD 1.9 bilion), semi-konduktor dan elektronik yang lain (USD 1.1 bilion), bioteknologi pun dia buat. Amerika yang lebih banyak buat

bioteknologi daripada kita sungguhpun kita hendakkan makanan, kita ada buat. Saya hendak tanya sekarang ini, apa yang FRIM, apa yang MARDI, apa yang mereka buat yang menghasilkan benih-benih padi yang seperti saudara saya sebut, Datuk Long di mana dia dapat semasa Pilihan Raya Kecil Sanggang dulu, bukan main banyak jenis padi yang mungkin lebih baik daripada jenis padi yang diterokai oleh MARDI, benih-benih padi asli ini. Yang di bukit, bukan senang-senang dapat. Yang boleh ditanam di bukit-bukit. Tidak perlukan air, tidak perlukan perbelanjaan air.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di Rompin, kawasan tempat Datuk Long Jidin ini, Bank Dunia memberikan peruntukan begitu banyak hendak tanam padi, sekarang ini kawasan itu dijadikan kelapa sawit. Tidak semua jadi padi. Kos tanah seekar untuk membaikinya hendak menjadikan ia sebagai sesuai untuk padi kurang-kurang RM4, RM5 ribu seekar. Akhirnya jadi kelapa sawit. Jadi, soalnya Tuan Yang di-Pertua, yang kita tengok pula tahap pencapaian dari segi modal teroka ini, apa yang dia sudah buat? Yang dia buat mengikut peringkat tahap pencapaian di Amerika, *seed* yang saya katakan tadi USD384 juta, *seed* maknanya peringkat permulaan sekali. Kecambahan biji ini untuk hendak bercambah.

Start up (permulaan) USD750 juta dan *stage-stage* yang lain diadakan juga pengembangan 4 bilion dan juga sekarang ini dipasarkan sudah USD9.4 bilion, dari segi teroka modal ini yang dibuat di sana. Berapa banyak saya hendak tanya modal teroka di sini kerana Tuan Yang di-Pertua, nisbah saintis di negara kita ini amat kecil sekali. Saya tengok yang terbaru saya diberitahu mengikut dasar sains negara, nisbah saintis di negara kita ini, kita hanya mempunyai 460 saintis setiap sejuta penduduk. Tidak ramai. Maknanya kalau kita ada 22 juta, katalah kita ada 22 juta penduduk, ($20 \times 4 = 80,000$ orang). Yang matlamat kita berkehendakkan 2,300 orang saintis setiap 1 juta penduduk.

Dari segi arus perdana pendidikan, kita sudah tahu dan kita sudah bincang, kalau dulunya kita hendakkan 60% bahagian Sains, 40% bahagian Sastera, pun tidak dicapai. Kini kita tingkatkan, kerajaan hendak mendorong anak-anak kita mengambil Sains, 70% kepada 30%, macam mana kita hendak capai? Kalau sekiranya kurangnya guru-guru Sains, kurangnya guru Bahasa Inggeris, guru Matematik ataupun di kampung-kampung, elektrik tidak ada, tidak tahu hendak gunakan komputer. Tidak boleh buat ini dan itu.

Bagaimana kita boleh mencapai matlamat supaya dapat dilindungi oleh Akta ini yang hendak melindungi hak cipta, yang hendak melindungi hak intelektual ini, cipta idea-idea ini, bagaimana kita boleh mengambil faedah yang maksimum kepada Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 kalau prasarana pewujudan saintis-saintis negara kita begitu kurang sungguhpun kita wujudkan MARDI, kita wujudkan FRIM, ramai yang Ph.D.-Ph.D. tetapi, Tuan Yang di-Pertua, mohon izin, the rate of commercializing the findings, penemuan-penemuan sains begitu lewat, slow, lambat.

Saya hendak tahu sekarang ini daripada penemuan-penemuan saintis-saintis di FRIM, di MARDI ataupun SIRIM, daripada penemuan-penemuan itu berapa banyakkah telah direalisasikan dari segi perdagangan, perindustrian, dari segi commercialization, mungkin 30% the rate of realization, mohon izin, atau mungkin 40%. Jadi soalnya sekarang ini kita terpaksa menentukan bahawa kita bersedia dengan penemuan-penemuan. Kita tahu beratus-ratus juta kerajaan sediakan dari segi penyelidikan dan pembangunan dan kita dengar, tengok dalam surat khabar berapa ramai anak-anak kita mencapai medal emas, menang dari segi mencipta barang-barang baru.

Saya amat gembira mendengarkan Institut Teknologi Mara melahirkan 4 orang anak bangsa kita ke peringkat antarabangsa ke Geneva, menang. Ini pencipta-pencipta yang baik dan mereka pula, buat perekaan kereta-kereta. Saya ucapkan syabas. Berapa ramai lagi, adakah pendekatan kita menzahirkan sains di kalangan penuntut-penuntut ini boleh menjadikan mereka kreatif. Adakah kita sekarang ini dari segi sistem pendidikan melahirkan orang-orang yang kreatif ataupun anak-anak yang hanya berpaksi pada pendidikan yang dituntut oleh peperiksaan *rock learning*.

Ini ada bezanya, Tuan Yang di-Pertua. Cara pendekatan pendidikan pun akan melahirkan generasi yang berbeza-beza. Generasi yang kreatif dan inovatif dizahirkan menerusi cara dan pendekatan pendidikan yang kreatif, yang banyak soal jawab, yang interaktif antara guru dengan murid. Ini tidak, kadang kala kita takut, kita tengok cikgu, kita ketar. Lepas itu bila sudah besar kita tumbuk, ini berlaku. Jadi tidak ada komunikasi yang begitu melunakkan pemikiran sehingga lahir anak-anak yang boleh bertanya dan mendapat soalan-soalan ditanya dengan baik dan jawapan yang baik.

Anak kecil kita kalau bercakap banyak, hei bising, kita tidak menjawab, tidak kita tanya kenapa bulan di sana? Mengapa biri-biri mengembek? Atau ini atau itu. Kita tidak menjawabnya dengan secara positif, kita marah. Sampai ke sekolah ibu bapa yang sama, modul, acuan yang sama menjadi cikgu pun dia buat begitu juga. Banyak sangat soalan kadangkala anak murid lebih pandai daripada guru kerana pendedahan dia menerusi Internet dan sebagainya, dia banyak lagi ilmu pengetahuan. Hei, budak ni hendak memandai sangat, mungkin kena sepak saya pun tak tahu. Kalau dulu masa zaman saya dulu waktu cikgu boleh pakai rotan, perkara ini berlaku, mungkin sekarang ini tiada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini prasarana mesti wujud bagi negara kita menzahirkan saintis-saintis, pencipta yang kreatif untuk mereka berlari-lari kepada pejabat paten, nah, saya hendak idea ini berdaftar dengan pejabat paten. Barulah kita merasakan sesungguhnya Akta ini melindungi idea-idea anak bangsa tapi sekarang ini kita masih lagi saya berpendapatlah berat sebelah, hanya hendak melindungi Microsoft, IBM, hakcipta-hakcipta yang dibuat di Amerika dan mereka memerlukan ini kerana untuk makluman saudara saya, di negara kita ini, dari segi peniruan dan menggunakan hak cipta orang tanpa izinnnya bukan main banyak, berleluasa sekali terutama sekali dalam bidang komputer.

Kita dapat tahu di negara kita penggunaan software tanpa lesen. China, Benua China, 96%, ha ini yang diguna tanpa lesen. Ini mengikut satu kajian, Indonesia 93%, Thailand 84%, Philippines 83%, Malaysia yang tercorot sekali 70%, ini mengikut kajian. Banyak sangat penggunaan-penggunaan hak cipta ciplak yang ditiru-tiru, yang diguna tanpa lesen sehinggakan kita tengok ada kempen oleh syarikat-syarikat ini bagi hendak menentukan barang-barang dia tidak ditiru oleh mana-mana pihak, ada kempen.

Saya tengok kempen sekarang sudah berjalan sehinggakan ada syarikat-syarikat yang sanggup memberi sampai RM20,000; memberi RM20,000 terhadap laporan yang menggunakan produk tiruan ini, siapa-siapa sahaja beri laporan kegunaan Microsoft ini kalau sekiranya terdapat orang yang menggunakan yang tidak ada certificate authenticity, dia bayar RM20,000, sampai begitu sekali.

Soalnya sekarang, dengan adanya Akta ini siapa sebenarnya mengambil tindakan terhadap pengguna-pengguna yang meniru ini, adakah orang yang mempunyai hak cipta itu ataupun kita hendak menanamkan budaya menggunakan

barang-barang asli, barang-barang yang mempunyai certification of authenticity, sijil kesahihan ataupun kita biar begitu saja melanda pasaran kita. Kalau kita pergi ke pasar malam, saya pernah juga berjalan ke hulu ke hilir hendak tengok keadaan, banyak ni, VCD, cerita-cerita Bollywood yang canggih-canggih ini. Saya percaya saudara saya Senator Marimuthu pun tahu ini.

Sekarang ini Bollywood, Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan yang mulia ini, dia punya cerita nampak pusat, ke hulu ke hilir, ke hulu ke hilir, hebat lagi daripada cerita dulu-dulu dan nampak pusat lebih hebat daripada nampak semua, banyak orang kata begitu, saya tak tahu. Tapi soalnya sekarang ini perkara ini wujud di sekitar jalan-jalan raya, jalan-jalan pasar di mana benda ini secara terang-terangan bila ada orang datang secara hendak memeriksa, dia bungkus, dia cabut lari. Dia ada, benda itu senang saja, dia taruk atas kain, dia letak benda itu lepas itu dia ada sahabat dia, di hujung sana, menelefon, dia pakai semua, sekarang ini canggih, ini canggih, dia gunakan telefon, dia telefon sahabat dia, ada orang hendak datang, penguat kuasa datang, dia bungkus, cabut lari, ini berlaku. Jadi, macam mana hendak menangkap perkara yang semacam ini, nampak saja sikit dia terus cabut lari.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Dewan yang mulia ini, akan surrender kalaulah kita hendak menguatkuasakan ini menerusi Mahkamah Tinggi, kita tak ada kerja lain di Mahkamah Tinggi. Sekarang ini mahkamah kita saya dengar cerita tadi 700,000 kes belum selesai, tambah dengan perkara semacam ini, ratus-ratus ribu kes mengikut perundangan ini kalau kita benar-benar mengikut seperti yang saya sebutkan mengikut kajian, 70% hak-hak tiruan itu, itu hanya software, benda lain lagi kita tak tahu. Saya tengok besok, Mahkamah Tinggi selain daripada mahkamah, sistem kehakiman, selain menyelesaikan traffic, dia menyelesaikan untuk menguatkuasakan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 pasal terlalu banyak kes-kes macam ini.

Jadi, saya bimbang kalau kita hendak wujudkan satu pendekatan bagi hendak mengawal selia dan memberikan hukum kepada mereka yang melanggar syarat-syarat seperti yang termaktub di sini, Fasal-fasal di sini, tubuhkan satu lagi sistem penghakiman patent di mana hal-hal patent sahaja, pasal ini banyak hal-hal patent sahaja kerana dia banyak sangat. Kalau kita betul-betul hendak menyelesaikan masalah ini selain daripada memberikan pendidikan kepada pengguna supaya jangan menggunakan benda-benda yang tidak tiruan, yang tidak original, itu satu yang kita

boleh buat. Yang kedua, wujudkan sistem judiciary yang hanya bekerja menunggu orang kena tangkap kerana menyalahgunakan ataupun meniru ataupun mencero bohi hak-hak cipta, hak-hak intelektual. Itu sahaja yang kita boleh buat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan syabas kepada syarikat-syarikat, iaitu macam Microsoft berkempen, pencerobohan software (software piracy) dengan cara menggunakan pendekatan pendidikan, penguatkuasaan, pembangunan produk, maknanya produk itu sendiri akan menyekat, tidak boleh tiru. Ia ada satu sistem, satu cara, saya pun tidak erti juga. Ia ada satu cara bila kita tiru sahaja ia tidak menjadi. Ia ada saha ja bugnya, ada sahaja pepijatnya, jadi itu baik. Industri software mungkin dilanda kerugian. Ini pun sampai RM79 juta atau US\$300.2 juta dengan perkara-perkara tiruan ini. Ini syarikat yang membuat kajian ini. Jadi, perkongsian bijak dengan kerajaan mesti wujud antara

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Mohon penjelasan, ya. Tadi, Dato' Aziz ada bercakap mengenai bug virus. Adakah pencipta-pencipta ini kurang peka tentang virus ini? Kerana baru ini saya lihat "ILOVEYOU" bug telah melanda seluruh dunia tetapi rasa saya Malaysia tidak terlibat tetapi di Amerika amat serius, Walls Street pun terkena, beratus-ratus juta US Dolar dalam masa seminggu sahaja. Saya minta, pencipta pencipta satu peralatan komputer itu, apakah ia tidak memikirkan ada satu masalah kerana bug ini pun saya rasa sudah banyak bug dah, millineum bug dan pelbagai bug? Ini "ILOVEYOU" bug pula keluar minggu sudah. Sekian, terima kasih, minta penjelasan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya amat gembira kerana sahabat saya amat prihatin dengan pepijat ini. Dahulu sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pepijat yang paling besar merunsingkan dunia yang telah pun menelan belanja berbilion-bilion ringgit ialah pepijat Y2K. Ramai orang tidak naik kapal terbang kerana takut pasal bila sampai 31 Disember 1999, waktu itu bank pun sebelum 31 Disember, 1999 sudah tutup, sehari sebelum itu ditutup kerana takut sangat Y2K ini, komputer tidak boleh baca '2000' itu, dia sampai '1999'. Kalau 2000 itu '0', dia tidak erti hendak baca.

Jadi, Alhamdulillah, di Malaysia, atas kegigihan cerdik pandai negara kita - ini saya ucapkan tahniah, baik dari segi MAS, Bank Negara, sistem perbankan tidak

ada duit yang hilang. Yang hilang ini ialah menerusi ATM sahaja, dengan Y2K tidak ada. Yang secara besar-besaran ini tidak ada, ATM pula, ini menunjukkan pandai juga.

Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja pengawalan wujud, sistem wujud, ada sahaja yang mencari jalan hendak memecah ini. ATM pun ia boleh pecah, saya tidak erti macam mana ia boleh mengambil kira, boleh mengeluarkan duit orang menerusi ATM, saya pun tidak faham. Ini mungkin pattern rightlah secara jenayah yang boleh diberi pattern right, tidak termasuk dalam ini.

Tuan Yang di-Pertua, "ILOVEYOU" bug ini, kalau kita "bug I love you" makna sini, gigitan "I love you" di leher. Masa saya muda saya dengar cerita, ramai orang-orang muda waktu itu ia bermegah-megah. Siapa yang pada paginya dapat ini - bite, love bite ini, saya panggil "I love you bug" ini, bite di sini, di leher. Tetapi sekarang ini "ILOVEYOU" bug masuk pepijat ini ke dalam komputer-komputer terutama di Amerika. Amerika ini pelik sedikit, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dia lagi ketat. Perundangannya lagi lama lagi mendakam, lagi tebal tetapi lagi banyak pencerobohan, inilah amalan dunia. Yang baik itu jarang orang buat, yang tidak berapa baik itu sebagai manusia biasa banyak orang buat. Apa undang-undang sekalipun banyak yang membuatnya, yang memecah, menceroboh.

Begitu juga satu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, budak berumur 15 tahun boleh memecahkan kod Pentagon. Dia trace tengok, seorang bukan kecil dari England. Di England, budak berumur 15 tahun dia boleh decode rahsia-rahsia Pentagon, cuba bayangkan, pening kepala. Saya tidak tahu adakah ini usaha siapa, tidak tahu, mungkinkah ini boleh mencetuskan peperangan antara Bosniakah, antara Iraq dengan Amerika, kita tidak tahu? Mungkin kerana decoding yang dibuat oleh budak nakal umur 15 tahun ini. Jadi, pepijat-pepijat (bugs) ini memang banyak berselerak. Soalnya sekarang ini adakah kawalan bug, kawalan-kawalan seperti ini dibuat juga menerusi undang-undang di negara kita ini, mungkin ada, saya tidak tahu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada software piracy di mana orang yang punya software-software itu bekerjasama dengan kerajaan untuk mencegah pencerobohan piracy ini tadi, pencerobohan software yang boleh meningkatkan kerugian sampai US\$300.2 juta. Jadi, perkongsian di antara syarikat-syarikat dengan kerajaan mestilah wujud di mana ciri-ciri keselamatan software ini yang diberikan pula Certification of Authenticity ini - Sijil Kesahihan, patutlah kita galakkan di negara kita ini. Kalau kita buat demikian mungkin kurang yang melanggar syarat-

syarat perundangan di dalam akta yang kita hendak gubal ini dan mungkinlah Mahkamah Tinggi pada waktu itu kurang sedikit kerjanya, biarlah Mahkamah Tinggi yang sedia ada. Ia berpusar-pusar dengan orang trafik yang banyak buat salah dengan kesalahan daripada akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Microsoft juga mempunyai kempen *buy original* di Kuala Lumpur ini etika membeli dan menghormati hak-hak harta intelek. Kempennya sudah berjalan lima bulan. Kempen ini dan juga kempen mendidik sudah berjalan, kita ucapkan tahniah. Penjual-penjual produk dia berjanji untuk menjual produk-produk asli sahaja.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mewujudkan satu telefon hotline ini - Microsoft in the honesty hotline, ia juga memberikan seperti yang saya katakan RM20,000 award kepada sesiapa yang melaporkan terhadap mereka yang menggunakan produk tiruan ia boleh diberi - seorang sudah dapat RM20,000. Ini tidak mudah pasal ia beritahu kepada Microsoft - tetapi Microsoft sekarang tengah teruk, tengah tenat, tengah nazak di Amerika, pasal orang Amerika ini pelik juga. Microsoft Bill Gate ini, orangnya muda, drop-out daripada universiti tetapi dengan ideanya boleh meningkat sebagai billionaire yang terkaya dalam dunia kerana ideanya menerusi Microsoft windows ini. Sampai sekarang, Amerika pun pening kepala, ia boleh beri pula guna anti-trust law – undang-undang anti-trust ini, undang-undang yang anti-monopoly ini kepada Microsoft dan Microsoft sekarang akan menghadapi masalah besar, berkemungkinan tindakan undang-undang akan diambil di sana. Pattern right sudah ada ini, Microsoft ada pattern right, berdaftar dengan pattern right office di Amerika tetapi terpaksa diambil tindakan anti-trust law oleh kerajaan Amerika. Ini pun satu benda yang menghairankan.

Jadi, kerajaan di sana pun ia fikir juga cara orang yang hendak monopoli ini, tetapi ia mempunyai monopoli kuasa di dunia, tidak ada orang hendak ambil kira, Tuan Yang di-Pertua. Amerika sebagai satu power, satu kuasa hegemony hendak pergi menjadi polis – mata-mata dunia, tidak ada orang ambil kira mengatakan ia ada monopoli dari segi kuasa pasalnya tidak ada orang berani. Kita panggil ia pergi ke ICJ pun - International Court of Judiciary pun tidak dapat juga, tidak dapat diterima.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara semacam ini saya mengharapkan pihak kerajaan peka bagi menentukan undang-undang ini tidak berat sebelah, tidak hanya kita ini menuruti kehendak-kehendak WTO, yang sekarang ini tengah berkempen

hendak memasukkan China ke dalam WTO. Bila China masuk WTO, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang semacam ini terpaksa dibuat dan penguatkuasaan yang dijalankan dan China akan dibawa ke mahkamah antarabangsa kalau sekiranya melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh WTO. Ini sebab dia hendak sangat berkempen sekarang ini, hendakkan China masuk WTO. Kita memang sudah sign dah. Tetapi kenapa demonstrasi wujud di Seattle, kenapa demonstrasi wujud di Geneva, kenapa demonstrasi wujud di Washington?

Orang yang berdemonstrasi bukannya orang KeADILan di Malaysia, bukannya orang universiti di Indonesia, orang putih ini, orang-orang yang lahir anak-anak bangsa di Amerika, di Canada, di Eropah yang berdemonstrasi marah kepada WTO kerana akan menggunakan syarat-syarat macam inilah, hendak menyekat negara-negara membangun supaya meningkat kepada tahap yang maju kerana, Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini 1.3 bilion manusia yang hanya mendapat RM3.80 sehari dan kurang daripada itu. Cuba bayangkan dapat RM3.80 sehari, na si bungkus pun tidak dapat sekarang ini. Kalau campur ayam sedikit sudah RM4, tidak dapat. Campur ayam, campur ikan bilis, telur dua biji tidak dapat, RM4lah kena bayar.

Jadi, soalnya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan wujud. “Padang tidak sama rata”, undang-undang bukan main hebat. Yang untung daripada sini ialah negara-negara macam Amerika - pencipta-pencipta intellectual property di sana.

Jadi, saya mengharapkan jangan kita selalu terikut-ikut sangat dengan TRIPSkah, dengan WTOkah, kerana perjanjian-perjanjian ini sesungguhnya akan merosakkan kita, melemahkan kita....

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Dato' Aziz kerana memberi laluan kepada saya. Tadi, Dato' Aziz menceritakan penduduk dunia yang dapat RM3.80 sehari. Jadi, kebanyakan di negara kitalah orang yang dapat RM3.80 inilah yang menjadi mangsa, maksud saya orang yang meniru pattern itu satu masalah, dijual kepada orang yang mempunyai pendapatan rendah dia ini yang beli pattern tiruan ini, dibeli olehnya. Adakah dia ini besok kalau didapati menggunakan pattern tiruan dia juga didakwa? Ini yang menjadi masalah. Jadi, minta pandangan Yang Berhormat Dato'.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah pukul 6.30 ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya bukan lawyer tetapi kalau sudah

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah pukul 6.30.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya hendak sambung pagi esok ini. Banyak lagi faktor-faktor yang belum keluar.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Majlis Mesyuarat ditangguhkan pada pagi besok jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

4 Mei 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,

B.K.M. (Kedah)

- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:

Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha:

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha:

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PAR LIMEN KESEPULUH
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid II**Bil. 13****Selasa****9 Mei 2000**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan 2000

(Halaman 23)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000

(Halaman 29)

Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2000

(Halaman 97)

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)
(Pindaan) 2000

(Halaman 109)

Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000

(Halaman 111)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 108)

